


Jilid II
Bil. 54



Hari Khamis
3hb Disember 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10861]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:**

**KEBAKARAN DI MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR—
Y.B. TUAN R. KARPAL SINGH (JELUTONG) [Ruangan 10927]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 10930]**

**RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 1993**

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B.33 [Ruangan 10931]

Maksud B.34 [Ruangan 10990]

KANDUNGAN—(Samb.)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1993

Jawatankuasa—

Maksud P.28, P.31, P.32 dan P.57 [Ruangan 10931]

Maksud P.34 [Ruangan 10990]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.1., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

” Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).

” Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

” Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,
DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S.
(Temerluh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat,
DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN
HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P.,
S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR
BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J.,
J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG
DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING
CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK
HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K.
(Semporna).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-
Undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J.,
A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI,
D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang
Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN
(Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT
AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN
HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD.
TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan
Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN
WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH
BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P.,
A.M.P. (Tanjong Malim).

- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN
OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY,
J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA
BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S. K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO'
ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S.
(Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL
BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN,
S.M.J. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR S
SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN,
D.S.P.N. (Balik Pulau).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N.,
P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN
PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN
CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K.
(Kulim—Bandar Baharu).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU
MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K.
(Setiu).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD.
YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG
SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- ” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

- " DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- " TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- " DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- " DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- " TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- " TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- " DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- " DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- " DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- " DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " DR V. DAVID (Puchong).
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasar Mas).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- " DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- " DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- " TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- " TUAN ROBERT LAU HOI Chew (Sibu).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- " DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- " PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- " DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).

- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- ” WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- ” WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- ” WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- ” TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- ” TUAN WONG WING ON (Kampar).
- ” TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- ” DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- ” TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- ” TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- ” TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- ” TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- ” TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Tajjadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

DEWAN RAKYAT

Khamis, 3hb Disember 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PROJEK PERUMAHAN
TERBENGKALAI DI TAMAN
MASDI, TANJONG KARANG**

1. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan telah diambil terhadap syarikat yang membina perumahan Taman Masdi di Batu 9 Tanjong Karang yang gagal menyiapkan perumahan tersebut;
- (b) sejauh mana bantuan yang telah diberi oleh Kementerian untuk membantu pengguna yang telah menjelaskan bayaran membeli rumah tersebut boleh berjaya mendapatkan hak mereka.

- (c) adakah kementerian sedar bahawa ramai pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah membuat bayaran melalui potongan gaji tetapi mereka hampa dan kecewa tidak dapat menduduki rumah yang mereka telah beli.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pemaju yang membina perumahan Taman Masdi di Batu 9, Tanjong Karang ini ialah Syarikat Nazati Sdn. Bhd. yang diberi lesen pemaju bagi tempoh di antara 9-5-1983 hingga 11-10-1989. Usaha-usaha untuk memulihkan taman ini telah berjalan sejak ianya dikenalpasti sebagai terbengkalai pada tahun 1986, tetapi oleh kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju, ianya tidak dapat berjalan dengan baik. Pada 23-11-1990, Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT) telah meluluskan peruntukan berjumlah \$1.7 juta bagi memulihkan projek ini. Kerja-kerja pemuliharaan, walau bagaimanapun, belum

dapat dimulakan kerana pihak syarikat berkenaan telah mempertikaikan perlantikan pegawai penerima dan pengurus dan membawa perkara tersebut untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi; pihak syarikat telah berjaya di dalam permohonannya itu. Mengikut maklumat yang diberi, pihak pemaju bercadang untuk menyiapkan sendiri projek tersebut.

- (b) Kementerian setakat ini bertindak sebagai 'orang tengah' di antara Jawatankuasa Pembeli, pemaju, institusi-institusi kewangan dan TPPT dalam usaha membantu pembeli-pembeli mendapatkan rumah mereka. Peranan yang dimainkan oleh kementerian sedikit sebanyak telah menggerakkan usaha-usaha pemulihan iaitu dengan menemukan semua pembeli dengan pihak-pihak yang terlibat ke meja perundingan. Walaupun usaha tersebut berjalan agak lembab tetapi satu daya penggerak telah berjaya diwujudkan di mana usaha-usaha yang berterusan diharapkan akan mendatangkan hasilnya dalam tempoh yang singkat.

- (c) mengikut maklumat yang ada di kementerian, hanya terdapat 15 orang pembeli yang terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan dari jumlah 42 orang pembeli. Kementerian ini bersimpati di atas masalah yang dihadapi oleh mereka. Kementerian

ini, walau bagaimanapun, tidak boleh mengambil tindakan melebihi kuasa yang diperuntukkan di dalam Akta Pemaju Perumahan 1966 (Pindaan 1988). Di samping itu, pihak pembeli sendiri sebenarnya tidak dihalang untuk mendapatkan hak-hak mereka melalui proses mahkamah kerana kegagalan pemaju adalah merupakan satu pelanggaran kontrak.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Merujuk soalan (c), saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan, adakah pihak kementerian ada membuat satu rekomen dari kepada pihak Perbendaharaan supaya menagguhkan dulu potongan gaji bagi kakitangan-kakitangan yang terlibat?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, pembeli-pembeli yang terdiri daripada kakitangan kerajaan, boleh memohon dan pihak Perbendaharaan akan menimbang perkara-perkara yang dikemukakan dan sehingga hari ini kedudukan yang sebenarnya, di mana pegawai kerajaan telah terlibat di dalam projek terbengkalai ini, ialah potongan gaji hanya dibuat berdasarkan kepada wang yang dikeluarkan untuk membayar rumah yang tergolong di dalam projek terbengkalai. Baki yang belum dikeluarkan bolehlah dipohon oleh pemohon untuk mendapatkan rumah di mana juga mereka suka bagi mendapatkan rumah baru.

CEK-CEK SAHAM MIDFCCS— RASIONAL PENGAGIHAN BAYARAN TUNTUTAN

1. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah rasional MIDFCCS dikenakan membayar 30%

- dari kerugian dalam skandal kehilangan cek saham dan menyatakan jumlah yang kena ditanggung oleh MIDFCCS;
- (b) mengapakah beliau boleh mengarahkan MIDFCCS berbuat demikian tetapi tidak boleh menunaikan janji mengarahkan dua buah syarikat broker saham di Melaka yakni Tan Chow & Loh Securities Sdn. Bhd. dan Straits Securities Sdn. Bhd. (yang dulu dikenali sebagai Chuaco Securities Sdn. Bhd.), membayar gantirugi kepada pembeli-pembeli saham yang telah ditipu oleh agen-agen dan broker mereka; dan
- (c) bilakah institusi pengeluar saham yang kedua akan didirikan dan berikan butir-butir mengenainya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):
Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) dalam menyelesaikan masalah tuntutan pelabur-pelabur yang mengalami kerugian akibat dari kecurian cek-cek MIDFCCS, rasional terhadap pembahagian pembayaran tuntutan diagih-agihkan kepada institusi-institusi terlibat iaitu MIDFCCS 30%, Pos Malaysia 30% dan Institusi Kewangan/Bank 40% adalah seperti berikut:
- (i) bagi menjamin pelabur-pelabur yang terlibat tidak menanggung kerugian;
- (ii) bagi menyelesaikan tuntutan pelabur-pelabur yang terlibat dengan cepat dan berkesan dan

mengelakkan mereka dari mengalami kerugian yang berterusan;

- (iii) bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pasaran saham terutamanya terbitan saham awam baru dalam sistem bank; dan
- (iv) peratusan tersebut dirasakan adil kerana pihak-pihak yang terlibat mempunyai peranan masing-masing dalam proses pemulangan cek-cek tersebut.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Pendaftaran Syarikat telah pun menjalankan penyiasatan yang menyeluruh terhadap kes perdagangan saham secara haram yang berlaku di Tampin baru-baru ini berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Hasil daripada siasatan tersebut menunjukkan bahawa tidak terdapat bukti yang kedua-dua syarikat broker saham berkenaan melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Oleh itu, tidak ada apa-apa tindakan yang hendak diambil ke atas kedua-dua syarikat broker saham berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kedua-dua syarikat berkenaan tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berhubung dengan kes

tersebut. Walau bagaimanapun, seorang wanita, telah didakwa di Mahkamah Sesyen Tampin terhadap dua kesalahan di bawah Seksyen 87A, Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Di samping itu, seorang bekas remisier daripada syarikat broker saham Tan, Chow & Loh (Melaka) dan seorang Pengarah syarikat broker saham Chuaco Securities (melaka), juga telah didakwa di mahkamah yang sama atas kesalahan subahat dengan izin, abatement. Kesemua kes tersebut sedang dibicarakan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983, tidak ada sebarang peruntukan yang membolehkan Menteri Kewangan atau Pendaftar Syarikat untuk mengarahkan mana-mana syarikat broker saham untuk membayar pampasan kepada mana-mana pihak akibat daripada urusan niaga sekuriti yang dilakukan.

Perdagangan sekuriti di Malaysia adalah diperuntukkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Akta berkenaan mengandungi peruntukan-peruntukan yang cukup di dalam memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur sekuriti. Perlindungan dalam bentuk pampasan juga diperuntukkan di bawah Akta ini berkaitan dengan Tabung Kesetiaan dengan izin, 'Fidelity Fund'. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan di sini bahawa

tuntutan pampasan hanya boleh dipertimbangkan jika penipuan atau penyelewengan dilakukan oleh pemegang-pemegang lesen bagi perniagaan sekuriti yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini sahaja. Oleh itu, tujuan utama peniaga-peniaga saham dikehendaki mempunyai lesen di bawah peruntukan Akta ini ialah untuk memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur sekuriti tidak mengira sama ada pelabur besar ataupun kecil.

- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, institusi pengeluar saham yang kedua akan didirikan selepas penubuhan Suruhanjaya Sekuriti. Ini adalah kerana Suruhanjaya Sekuriti akan menjadi agensi pengawalan bagi institusi-institusi pengeluar saham di negara ini dan butir-butirnya adalah seperti berikut:
- (i) Modal dibenar RM10 juta;
 - (ii) Modal dibayar RM5 juta; dan
 - (iii) Pemegang saham terdiri daripada bank-bank saudagar tempatan.

Dan seterusnya dilesenkan di bawah seksyen 12 iaitu lesen peniaga, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dengan syarat-syarat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri

Kewangan, memandangkan bahawa masih timbul banyak skandal-skandal di BSKL, khususnya baru-baru ini di mana terdapat skandal penipuan sijil saham yang palsu yang berulang kali berlaku. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan akan melakukan apa yang beliau telah lakukan dalam skandal cek saham yang dipulangkan dengan mengarahkan Registrar Syarikat-syarikat yang mengeluarkan sijil saham membayar pampasan kepada mangsa-mangsa mereka yang tertipu dengan menerima sijil-sijil saham yang palsu?

Apakah rasionalnya kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh meminta MIDFCCS, Institusi Kewangan/Bank dan juga Pos Malaysia membayar pampasan. Kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk memerintah tiga badan tersebut membayar pampasan, mengapakah beliau berkuasa untuk meminta dua syarikat broker saham berbuat demikian? Kerana nyata sekali kuasa ada pada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kedua, memandangkan juga bahawa skandal-skandal saham telah menjejaskan prestasi BSKL dan juga sedikit sebanyak prestasi ekonomi negara, apakah lagi langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan selepas langkah-langkah lain yang telah disebut sebelum ini untuk memastikan bahawa semuanya skandal ini tidak akan berulang. Adakah institusi pengeluar saham yang kedua akan memastikan sedikit sebanyak bahawa skandal-skandal yang kian berleluasa tidak akan berulang sekali lagi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Melaka bersetuju dengan saya berkenaan dengan langkah-langkah yang begitu

tersusun yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa pasaran sekuriti kita sentiasa dalam keadaan yang terpelihara dari pengawalannya. Kita baru sahaja meluluskan satu peruntukan undang-undang untuk mewujudkan satu Security Commission dengan harapan bahawa apa yang terkandung dalam Commission tersebut mempunyai wibawa yang lebih luas dan juga lebih sistematik untuk mengawal suasana pasaran sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Melaka juga mungkin masih ingat bahawa kita sudah pun dalam proses untuk mewujudkan Central Depository System, dengan izin, dan ini akan dapat dilaksanakan tidak berapa lama lagi. Dengan cara demikian, maka masalah di mana ada saham-saham yang dikatakan palsu dapat dikawal daripada adanya kemudahan seperti Central Depository System ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya ada masalah yang terakhir ini yang dikatakan merupakan saham-saham palsu, maka saya percaya Yang Berhormat dari Melaka dapat memberi masa untuk pihak kerajaan untuk membuat kajian yang begitu terperinci untuk langkah-langkah membetulkan keadaan tersebut dan apapun yang akan diputuskan oleh pihak Kerajaan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka, kalau sekiranya beliau hendak meneruskan usaha untuk membela pelabur-pelabur yang berkenaan dalam kes yang telah dimajukan dalam soalan asal ini, oleh kerana peruntukan undang-undang begitu rupa, supaya dapat membawa kes sivil ini ke mahkamah dan mungkin mendapat kemudahan daripada fidelity

fund yang saya sebutkan dalam jawapan asal saya.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah di antara langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk mengawal pasaran saham di negara kita ini.

Soalan terakhir Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa syarikat yang kedua yang hendak diwujudkan ini, saya percaya Yang Berhormat bersetuju akan meringankan beban dalam hal-hal untuk keluaran saham pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan.

(Soalan No. 3—Y.B. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan tidak hadir)

PENUBUHAN MAHKAMAH RAYUAN—PENGLIBATAN MAJLIS PEGUAM

4. Puan Hajah Ilani bin Dato Haji

Isahak minta Menteri Undang-undang menyatakan, Rukun Negara menghendaki kita sentiasa mengamalkan tatasusila. Apakah beliau sedar pelanggaran tatasusila berlaku apabila Rang Undang-undang berkaitan penubuhan Mahkamah Rayuan tidak terlebih dahulu dirujuk kepada para Hakim dan Majlis Peguam bagi mendapat pandangan mereka. Bukankah bagi membuktikan kerajaan menghormati rakyat, badan-badan bukan kerajaan yang diterima rakyat seharusnya dihormatinya. Lagi pun bukankah ahli-ahli Majlis Peguam adalah pegawai mahkamah (officers of the court) maka sangat berkait rapat dengan penubuhan mahkamah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat dari Kota Bharu

terkeliru sedikit berkenaan dengan tatasusila dan peruntukan undang-undang. Sebagaimana yang telah saya jawab pada 9-11-92 di Dewan yang mulia ini mengenai cadangan penubuhan Mahkamah Rayuan, bahawa kerajaan telah pun bersetuju pada dasarnya untuk tujuan menubuhkan Mahkamah Rayuan. Pada ketika ini, kerajaan sedang mengkaji bentuk, struktur, bidang kuasa dan prosedur-prosedur Mahkamah Rayuan serta pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, Akta Mahkamah Kehakiman, Akta Mahkamah Rendah dan lain-lain Akta yang berkaitan. kerajaan sentiasa bersikap terbuka kepada apa-apa cadangan dan maklum balas mengenai penubuhan Mahkamah Rayuan daripada pihak-pihak luar sama ada daripada Majlis Peguam, Akademik dan orang perseorangan sebelum membuat sebarang pindaan kepada undang-undang.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Tang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Majlis Peguam secara rasmi dijemput—tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kajian sedang dibuat untuk menubuhkan satu Mahkamah Rayuan. Adakah jemputan rasmi diberi kepada Majlis Peguam, para akademik untuk membincangkan apakah bentuk dan struktur Mahkamah Rayuan yang perlu dibentuk dalam struktur mahkamah ini, secara rasmi maksud saya, sehingga kini?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada peruntukan untuk mendapatkan pandangan dan pendapat dari pihak-pihak yang lain, tak perlulah kita membuat permintaan secara rasmi. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kita memang telah pun mendapatkan

pandangan-pandangan dari Majlis Peguam dan pihak-pihak yang berkaitan dengan penubuhan Mahkamah Rayuan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.

(Soalan No. 5—Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir).

BANK PERTANIAN MALAYSIA—SKIM PINJAMAN

6. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) kenapakah hutang tunggakan Bank Pertanian Malaysia (BPM) telah dilupuskan begitu sahaja;
- (b) apakah skim Patriot BPM;
- (c) sejauh manakah skim tersebut telah mendapat perhatian dari petani khususnya; dan
- (d) adakah skim pinjaman yang disediakan oleh BPM itu selaras dengan kaedah Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bank Pertanian Malaysia tidak akan melupuskan hutang tunggakan kepada mana-mana peminjam-peminjam dengan begitu sahaja tanpa sebarang alasan yang kukuh. Pelupusan yang dibuat adalah untuk tujuan perakaunan semata-mata dan pihak Bank akan sedaya-upaya berusaha memastikan supaya peminjam dan juga penjamin bertanggungjawab terhadap pinjaman-pinjaman dan

jaminan-jaminan mereka. Ini dilakukan dengan jalan rundingan, pelepasan, penjualan dan sebagainya, walaupun pelupusan pada akaun telah dibuat. Sehingga hari ini cara ini didapati berkesan.

- (b) Skim Patriot Bank Pertanian Malaysia yang dimulakan pada 29hb Julai 1991 yang lalau adalah merupakan satu perkhidmatan akaun simpanan yang disediakan oleh Bank Pertanian Malaysia kepada orang ramai dan skim ini terdiri daripada 5 jenis akaun simpanan iaitu:
 - (i) Patriot Muda;
 - (ii) Patriot Remaja;
 - (iii) Patriot Tani;
 - (iv) Patriot 2020; dan
 - (v) Patriot Ummah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, semua jenis simpanan akaun ini menawarkan insentif yang menarik seperti faedah insurans kemalangan tertakluk kepada baki simpanan bagi melipatgandakan simpanan di samping menjadikan penyimpan-penyimpan seorang penyimpan yang bijak. Skim Simpanan Patriot menggalakkan semangat patriotik untuk faedah penyimpan dan keluarga mereka.

- (c) Skim Simpanan Patriot ini terbuka kepada semua dan tidak diperuntukkan kepada golongan petani sahaja. Penglibatan golongan petani di dalam menjayakan skim ini

adalah meluas di cawangan-cawangan bank di luar bandar. Sehingga September 1992 jumlah tabungan daripada skim simpanan ini adalah seperti berikut:

	Bilangan Penyimpan (orang)	Nilai (RM)
Patriot Muda	66,365	6,637,298
Patriot Remaja	7,721	1,159,333
Patriot Tani	69,058	35,414,333
Patriot 2020	1,555	900,837
Patriot Ummah	19,394	9,967,415

- (d) Bank Pertanian Malaysia sedaya-upaya cuba untuk menjalankan operasinya selaras dengan kaedah Islam sama ada daripada operasi pinjaman mahupun simpanan. Pada masa ini, Bank Pertanian Malaysia mempunyai 1 jenis skim simpanan yang tidak berunsurkan faedah, iaitu Skim Simpanan Patriot Ummah.

Di dalam skim simpanan ini, penyimpan akan diberikan imbuhan setiap suku tahun berdasarkan kadar inflasi. Penyimpan akan juga menerima insentif simpanan seperti bayaran khairat kematian dan pengecualian cukai pegangan.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen Kementerian memberitahu saya berapakah baki pinjaman yang masih ada, baki tunggakan serta langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengutip tunggakan-tunggakan itu?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan baki pinjaman Bank setakat bulan September, 1992 ialah sebanyak \$1.426 bilion, manakala baki tunggakan ialah sebanyak \$800 juta. Pihak Bank Pertanian sedang berusaha dan terus berusaha untuk mendapatkan tunggakan ini melalui surat-surat peringatan dan tindakan-tindakan guaman serta juga melalui dengan perbincangan-perbincangan dengan pihak-pihak yang membuat pinjaman.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Oleh kerana seringkali dalam masalah pinjaman ini penjamin teraniaya dengan tindakan-tindakan akibat daripada penyelewengan dan kecuaiian peminjam, apakah langkah-langkah yang sewajarnya diambil oleh kementerian supaya perkara ini tidak berlaku?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan tugas Bank. Penjaminlah yang tanggung risiko, sebab dia yang jamin. Jadi, kalau dia menjamin dan peminjam tidak boleh bayar, bank akan mengambil tindakan ke atas penjamin. Bank tak bolehlah campur dan kalau dia tak bayar, kita ambil tindakan, mulanya kepada peminjam, lepas itu kepada penjamin. Jadi, kita nasihatkan penjamin supaya berwaspada sebelum menjadi penjamin dengan senangnya kepada peminjam.

HIV/HEPATITIS B—LANGKAH PENCEGAHAN JANGKITAN KUMAN

7. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh kerajaan untuk melindungi suami isteri dan bayi-bayi

yang lahir yang tidak bersalah daripada dijangkiti kumpulan 'high risk'.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah pencegahan yang diambil adalah seperti memberi pendidikan kesihatan mengenai gaya hidup sihat, ataupun healthy life style, dengan izin, dan selamat kepada suami isteri tentang bahayanya sesuatu penyakit terhadap diri serta anak-anak mereka.

Untuk suami dan isteri yang telah dijangkiti oleh kuman yang boleh berjangkit, mereka dinasihatkan supaya mengambil langkah-langkah perlu supaya kuman-kuman ataupun virus tersebut tidak disebarkan di antara satu sama lain. Bagi wanita pula, mereka adalah juga diminta mendapat nasihat pakar supaya anak-anak mereka dapat dielak daripada dijangkiti oleh kuman seperti HIV, Hepatitis B dan lain-lain.

GURU—PENEMPATAN DI LUAR BANDAR

8. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pendidikan menyatakan masalah guru-guru yang tidak menetap di kawasan mereka mendidik:

- (a) berapa peratuskah jumlah guru-guru khususnya di luar bandar yang tinggal di kampung tempat mereka mengajar;
- (b) sudahkah dikenalpasti faktor-faktor yang boleh menggalakkan guru-guru luar bandar memberi komitmen secara penuh apabila ditempatkan di sekolah luar bandar; dan

(c) adakah Kementerian ber-cadang untuk memperbaiki rumah-rumah guru di Sekolah Kebangsaan Pulau Meranti, Puchong, Selangor yang didapati terlalu uzur dan hampir roboh.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) daripada tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, terdapat 28% daripada jumlah guru yang tinggal di kawasan berhampiran dengan sekolah tempat mereka mengajar. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.
- (b) Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk menyediakan dan memper-tingkatkan faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan guru secara lebih bersungguh-sungguh di luar bandar. Antaranya ialah:
 - (i) menempatkan guru-guru itu di kampung asal mereka;
 - (ii) menyediakan bekalan kemudahan asas yang secukupnya, khususnya tempat tinggal;
 - (iii) menggalakkan guru-guru supaya menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling dan juga menjalin hubungan sosial yang baik dengan masyarakat setempat.

- (c) Kementerian Pendidikan telah pun memperbaiki rumah guru di Sekolah Kerajaan Pulau Meranti, Puchong, Selangor.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya guru-guru yang ditempatkan di luar bandar ialah guru-guru yang baru sahaja keluar daripada maktab ataupun universiti-universiti. Setelah mereka berpengalaman mengajar di luar bandar selama lebih kurang lima ataupun sepuluh tahun atau kurang daripada itu, mereka ini ditempatkan ke sekolah-sekolah utama di bandar.

Oleh itu, sekolah-sekolah di luar bandar biasanya dibekalkan guru-guru yang tidak berpengalaman, manakala setelah mereka mendapat pengalaman yang secukupnya, mereka ditempatkan di bandar-bandar. Adakah keadaan ini akan diubah oleh Kementerian Pendidikan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini menjadi satu anggapan juga di mana kita menempatkan guru-guru yang baru keluar dari Maktab Perguruan ataupun pusat pengajian tinggi kita. Ini tidak boleh kita menganggapkan bahawa mereka ini tidak begitu mahir dalam mengajar, tetapi kalau dari segi pengalaman, mereka ini memang masih kurang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kita meletakkan guru-guru yang baru keluar dari maktab ini di kawasan-kawasan yang memerlukan, yang masih banyak tempat kosong di sekolah-sekolah kita di luar bandar. Dan untuk meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa ada guru-guru yang

berpengalaman juga ditempatkan di kawasan-kawasan luar bandar seperti Guru Besarnya, Penolong Kanannya, supaya kualiti atau taraf pengajaran oleh guru-guru yang baru keluar ini dipastikan wujud di kalangan mereka ini.

Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, di antara faktor yang menggalak guru-guru luar bandar memberikan komitmen secara sepenuhnya ialah menyediakan tempat-tempat tinggal yakni rumah-rumah guru.

Adakah Kementerian bercadang ataupun telah bersedia untuk menaikkan taraf rumah-rumah guru, baik yang sedia ada ataupun yang akan dibina nanti, yang hari ini rata-rata ialah rumah-rumah jenis 'E' ataupun 'F' yang kebanyakannya ialah rumah-rumah papan digantikan rumah yang lebih selesa dan yang sesuai.

Dan adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan khususnya Guru-guru Besar tinggal di rumah yang telah disediakan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan kita untuk memberikan kemudahan sepertimana yang saya sebutkan tadi di sekolah-sekolah kita khususnya sekolah-sekolah di luar bandar, di mana tempat untuk disewa oleh guru kita tidak begitu mencukupi. Jadi, di mana masih kekurangan rumah guru, dalam peruntukan pembangunan kita, kita menyediakan rumah-rumah guru dan sekolah-sekolah di luar bandar, di mana sekolah baru dibangunkan, rumah-rumah guru ini adalah termasuk dalam kompleks bangunan sekolah itu.

Dan soalan yang kedua tadi, bahawa tujuan untuk meningkatkan

taraf rumah. Ini adalah mengikut pelan-pelan yang telah disediakan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rumah baru guru yang diadakan di kompleks sekolah baru yang kita bangunkan di luar bandar ialah termasuk flat dan juga rumah Guru Besar dan rumah guru dan untuk mengadakan kelas adalah boleh dikatakan diperbuat dari konkrit.

Dan soalan yang ketiga tadi, bahawa Guru Besar memang digalakkan untuk menetap di dalam kawasan sekolah di mana mereka ditugaskan, sebenarnya adalah diwajibkan untuk duduk di dalam kawasan sekolah. Kalau sekolah yang berdekatan, rumah guru itu disediakan di dalam kawasan sekolah.

KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM— PENGUNAAN

9. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kerajaan sedang menggalakkan penggunaan kenderaan persendirian dan mengabaikan kenderaan awam kerana syarikat yang berkaitan dengan UMNO Baru memiliki hampir semua tol di Malaysia walaupun dasar demikian mengakibatkan kesesakan lalulintas, kemalangan jalan raya dan pencemaran udara.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat lebih merupakan prasangka serong terhadap kerajaan. Sebenarnya, Kerajaan amat menggalakkan orang ramai menggunakan kenderaan perkhidmatan awam khususnya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dengan tujuan untuk

mengurangkan kesesakan lalu lintas, mengurangkan pencemaran udara dan kemalangan jalan raya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberi satu keterangan di Dewan yang mulia ini, bilakah Kementeriannya dapat mengatasi kesesakan lalulintas khususnya di Kuala Lumpur?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi kesesakan lalulintas di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Umpamanya, menempatkan Polis Trafik di persimpangan yang sesak, mengadakan sistem transit laju ringan (LRT) dan membina lebih banyak persimpangan bertingkat di Jalan Duta/Jalan Semantan, dan persimpangan bertingkat yang baru di Jalan Duta/Lebuhraya Bukit Lanjan, di mana persimpangan tersebut adalah menjadi punca kesesakan lalulintas dari Petaling Jaya ke Damansara dan Taman Tun Dr. Ismail.

Di samping itu bagi mengatasi kekurangan kenderaan awam pula, kerajaan sentiasa mengeluarkan permit-permit kenderaan perkhidmatan awam untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, soalan ini confuse sedikit, saya ingin bertanya siapakah UMNO Baru? Kerana UMNO yang ada sekarang ini UMNO (baru), dan apakah orang yang bertanya soalan itu, kononnya mereka mengaku mereka ini orang UMNO. Kalau orang UMNO mengapa mereka masih

berkawan dengan DAP dan sanggup berketawaria dengan DAP?

Kemudian soalan saya yang sebenarnya, adakah dengan pembinaan lebuhraya ini boleh menimbulkan kesesakan ataupun sebaliknya?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang mula-mula tadi itu tidak sebenar. (*Ketawa*).

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Soalan yang kedua, yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan yang kedua yang sebenar.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dengan mengadakan lebuhraya, persimpangan bertingkat, ianya dapat mengurangkan kesesakan kerana tidaklah semua kenderaan yang jumlahnya di Kuala Lumpur sehingga September 1992 ialah 20,459, ini hanya kenderaan perkhidmatan awam.

Dan kenderaan-kenderaan persendirian sehingga 31 Ogos 1992—5 juta lebih. Dan sebahagian besar daripadanya berada di Kuala Lumpur.

Jadi, inilah masalah kita dan Kerajaan mengambil berbagai-bagai cara untuk mengatasi masalah ini.

Soalan yang tidak sebenar tadi itu, saya tidak payah jawab.

SIASATAN POLIS TERHADAP KETUA KAMPUNG OPAR, SARAWAK

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil penyiasatan polis setelah penduduk-penduduk Kampung Opar telah membuat laporan polis di Balai

Polis Bau, Sarawak 578/92, terhadap tuduhan mereka bahawa Ketua Kampung mereka telah mengambil wang daripada Syarikat Stungkor Butan yang membalak di kawasan mereka, tetapi Ketua Kampung itu tidak pernah memberi wang tersebut kepada rakyat kampung seperti yang dimaksudkan oleh pihak syarikat tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Laporan Polis Bau, Report No. 578/92 ialah mengenai kecurian motosikal dan bukan tuduhan ke atas Ketua Kampung Opar. (*Ketawa*) Jadi, saya ingin tahu sama ada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching hendak membetulkan soalan ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, dia tanya sama ada saya mahu membetulkan, saya mahu betulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, tidak kira sama ada nombor ini betul ataupun tidak betul, sebab saya diberi nombor ini oleh Polis. Memang ada satu laporan yang dibuat di Balai Polis di Pekan Bau itu. Maka itu memang hal tidak besar kepada Yang Berhormat, tetapi hal ini besar kepada orang kampung. Saya minta satu jawapan yang tepat, kalau tidak pun boleh mengakui, tidak pandai menjawab.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya berminat menjawab, saya kata soalan itu tidak benar, tidak payah jawab. Tetapi saya beri peluang, sebab saya hendak jawab. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis telah pun, sebelum itu saya hendak

membetulkan Report Polis sebenar adalah 597/92 dan bukannya 578/92.

Pihak Polis telah pun menjalankan siasatan tetapi tidak dapat menuduh mana-mana pihak termasuk Ketua Kampung berkenaan kerana kekurangan bukti.

Tambahan pula Syarikat Stungkor Butan sendiri mengakui bahawa tidak pernah mereka membayar wang pampasan tersebut, tetapi ada membayar wang RM2,000 kepada Ketua Kampung dan wang RM2,000 itu telah pun digunakan untuk membina tangki menyimpan air untuk kegunaan penduduk-penduduk di situ. Selain dari wang RM2,000 ini, Syarikat Stungkor Butan telah juga menyerahkan wang pampasan sebanyak RM15,000 yang disimpan di Perbendaharaan Kecil Pejabat Daerah Bau, untuk diagihkan kepada penduduk-penduduk Kampong Opar di suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

GURU—KEHADIRAN DI UPACARA RASMI KERAJAAN

11. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa guru-guru yang tidak dapat menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan pada hari Ahad atau lain-lain hari kelepasan am menghadapi ugutan dari guru besar-guru besar yang mewajibkan kehadiran mereka dalam majlis-majlis tersebut; dan
- (b) jika ya, apakah penjelasan Kementerian mengenai per-

kara tersebut dan sejauh manakah ia tidak bertentangan dengan Perintah Am Kerajaan. Jika tidak, apakah reaksi kementerian terhadap aduan mengenai perkara itu yang dibangkitkan oleh seorang pemimpin CUEPACS Pulau Pinang baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan belum menerima sebarang aduan mengenai guru-guru yang tidak dapat menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan oleh kerajaan pada hari Ahad atau hari-hari kelepasan am lain.
- (b) Menurut Perintah Am 2, Bab D, 1980 (Kelakuan dan Tatatertib) setiap pegawai adalah terikat kepada apa juga larangan dan tatakelakuan yang dikenakan di bawah peraturan tersebut selagi beliau berada dalam perkhidmatan kerajaan.

Sekiranya seseorang pegawai itu dikehendaki menghadirkan diri di upacara rasmi kerajaan yang diwajibkan (setelah arahan dikeluarkan) sama ada pada hari Ahad atau hari kelepasan am, tetapi tidak menghadirinya, perbuatannya boleh ditafsirkan sebagai melanggar perintah dan tindakan tatatertib mengikut Perintah Am 4(2)(i) boleh diambil ke atas pegawai berkenaan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Komplen yang dibuat oleh pemimpin CUEPACS Pulau Pinang iaitu ada guru-guru yang tidak mengikut aktiviti-aktiviti pada hari Ahad cuba diberi amaran oleh guru besar. Tetapi ada juga guru-guru yang terlibat dalam pilihanraya, untuk berkempen dengan pihak Barisan Nasional, misalnya, diberi cuti tanpa rekod. Jadi, bagaimana 'double standard' dalam menghukum guru-guru yang bertindak sedemikian rupa?

Dr. Leo Michael Toyad:

Tuan Yang di-Pertua, saya faham ada guru yang mengambil cuti tanpa rekod; tetapi untuk pilihanraya, saya tidak tahu.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, oleh sebab takut kepada pelanggaran Perintah Am Bab D, seperti yang disebutkan tadi, maka guru-guru secara perseorangan memang takut untuk membuat bantahan secara individu, tetapi mereka telah membuat bantahan melalui persatuan-persatuan perguruan yang ada, khususnya, melalui Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan dan Kesatuan ini pula telah pun membuat bantahan tentang guru-guru yang diarah untuk menghadiri majlis pada hari Ahad. Saya hendak tahu apakah keputusan kementerian berhubung dengan bantahan yang dibuat oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPPK)?

Dr. Leo Michael Toyad:

Tuan Yang di-Pertua, soalan itu telah pun saya jawab dalam soalan asal tadi, bahawa di mana perlu, itu adalah satu arahan kepada kakitangan kerajaan.

**PERKHIDMATAN DOKTOR
UDARA—JUMLAH
PEMBIAYAAN**

12. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah penduduk serta bilangan kampung di kawasan pedalaman Sarawak yang telah menikmati "Perkhidmatan Doktor Udara" sejak perkhidmatan tersebut diperkenalkan di negeri Sarawak pada tahun 1973 sehingga sekarang; dan
- (b) jumlah perbelanjaan bagi membiayai perkhidmatan tersebut bagi tahun ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah penduduk dan bilangan kampung di kawasan pedalaman Sarawak yang menikmati "Perkhidmatan Doktor Udara" ataupun, dengan izin, "Flying Doctor Service" sejak tahun 1973 hingga sekarang adalah berubah-ubah setiap tahun. Sesuatu lokasi digugurkan apabila ia mendapat kemudahan seperti perkhidmatan klinik baru atau jalan raya yang membolehkan lokasi tersebut dilawati oleh pasukan kesihatan bergerak. Di samping itu, lokasi baru yang sukar mendapat perkhidmatan kesihatan dikenalpasti dari masa ke semasa dan dimasukkan di dalam program berikutnya.
- (b) Jumlah perbelanjaan untuk membiayai perkhidmatan telah pun meningkat daripada

RM995,923 pada tahun 1975 ke RM3,961,185 pada tahun 1991. Anggaran kos pengendalian perkhidmatan udara bagi tahun 1992 ialah RM4 juta.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita berterima kasih kepada Kerajaan kerana mengadakan "Flying Doctor Service" ini untuk memperkenalkan kesihatan kepada orang luar bandar. Tetapi kesihatan ini terhad jaminannya oleh kerana terdapat tidak kurang daripada 5,000 buah kampung dan rumah panjang di seluruh Sarawak yang berkehendakan perkhidmatan "Flying Doctor Service" ini. Jadi, tiap-tiap satu kampung hanya boleh dilawati sekali dalam sebulan. Ini bermakna orang hanya boleh sakit sekali sebulan sahaja, selain daripada itu tidak boleh sakit. Ada satu lagi dasar kerajaan yang mengatakan tidak boleh buat klinik melainkan terdapat lebih daripada 800 penduduk. Jadi, soalan saya, adakah kerajaan akan mengubah dasar ini supaya boleh dibina klinik di sesebuah kawasan yang penduduknya kurang daripada 800 orang supaya "Flying Doctor Service" ini tidak payah datang lagi?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, bukan maksud Kementerian Kesihatan bahawa orang hanya boleh sakit pada sesuatu masa sahaja—bila-bila pun boleh sakit. Tetapi kita hanya boleh memberi perkhidmatan doktor udara ini pada sesuatu masa yang tertentu sahaja, oleh kerana terdapat beberapa constraints, dengan izin, dan tidak mungkin kita mengadakan perkhidmatan tiap-tiap hari. Saya tidak dapat menurunkan semua sebab-sebab mengapa kita tidak boleh mengadakan perkhidmatan setiap hari. Walau bagaimanapun, kita

sedang mempertingkatkan lagi perkhidmatan "Flying Doctor Service" ini ke kawasan-kawasan pendalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya berpeluang untuk mengikuti beberapa 'expeditions' yang dibuat oleh 'flying doctors' ini dan saya dapati tiap-tiap kali helikopter turun, ratusan orang datang untuk mendapatkan perkhidmatan. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa kesedaran orang dalam perkhidmatan kesihatan ini amatlah tinggi dan oleh kerana itulah maka untuk Sabah dan Sarawak, kita telah meletakkan norma-norma yang berbeza daripada norma-norma di Semenanjung. Oleh kerana itulah berkemungkinan besar bahawa dasar 800 itu akan diubah.

RINGGIT MALAYSIA—KESAN KENAIKAN NILAI

13. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah akibat jangka pendek dan jangka panjang terhadap sektor eksport negara yang dibawa oleh kenaikan nilai ringgit berbanding dengan dollar Amerika. Apakah manfaat dari sektor import, khususnya di kalangan barang-barang modal (capital goods).

8-12-92

26. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kesan kenaikan nilai ringgit ke atas daya saing pengeksport Malaysia;
- (b) adakah kerajaan bercadang mengawal kenaikan ringgit memandangkan kemungkinan ia akan menjejaskan kegiatan eksport barangan Malaysia serta keuntungan para pengeksport; dan

- (c) adakah kekuatan ringgit memanfaatkan kedudukan kewangan kerajaan dan membolehkan hutang luar negara dibayar lebih awal.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap serentak dengan pertanyaan yang sama daripada Ahli Yang Berhormat dari Rompin yang dijadualkan pada 8hb Disember 1992.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun 1992, nilai ringgit telah meningkat terhadap beberapa matawang iaitu sebanyak 9% terhadap dolar Amerika Syarikat, 6.3% terhadap Yen, 11.3% terhadap Deutschemark dan 31.1% terhadap pound Sterling di pasaran pertukaran wang asing.

Peningkatan nilai ringgit disebabkan oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh berbanding dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di beberapa negara perindustrian serta kadar faedah yang tinggi.

Dalam hal ini, adalah penting untuk kita menyedari bahawa walaupun ringgit telah naik nilai terhadap beberapa matawang yang utama, tetapi ianya hanya meningkat ke paras yang wujud sebelum penyusunan semula Plaza Accord pada bulan September 1992 yang telah menyebabkan ringgit turun nilai dengan besarnya.

Sebagai contoh, kadar ringgit/dollar Amerika Syarikat ialah

RM2.5231 pada 20hb November 1992 berbanding dengan RM2.5030 pada 19hb September 1985, iaitu sehari sebelum Plaza Accord. Sebagai ukuran bagi daya saing eksport, indeks kadar pertukaran efektif benar menunjukkan bahawa daya saing Malaysia masih kekal ataupun sekurang-kurangnya setanding dengan negara-negara lain yang merupakan pesaing kepada Malaysia. Tambahan pula, kenaikan nilai ringgit tidaklah semestinya memberi kesan buruk kepada kesemua pengeksport. malah pelaburan baru yang selalunya melibatkan pengimportan kelengkapan perkilangan dan peralatan telah menjadi lebih murah.

Bagi industri yang mempunyai kandungan import yang tinggi, kesan naik nilai terhadap eksport dan import akan mengimbangi di antara satu sama lain, menjadikan kesan pada keseluruhannya adalah kecil. Daya saingan dalam sektor perkilangan tidak seharusnya ditentukan oleh kadar pertukaran asing semata-mata. Perkara yang sama pentingnya ialah peningkatan dalam produktiviti dan kualiti barangan yang merupakan faktor utama yang akan meningkatkan daya saing barangan Malaysia di luar negeri.

Kenaikan nilai ringgit juga telah menguntungkan Malaysia. Keuntungan penilaian semula hutang luar yang bernilai sebanyak RM40,000 juta pada akhir bulan September 1992 adalah besar iaitu dianggarkan sebanyak RM2.5 ribu juta. Banyak syarikat telah menikmati faedah kenaikan nilai ringgit ini dengan membuat bayaran awal ataupun membiayai semula pinjaman luar mereka di sepanjang tahun.

Faedah tambahan ialah kos membayar hutang dalam nilai ringgit

menjadi lebih rendah. Selain dari itu, kenaikan nilai ringgit dan kadar faedah yang tinggi telah menggalakkan kemasukan modal asing yang besar ke Malaysia dan dalam tempoh 9 bulan pertama tahun ini, aliran masuk modal ini telah menyebabkan pertambahan yang besar dalam rizab antarabangsa Bank Negara iaitu sebanyak RM12.4 ribu juta kepada RM42.8 ribu juta pada akhir bulan September 1992. Paras ini cukup untuk membiayai kira-kira 5 bulan import tertangguh. Ini merupakan pertambahan nilai rizab yang tertinggi pernah dialami oleh Malaysia dan paras rizab semasa telah melebihi paras hutang luar negeri sebanyak RM42 ribu juta. Sesungguhnya bayaran awal dan bayaran balik yang dirancang bagi pinjaman pasaran dalam masa 2 bulan akan datang akan mengurangkan paras hutang luar kepada paras kira-kira RM40 ribu juta.

Kekukuhan nilai ringgit adalah disebabkan semata-mata oleh kuasa pasaran dan Kerajaan tidak campurtangan dalam perkara ini. Kerajaan hanya campurtangan jika terdapat spekulasi yang berlebihan ke atas ringgit bagi menentukan pasaran matawang berada dalam keadaan yang teratur.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan tadi bahawa pihak Kerajaan tidak campurtangan dalam pasaran pertukaran matawang asing. Adakah ini bermakna bahawa Bank Negara sekarang telah memberhentikan perdagangan matawang ringgit dalam pasaran nilai matawang kerana seringkali disebutkan dalam suratkhbar khususnya suratkhbar kewangan antarabangsa bahawa Bank Negara merupakan pemain utama sehingga diminta memberhentikan

kegiatan sebegini oleh Federal Reserve Bank, Amerika Syarikat. Adakah Bank Negara masih menceburi dalam permainan seperti spekulasi dalam nilai matawang ringgit?

Yang kedua, memandangkan jawapan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa nilai matawang ringgit kian kukuh. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memasang atau denominate pinjaman daripada luar negeri dalam nilai matawang ringgit, bukan dalam matawang negara-negara asing yang lain.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin menyangkal dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mendakwa bahawa Bank Negara terlibat dalam permainan seperti spekulasi dalam hal pasaran matawang di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar hendak menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya jangan terlalu terpengaruh dengan laporan-laporan dari sumber-sumber luar negara. Lebih-lebih lagi dari pihak-pihak yang tidak senang dengan apa yang kita buat sebagai sebuah negara yang merdeka dan bermaruah.

Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa Bank Negara adalah satu bank pusat yang diiktiraf oleh dunia memainkan peranan yang sewajarnya sebagai satu bank pusat dalam satu ekonomi di mana berlaku pasaran bebas seperti negara-negara yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Yang Berhormat mengkaji semula pendiriannya supaya dia tidak terlalu terpengaruh dengan

laporan-laporan dari sumber dunia Barat lebih-lebih lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada Malaysia akan meletakkan pinjamannya pada masa-masa akan datang berdasarkan kepada ringgit, ini merupakan amalan di peringkat antarabangsa yang tidak mudah untuk diubah. Kita boleh memelihara satu harapan dalam jangkamasa yang panjang apabila dunia di rantau ini akan menjadi satu kawasan di mana berlakunya kemakmuran pertumbuhan ekonomi yang begitu tinggi, maka tidak hairanlah di antara matawang-matawang yang ada di rantau ini akan diiktiraf untuk perdagangan dan untuk tujuan-tujuan kemudahan pinjaman di peringkat antarabangsa yang menggunakan matawang di rantau dunia sebelah kita ini.

Tuan Abdul Malek Munip: Soalan tambahan. Benarkah andaian yang mengatakan eksport kita ke Amerika adalah yang terbesar sekali berbanding dengan negara-negara lain? Jadi, kalau itu benar, tidakkah sikap Malaysia yang kritis, yang acap kali dinyatakan itu akan menjejaskan kesejahteraan ekonomi Malaysia dalam jangka panjang?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dari segi pattern, dengan izin, perdagangan di antara Malaysia dengan dunia, sama ada dengan Amerika Syarikat atau dengan Benua Eropah ataupun dengan Jepun masih lagi tidak berubah sepanjang 10, 15 tahun yang berlalu ini. Maka, pasaran Amerika Syarikat masih lagi pada peratusan yang lebih kurang sama jika dibandingkan dengan yang lain dan pada satu jumlah yang besar juga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai sebuah negara yang

mempunyai kedudukan yang agak istimewa untuk menyuarakan pendapat-pendapat kita tentang hal dunia, maka kita tidak teragak-agak untuk menyuarakan pendapat-pendapat tersebut. Maka, kita merupakan di antara negara yang agak terpilih untuk membuat pendirian.

Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga mempunyai asas-asas yang kukuh sebagai sebuah ekonomi untuk kita meluaskan skop perdagangan kita bukan sahaja dengan Amerika Syarikat, bahkan di antara kita dengan dunia Selatan dan kita harap pada masa-masa yang akan datang melalui kedudukan yang makin lama makin complementary, dengan izin, di antara negara-negara ASEAN ini, maka perdagangan kita akan lebih menjuruskan kepada rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Foo Piew Kok.

Tuan Foo Piew Kok: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-14.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambahkan tiga perkataan kepada soalan saya iaitu perkataan "dari luar negeri" selepas perkataan "Kristian".

PENGKHUTBAH- PENGKHUTBAH KRISTIAN ASING—KEBENARAN

14. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan menegah pengkhutbah-pengkhutbah Kristian dari luar negeri untuk memberi syarahan dan ajaran di negara kita. Kalau ya, kenapa, kalau tidak, apakah syarat-syarat yang dikenakan ke atas mereka.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menegah pengkhutbah-pengkhutbah Kristian dari luar ingin menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan di Malaysia. Kebenaran akan diberi setelah pihak

penganjur dapat membuktikan bahawa tidak ada pengkhutbah-pengkhutbah tempatan yang boleh menjalankan tugas tersebut.

Penganjur juga perlu menunjukkan bukti bahawa segala usaha telah dibuat untuk melatih orang tempatan untuk menjalankan kegiatan atau tugas itu. Peraturan ini perlu demi kebaikan pengkhutbah-pengkhutbah tempatan itu sendiri. Selain daripada itu, mereka hendaklah juga menjalankan tugasnya di dalam gereja.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi maklumat tentang bilangan visa yang telah diberi kepada pengkhutbah-pengkhutbah Kristian di dalam tempoh 1990 sehingga tahun ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, visa yang dimaksudkan itu saya rasa adalah pas ikhtisas. Saya ada angka daripada 1989 hingga Jun tahun ini iaitu sejumlah 25 permohonan telah dikemukakan dan yang diluluskan adalah 17, daripada Kristian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 15—Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan G. Palanivel.

(Soalan No. 16—Y.B. Tuan G. Palanivel tidak hadir).

SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI—MASALAH PENGELUARAN

17. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah projek yang masih belum memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki walaupun permohonan telah

dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan, mengikut pecahan negeri;

- (b) jumlah unit rumah yang terlibat; dan

- (c) sebab-sebab Sijil Kelayakan Menduduki tidak dapat dikeluarkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang dikumpulkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dari Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, jumlah projek yang belum dikeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah projek yang belum memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki	Jumlah Unit rumah yang terlibat
Perlis	3	404
Kedah	18	2488
Perak	10	481
Terengganu	8	636
Selangor	36	8432
Johor	21	5247
Pulau Pinang	7	472
Kelantan	342	3187

Bagi negeri-negeri Melaka dan Negeri Sembilan, didapati tidak ada masalah dalam pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki.

Di antara sebab-sebab Sijil Kelayakan Menduduki belum dapat dikeluarkan ialah:

- (i) pihak pemaju tidak mematuhi kehendak-kehendak sub-seksyen 25 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- (ii) pembinaan tidak menurut pelan yang diluluskan oleh pihak Majlis. Perkara ini berlaku terutamanya berhubung dengan kemudahan-kemudahan infra-

struktur seperti sistem perparitan, pembetungan, bekalan air dan elektrik;

- (iii) pemaju tidak atau belum mendapat kelulusan yang dikehendaki oleh Pihakberkuasa Tempatan daripada Jabatan Bomba, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perparitan dan Saliran, Jabatan Kesihatan dan lain-lain.

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Bagan. Sungai Besi.

Tuan Tan Kok Wai: Saya belum pindah ke Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan ramai pembeli-pembeli rumah menjadi mangsa kerana pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab, saya ingin bertanya sama ada kementeriannya bercadang untuk meminda Akta Pemaju Perumahan supaya pemaju-pemaju perumahan diwajibkan mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki dan menyerahkan sijil ini dan pada masa yang sama kunci rumah diserahkan kepada pembeli-pembeli rumah. Ini untuk memastikan pembeli-pembeli rumah tidak akan dihukum di bawah undang-undang kerana mendiami rumah dengan kunci tetapi tanpa Sijil Kelayakan Menduduki adalah satu kesalahan dan boleh dihukum.

Yang kedua, saya ingin tahu mengenai satu kes yang saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan mengenai seorang pemaju di Kuala Lumpur iaitu pemaju Taman Gemilang di Cheras, kawasan

Parlimen Sungai Besi di mana pemajunya tidak memohon langsung Sijil Kelayakan Menduduki hampir dua tahun selepas kunci rumah diserahkan kepada pembeli. Bolehkah kerajaan mengambil taktik tindakan penguatkuasaan terhadap pemaju yang tidak mematuhi syarat yang berkenaan, tidak memohon Sijil Kelayakan Menduduki.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang mengambil perhatian yang serius terhadap masalah yang dihadapi oleh pembeli dan juga pemaju beserta juga dengan pihak penguasa tempatan. Dalam hal ini, kita telah pun berbincang dengan Majlis-majlis Tempatan, pihak-pihak pemaju, Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia, Persatuan Arkitek Malaysia dan Persatuan Engineers Malaysia untuk mencari jalan bagaimana kita boleh mengelakkan kelewatan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki ini.

Rumusan yang telah kita buat ialah kita telah minta kerjasama daripada pihak pemaju dan di atas persetujuan pihak penguasa tempatan supaya pihak pemaju atau pihak consultant mendapatkan clearance, dengan izin, daripada enam agensi yang terlibat memberi kelulusan untuk mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki.

Agensi-agensi tersebut iaitu bekalan air, bekalan elektrik, sistem perparitan, bomba, JKR dan juga Bahagian Kesihatan. Setelah kita berbincang dan setelah kita mendapat persetujuan pihak-pihak yang terlibat di dalam industri perumahan ini, nampaknya masalah untuk kita mengeluarkan C.F. ini telah dapat kita kurangkan. Walau bagaimanapun, terdapat satu masalah di mana di

dalam Surat Perjanjian Jual Beli terdapat satu tempoh di mana kunci boleh diserahkan kepada pembeli tanpa Sijil Kelayakan Menduduki diperolehi iaitu ada masa lebih kurang dua minggu. Ini pun telah kita bincang dan ianya memerlukan pindaan; sama ada Akta Pemaju Perumahan mahupun Surat Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani oleh pembeli dan juga pemaju. Sekarang kita di dalam peringkat terakhir untuk memperincikan lagi pindaan ini dan kita berharap kita akan mengemukakan pindaan ini di dalam mesyuarat Parlimen yang akan datang.

Untuk menjawab soalan kedua mengenai Taman Gemilang, Cheras yang telah tidak memohon kepada pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan C.F., saya tidak ada maklumat di sini kerana ini adalah satu soalan yang khusus. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Yang Berhormat ingin meneruskan soalan ini, Yang Berhormat bolehlah menulis surat kepada pihak Majlis Tempatan yang berkenaan dan kita di pihak kementerian akan mengawasi perkembangan permohonan Sijil Kelayakan Menduduki tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 5, 15, 16 dan 18 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

SEKOLAH AGAMA/ARAB— PENGAMBILANALIH

3. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengambilalih Sekolah-sekolah

Agama/Arab daripada Kerajaan Negeri atau Agensinya memandangkan sekolah-sekolah tersebut jauh ketinggalan dari segi kemudahan-kemudahan dan pencapaian akademik. Jika tidak mengapa.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah-sekolah Agama/Arab adalah ditubuhkan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dan sekolah ini ditadbirkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Kementerian Pendidikan tidak dapat mengambilalih sekolah-sekolah ini, kecuali pihak jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri bersetuju untuk menyerahkannya kepada pihak Kementerian Pendidikan.

ANAK LUAR NIKAH— BILANGAN

5. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan anak-anak luar nikah yang lahir di negara ini dalam tempoh lima tahun yang lalu. Adakah angka ini membimbangkan berbanding dengan bilangan anak-anak luar nikah yang lahir di negara-negara lain yang sedang membangun. Apakah tindakan yang diambil untuk mencegah kelahiran anak-anak luar nikah.

Tuan Ong Ka Ting: Adalah sukar untuk menyatakan bilangan anak-anak luar nikah yang dilahirkan di negara ini dalam tempoh 5 tahun yang lalu kerana Jabatan Pendaftaran Negara tidak ada statistik yang khusus mengenai perkara berkenaan. Oleh itu perbandingan dengan negara-negara membangun yang lain tidak dapat dibuat. manakala tindakan untuk mencegah kelahiran anak luar nikah adalah di luar bidangkuasa jabatan tersebut.

**SEKOLAH MENENGAH—
SYARAT UNTUK PEMBINAAN**

15. Tuan Maidom P. Pandai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat yang dikehendaki bagi kelulusan untuk mengwujudkan sekolah menengah (SMK);
- (b) berapakah luas kawasan yang diperlukan termasuk kawasan padang; dan
- (c) berapakah luas kawasan yang ada bekas S.K. Kg. Kota Belud yang kini telah dijadikan S.M.K. Pekan Kota Belud.

Dr. Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sesebuah Sekolah Menengah pada dasarnya adalah bergantung kepada:
 - (i) bilangan Sekolah Rendah yang boleh menjadi 'feeder schools';
 - (ii) bilangan pelajar Sekolah Rendah yang akan meneruskan persekolahan ke Tingkatan I;
 - (iii) adanya tapak dan lokasi yang sesuai;
 - (iv) kepadatan sesebuah Sekolah Menengah yang sedia ada;
 - (v) adanya peruntukan dan mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan.
- (b) Luasnya kawasan yang diperlukan untuk membina sebuah Sekolah Menengah termasuk padang ialah 10—15 ekar untuk sekolah biasa dan

20 ekar untuk sekolah yang berasrama.

- (c) Keluasan kawasan tanah bekas S.K. Kampung Kota Belud yang dijadikan tapak S.M.K. Pekan Kota Belud sekarang ialah 5.13 ekar.

**MALAYSIA SEBAGAI PUSAT
PELABURAN—SAINGAN**

16. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya bagi mengekalkan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang menarik di rantau ini memandangkan sektor perindustrian akan dijadikan sebagai asas kemajuan ekonomi menjelang tahun 2020. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementeriannya bagi menghadapi persaingan sengit dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand untuk menarik pelaburan asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S. S. Subramaniam): Bagi mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang menarik, Malaysia harus mempunyai ciri-ciri yang positif dan menguntungkan bagi pelaburan asing dan tempatan seperti keadaan politik yang stabil, kemudahan infrastruktur yang moden, tenaga kerja yang mahir dan terlatih serta insentif yang menarik.

Kerajaan sentiasa mengkaji kedudukan iklim pelaburan negara supaya ia lebih menarik dan sesuai untuk pelaburan. Polisi pelaburan dan insentif dikemaskinikan dari masa kesemasa mengikut keperluan pembangunan perindustrian.

Kemudahan-kemudahan latihan teknikal sedang diperbanyakkan dengan cara penubuhan institusi-institusi latihan supaya lebih banyak pekerja dapat dilatih. Kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM26 ribu juta dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk memajukan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur negara.

Persaingan yang dihadapi dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand untuk menarik pelaburan tidak dapat dielakkan. Kerajaan juga sedar bahawa persaingan ini akan menjadi lebih hebat di masa akan datang.

Oleh yang demikian Kerajaan akan sentiasa memperkukuhkan iklim pelaburan Malaysia dengan mempertingkatkan produktiviti pekerja melalui latihan yang sesuai, memastikan kedudukan politik negara stabil dan mengubahsui serta memperkenalkan skim galakan pelaburan yang setanding dengan apa yang ditawarkan negara-negara jiran.

ORANG-ORANG CACAT— BANTUAN

18. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang cacat yang perlu diberikan perhatian oleh kementerian terdapat di negara ini mengikut negeri;
- (b) adakah kementerian berpuas hati dengan sumbangan dari pihak swasta setakat ini untuk membantu orang-orang cacat ini dan apakah bentuk sumbangan; dan

- (c) nyatakan sepuluh syarikat swasta yang telah banyak memberi sumbangan sejak lima tahun yang lepas.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 1992 didapati seramai 45,852 orang cacat telah didaftarkan dengan Jabatan Masyarakat Malaysia di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Pecahan angka-angka mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Kes</i>
Johor	7,108
Kedah	3,334
Kelantan	5,078
Melaka	2,158
Negeri Sembilan	2,723
Pahang	2,065
Perak	6,129
Perlis	974
Pulau Pinang	4,255
Selangor	3,941
Terengganu	3,241
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4,709
Wilayah Persekutuan Labuan	137
JUMLAH ...	<u>45,852</u>

- (b) Setakat ini, kementerian berpuas hati dengan sumbangan yang diberikan oleh syarikat-syarikat swasta. Bentuk sumbangan adalah merupakan derma wang ringgit, alat-alat latihan vokasional, alat-alat

sukan dan rekreasi dan juga pakaian. Bantuan tersebut ada diberi kepada institusi cacat di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau kepada pertubuhan sukarela yang mengadakan berbagai-bagai aktiviti bagi orang cacat untuk memajukan lagi aktiviti-aktiviti tersebut. Selain dari itu sumbangan yang telah dihulurkan oleh syarikat swasta ialah pembinaan kolam renang di Taman Sinar Harapan Tunku Ampuan Najihah, Seremban dan Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu.

(c) Kementerian saya tidak ada angka-angka menyeluruh berkenaan sumbangan-sumbangan yang diberi oleh syarikat-syarikat swasta kepada institusi-institusi cacat kerana setengah-tengah sumbangan tersebut tidak diberikan melalui kementerian saya. Mengikut rekod kementerian ini 10 syarikat yang telah memberi sumbangan kepada institusi cacat di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ialah:

1. Atlantis Pools K.L. Sdn. Bhd.;
2. Lembaga Totalisator Malaysia;
3. Pan Malaysia Pools Sdn. Bhd.;
4. Kelab Kiwanis;
5. Magnum Corporation Bhd.;
6. Malaysia Airlines System;
7. Persatuan Pemandu Lori Negeri Sembilan;
8. Shell Malaysia Bhd.,

9. Esso Malaysia Bhd.,
10. Frazer & Neave (M) Sdn. Bhd.,

Di samping itu ada juga syarikat-syarikat swasta memberi sumbangan terus kepada Yayasan Kebajikan Negara untuk membantu orang-orang yang kurang bernasib baik termasuk orang cacat.

UNIVERSITI TEMPATAN— PENEMUAN MELALUI KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

19. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah penemuan melalui kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan oleh universiti-universiti tempatan;
- (b) berapa banyakkah di antara penemuan-penemuan ini yang telah berjaya dipasarkan; dan
- (c) adakah kerajaan memberi kebenaran kepada pihak universiti-universiti ini memasarkan penemuan mereka dan apakah peranan serta galakan yang Kerajaan berikan terhadap mereka.

Dr. Leo Michael Toyad:

(a)&(b) Untuk makluman. Ahli Yang Berhormat, perlu diambil perhatian bahawa penemuan daripada hasil kajian dan penyelidikan tidak semuanya bersifat "material" seperti perkakas atau jentera. Adayang dalam bentuk formula atau rumusan dan ada pula penemuan-penemuan yang bersifat abstrak.

Sehingga kini terdapat lebih kurang 400 hasil penemuan melalui kajian dan penyelidikan yang telah

dilakukan oleh universiti-universiti tempatan dan lebih kurang 10% daripada hasil penemuan tersebut telah berjaya dipasarkan. Di antara penemuan-penemuan yang dapat dipasarkan ialah Vaksin Sampar Ayam oleh Universiti Pertanian Malaysia, Sistem Pam Tangan Air oleh Universiti Malaya dan Proses Pengawitan Sisa Buangan Industri oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

- (c) Kementerian Pendidikan tidak menghalang pihak universiti menjual penemuan atau rekaan mereka dengan syarat persetujuan perlu didapati daripada pihak yang membiayai projek-projek tersebut. Sebagai galakan, setiap universiti diperuntukkan RM1 juta setahun bagi tujuan penyelidikan jangka pendek. Di bawah peruntukan penyelidikan ini, universiti diberi kuasa untuk menentukan projek-projek penyelidikan yang akan dijalankan. Peruntukan ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan yang mereka terima daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di bawah program "Intensification of Research in Priority Areas" (IRPA) bagi projek-projek yang lebih besar dan berjangka panjang.

Selain daripada itu peluang-peluang latihan dan pengajian lepasan ijazah juga disediakan untuk menggalakkan serta

memperkuhkan penglibatan pensyarah-pensyarah di dalam bidang penyelidikan.

KRISIS MATAWANG EROPAH—KESAN KEPADA EKONOMI MALAYSIA

20. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah jangkaan pertumbuhan ekonomi negara memandangkan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu akibat beberapa perkembangan seperti kelembaran di negara-negara industri, pengurangan pelaburan Jepun di rantau Asia-Pasifik dan tekanan ke atas ekonomi Jerman;
- (b) apakah kesan jangka pendek dan panjang krisis matawang ekonomi Eropah baru-baru ini ke atas ringgit; dan
- (c) apakah kesan langkah-langkah kerajaan mengawal tekanan inflasi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Sungguhpun keadaan ekonomi dunia tidak menentu, pertumbuhannya dijangka pulih dengan sederhana dan diramal mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.1 peratus dalam tahun 1992 dan 3.1 peratus pada tahun 1993 berbanding dengan 0.1 peratus pada tahun 1991. Perdagangan dunia juga diramalkan pulih pada kadar pertumbuhan yang memuaskan, iaitu meningkat daripada 2.3 peratus pada tahun 1991 kepada 4.5 peratus

dalam tahun 1992 dan 6.7 peratus pada tahun 1993. Pemulihan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia ini dijangka akan mendorong pertumbuhan eksport negara kita. Eksport barangan diramal meningkat sebanyak 13.6 peratus pada tahun 1993 berbanding dengan anggaran 10.7 peratus dalam tahun 1992. Di samping jangkaan pemulihan ekonomi antarabangsa, pertumbuhan permintaan agregat dalam negeri, juga dijangka membantu pertumbuhan ekonomi.

Selaras dengan keadaan ini, maka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar dijangka berkembang pada kadar 8.5 peratus dalam tahun 1992 dan 8 peratus pada tahun 1993.

- (b) Saya telah menjawab soalan seperti ini pada 19 Oktober 1992 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan.
- (c) Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah anti-inflasi bagi membendung keadaan inflasi. Langkah-langkah ini termasuklah dasar fiskal yang berhemat serta dasar kewangan yang ketat. Syarat-syarat yang ketat juga telah dikenakan ke atas pinjaman pembelian kenderaan dan penggunaan kad kredit. Selain daripada itu, satu Tabung Industri Pengeluaran Makanan akan ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan kredit bagi membiayai penanaman, pengeluaran dan

pengedaran bahan makanan. Skim Rebat Eksport ke atas Keluaran Pertanian juga telah ditarik balik memandangkan bahawa permintaan dalam negeri kian meningkat.

Di samping itu, duit import atas 600 jenis barangan juga telah dikurangkan atau dihapuskan. Tindakan ini akan membantu mengurangkan tekanan inflasi. Selain daripada itu, caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga telah dinaikkan daripada 11 peratus oleh pihak majikan kepada 12 peratus dan daripada 9 peratus kepada 10 peratus oleh pihak pekerja. Ini bertujuan bagi menggalakkan tabungan. Dengan langkah-langkah ini, inflasi dijangka tidak meningkat sebegitu pesat dan dalam tahun 1993 inflasi dijangka meningkat hanya sebanyak 4 peratus.

KANAK-KANAK BOSNIA— PENGAMBILAN

21. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) badan-badan lantikan kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengambilan kanak-kanak atau keluarga angkat Bosnia ke negara ini;
- (b) apakah prosedur pengambilan anak angkat dari negara asing;
- (c) apakah dasar negara terhadap pengambilan anak angkat Bosnia; dan
- (d) berapa ramai yang akan dibenarkan masuk ke negara ini sebagai anak angkat.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi pertanyaan berkaitan dengan perkara ini telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 28-10-1992. Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jawapan bagi pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Maran.

KRISIS MATAWANG EROPAH— KESAN KE ATAS MALAYSIA

22. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan kesan-kesan yang mungkin timbul dan mengaitkan Negara kita selepas krisis matawang di Eropah beberapa minggu lalu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Soalan ini telah pun dijawab pada 19 Oktober 1992 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan.

PEMBANGUNAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SEPANG—PAMPASAN

23. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah pampasan yang kena dibayar bagi pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang yang akan dibangunkan pada bulan Oktober 1992; dan
- (b) siapakah dilantik menjadi juru perundingan (consultants) bagi pembinaan lapangan terbang tersebut dan berapakah bayaran yang kena dibayar kepada perunding tersebut.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Urusan pengambilan tanah serta penilai kos terhadapnya

termasuk kos pampasan kepada tuan punya masih sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Oleh hal demikian Kerajaan tidak dapat menganggarkan kos yang terlibat sehingga proses ini siap dijalankan.

- (b) Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) masih di peringkat kajian Pelan Induk. Oleh itu Kerajaan belum lagi melantik syarikat perunding untuk pembinaan Lapangan Terbang tersebut. Kerajaan telah melantik sebuah konsortium, Anglo-Japanese Airport Consortium untuk menjalankan Kajian Pelan Induk. Kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk membayar Konsortium ini bagi Pelan Induk ialah \$5.0 juta.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN—PELAKSANAAN DASAR

24. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) Di manakah silap dan kelemahannya dari segi pelaksanaan dasar Kementerian Belia dan Sukan sehingga puluhan ribu generasi muda Melayu masih berduyun-duyun ke pesta rock dan berpoya-poya di Dataran Merdeka setiap malam minggu;
- (b) Apakah langkah kementerian bagi meningkatkan kemuliaan peribadi dan akhlak generasi muda Melayu agar berpegang

teguh kepada ajaran Islam dan terhindar daripada perbuatan maksiat dan pengaruh budaya Barat.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Haji Annuar bin Musa):

- (a) Kecenderungan generasi muda Melayu ke pesta rock dan berfoya-foya di Dataran Merdeka tidak harus dilihat sebagai kegagalan pelaksanaan Dasar Belia Negara. Pelaksanaan Dasar Belia Negara telah berjaya meletakkan sebahagian besar golongan belia kepada asas dan landasan kepimpinan yang dinamik dan progresif. Pembentukan dan penyatuan organisasi belia yang mewakili sebahagian besar generasi muda di negara ini bukan sahaja telah berjaya memandu arah masa depan belia yang positif tetapi juga telah membantu menjayakan pelaksanaan program-program pembangunan negara. Kejayaan ini telah mendapat pengiktirafan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, keterlibatan sebahagian kecil generasi muda Melayu ke pesta rock dan berfoya-foya di Dataran Merdeka di malam Minggu harus difahami dan ditangani dengan sikap yang lebih bijaksana. Kecenderungan golongan muda tersebut berkait rapat dengan faktor psikologi yang mempengaruhi perkembangan emosi dan kejiwaan yang sangat kritikal. Saya percaya, sebilangan kecil generasi muda Melayu yang masih terlibat

dengan budaya rock dan pesta-pesta malam minggu ini akan dapat dibimbing dan dibentuk dengan usaha dan komitmen yang tinggi bukan sahaja dari Kementerian Belia dan Sukan tetapi juga dari seluruh anggota masyarakat.

- (b) Kemuliaan peribadi dan akhlak mulia di kalangan generasi muda Melayu khususnya dan keseluruhan generasi belia di negara ini amnya adalah menekankan kepada aspek pembentukan insan yang sempurna. Ini meliputi segala aspek pembentukan sikap dan pemikiran positif, ketahanan mental, jasmani dan rohani yang mantap serta penyuburan sifat kepimpinan dan penerapan nilai-nilai akhlak yang murni. Segala unsur ini dibentuk dan disusun dalam program Induk Belia Negara ke arah menyediakan generasi belia yang bertanggungjawab.

SELAT MELAKA—KAWALAN TUMPAHAN MINYAK

25. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kerajaan bercadang akan mengadakan sekatan laluan di perairan Selat Melaka kepada semua pelayaran antarabangsa untuk tempoh tertentu, berikutan laluan Selat Melaka tidak selamat dilalui oleh kapal-kapal setelah berlaku dua kali pelanggaran dalam tempoh sebulan baru-baru ini. Sila nyatakan:

- (a) sama ada kerajaan akan meminta kerjasama negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Thailand membersihkan tumpahan minyak di perairan Selat Melaka;

- (b) Sama ada syarikat-syarikat perkapalan terbabit diwajibkan membayar kos kerja-kerja membersihkan tumpahan minyak; dan
- (c) Sama ada pakar perunding antarabangsa dijemput bagi membersihkan tumpahan minyak dan mengelakkan pelanggaran kapal berlaku lagi di Selat Melaka.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Mengikut Artikel 17 Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa, laluan ikhlas (innocent passage) oleh kapal-kapal di laluan antarabangsa adalah dibenarkan. Dengan itu kapal-kapal yang melalui Selat Melaka adalah juga bebas melalui Selat Melaka sungguhpun telah banyak berlaku kejadian tumpahan minyak oleh kerana Selat Melaka juga disifatkan sebagai Selat Antarabangsa.

- (a) Jika berlaku kejadian tumpahan minyak di Selat Melaka, sudah tentu negara-negara persisir pantai yang lain seperti Singapura, Indonesia dan Thailand juga akan turut terlibat. Dengan itu kerjasama negara-negara berkenaan juga perlu di dalam usaha membersihkan kejadian tumpahan minyak sekiranya berlaku. Dalam pada itu, sekarang ini telah ada kerjasama di antara Malaysia, Singapura dan Indonesia di bawah Kumpulan Pakar Teknikal Tigapihak (Tripartite Technical Experts Group) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1971 yang bertujuan menjamin keselamatan pelayaran di Selat Melaka. Di samping itu

Malaysia juga mempunyai perjanjian kerjasama dua hala dengan Singapura dan Indonesia dalam rancangan kontigensi mengawal dan mencegah tumpahan minyak. Dan sekarang ini, kerajaan sedang mengadakan perbincangan dengan kerajaan Brunei untuk mengadakan perjanjian yang sama.

- (b) Kerajaan terpaksa menanggung kos pembersihan akibat tumpahan minyak terlebih dahulu. Walau bagaimanapun kos pembersihan tersebut akan dituntut oleh kerajaan melalui syarikat-syarikat insuran yang melindungi kapal-kapal berkenaan. Sebagai contohnya di dalam kes tumpahan minyak kapal tangki Jepun "Showa Maru", kerajaan telah menuntut pampasan daripada sebuah syarikat Insuran di London, England.
- (c) Dalam usaha kerajaan menjaga keselamatan pelayaran dan mengawal pencemaran di Selat Melaka, kerajaan telah menubuhkan Institut Hal Ehwal Maritim (MIMA), yang mana di antara fungsi MIMA adalah untuk mengkaji dan membincangkan masalah tumpahan minyak dan keselamatan pelayaran di Selat Melaka. Di samping itu juga Kerajaan sedang mengkaji untuk menyertai Konvensyen-konvensyen anjuran "International Maritime Organization (IMO)" yang bertujuan untuk menangani masalah tumpahan minyak di Selat Melaka.

AGEN-AGEN PEKERJAAN— MASALAH

26. Tuan Michael Asang minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sama ada sedar atau tidak bahawa terdapat agen-agen mencari pekerjaan dari Semenanjung Malaysia yang beroperasi merekrut belia dan beliawanis di negeri Sabah untuk bekerja di sektor-sektor perladangan dan swasta di Semenanjung Malaysia dengan menjanjikan pelbagai kemudahan. Setelah berada di Semenanjung Malaysia agen-agen tersebut telah tidak bertanggungjawab dan menimbulkan masalah seperti tempat tinggal dan makanan; dan
- (b) Sila nyatakan jenis-jenis tindakan yang telah diambil ke atas agen-agen tersebut.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Saya mohon menjawab soalan (a) dan (b) bersekali.

Kementerian Sumber Manusia tidak menafikan kemungkinan adanya agen-agen atau pihak-pihak tertentu daripada Semenanjung Malaysia yang tidak bertanggungjawab mengambil belia-belia daripada Sabah dengan menjanjikan berbagai kemudahan untuk bekerja dengan majikan-majikan di Semenanjung Malaysia.

Setakat ini kementerian saya tidak menerima sebarang aduan dari pekerja-pekerja bahawa mereka diabaikan oleh agen-agen atau pihak-pihak tertentu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada menerima aduan seumpama ini, Silalah mengemukakan kes tersebut secara terperinci kepada kementerian saya untuk tindakan.

BELIA TERBIAR—MENGATASI MASALAH

27. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengatasi masalah belia-belia terbiar yang gagal dalam SPM dan SRP. Adakah terdapat satu mekanisme untuk mengatasi masalah tersebut.

Dato' Haji Annuar bin Musa: Masalah belia-belia terbiar yang gagal dalam SPM dan SRP, merupakan suatu fenomena yang sukar diatasi. Sememangnya hanya sebahagian pelajar dapat menyambung pendidikan ke institusi-institusi pengajian tinggi. Kementerian ini memang menyedari akan implikasi keciciran para belia dalam peperiksaan SPM dan SRP dan masalah yang berkaitan/timbul darinya. Masalah mereka adalah berbagai-bagai.

Tanggungjawab bagi mengatasi masalah belia yang gagal SPM dan SRP bukan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan sahaja. Ia melibatkan juga agensi-agensi Kerajaan sesuai dengan peranan dan fungsi masing-masing. Kementerian Belia dan Sukan membuka peluang kepada para belia yang sesuai dan berkelayakan untuk mengikut kursus-kursus tertentu di Institut-Institut Kemahiran Belia Negara seluruh negara. Di samping itu, kementerian memberikan penekanan terhadap pelaksanaan Pelan Induk Belia Negara. Di bawah PIBN, para belia dibenarkan mengikuti program dan aktiviti yang telah dirancang bagi melahirkan para belia yang berjiwa nasional dan mengamalkan nilai-nilai mulia dalam hidup mereka. Pada masa yang sama Bengkel Teknologi Desa yang telah beroperasi di seluruh negara

menawarkan latihan dalam bidang-bidang tertentu untuk para belia tempatan.

**ENGLAND—LAWATAN Y.A.B.
PERDANA MENTERI**

28. Tuan James Jimbun anak Pungga minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke England baru ini yang mana dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan empat teras utama perkembangan baru ekonomi Malaysia di masa depan bagi membuka langkah ke arah menjadi negara perindustrian.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke United Kingdom pada bulan September yang lalu, beliau hanya mengadakan satu agenda rasmi iaitu berucap di seminar pelaburan yang dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Hasil daripada ucapan beliau di seminar tersebut masih belum jelas. Namun begitu, adalah dijangka bahawa ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengulas dengan panjang lebar peluang pelaburan dan berurusan di Malaysia, pasti akan menarik minat usahawan-usahawan daripada United Kingdom untuk melabur di negara kita.

**SELAT MELAKA—LANGKAH
KESELAMATAN**

29. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menjaga keselamatan kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka dan tidak mencemarinya;

(b) sama ada kerajaan mempunyai cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Penyelia daripada wakil-wakil dari semua negara ASEAN untuk menyediakan panduan supaya dipatuhi oleh semua negara yang menggunakan Selat Melaka; dan

(c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap keselamatan Selat Melaka.

Datin Paduaka Hajah Zaleha binti Ismail: Kerajaan sedang dan telah pun mengambil beberapa langkah tertentu untuk membantu laluan kapal bagi menjamin keselamatan perairan Selat Melaka seperti:

- (i) Pemasangan alat-alat bantuan pelayaran (navigational aids) seperti rumah api, tanda arah suar (beacon) dan pelampung suar (buoys) di beberapa buah tempatan;
- (ii) Menyediakan laluan pelayaran khusus (Traffic Separation Scheme) untuk kapal-kapal lain;
- (iii) Mewujudkan kerjasama di antara negara-negara "littoral" untuk menentukan tindakan yang lebih bersepadu terhadap masalah keselamatan dan pembersihan di perairan Selat Melaka; dan
- (iv) Meminda dan memperketatkan lagi undang-undang kebangsaan yang mempunyai tujuan untuk menentukan tahap keselamatan kapal-kapal serta mengawal dan mencegah pencemaran.

- (b) Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan jawatan-kuasa Penyelia untuk menyediakan panduan supaya dipatuhi oleh semua negara yang menggunakan Selat Melaka oleh kerana Jawatankuasa tiga negara yang dipanggil Tripartite Technical Expert Group telah pun wujud untuk membincangkan hal ehwal keselamatan pelayaran di Selat Melaka.
- (c) Bagi menjamin keselamatan pelayaran di Selat Melaka, kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah tertentu untuk membantu laluan kapal dari segi penyediaan alat bantuan pelayaran serta dari segi undang-undang. Kerajaan sedang memperketatkan lagi kedudukan undang-undang yang berkaitan dan membuat pindaan-pindaan yang sesuai bagi menentukan pengawalan yang lebih teliti dan berkesan terhadap keselamatan perkapalan dan pengawalan alam sekeliling. Kerjasama 3 negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura telah pun wujud untuk menentukan tindakan yang lebih bersepadu terhadap masalah keselamatan dan pembersihan di perairan Selat Melaka dan satu Persidangan Antarabangsa akan diadakan dengan negara-negara jiran untuk meninjau cara-cara yang boleh menjamin menyelenggara langkah-langkah keselamatan pelayaran dan pembersihan di perairan Selat Melaka.

DBKL—PEMBELIAN PINGGAN MANGKOK

30. Tuan Wee Choo Keong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kenapakah DBKL menggunakan wang lebih kurang RM2 juta untuk membeli pinggan dan mangkuk. sila nyatakan cap (“brand”) pinggan dan mangkuk (“cookeries”) tersebut dan kenapa adalah perlu untuk membeli pinggan dan mangkuk (“cookeries”) yang begitu mahal ini;
- (b) berapakah keping pinggan dan mangkuk tersebut dan dimanakah ia disimpan; dan
- (c) adakah pinggan dan mangkuk tersebut diberikan taksiran belanjawan dan diluluskan oleh Bendahari (“Treasury”).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed):

- (a) Pembelian pinggan-mangkuk hanya berjumlah RM570,747.20 dan bukanlah sebanyak RM2 juta sebagaimana yang dinyatakan itu. Cap pinggan-mangkuk adalah dari jenis Noritake dan Narumi. Gelas adalah dari jenis Sasaki dan Crystal manakala sudu-garfu dari jenis Noritake dan Sambonet.

Pinggan-mangkuk ini adalah digunakan untuk upacara-upacara rasmi DBKL, di mana peralatan ini telah digunakan semasa lawatan pembesarpembesar sama ada di dalam atau luar negeri dan juga

mesyuarat-mesyuarat Lembaga Penasihat DBKL. Sebagaimana organisasi-organisasi besar yang lain, DBKL perlu menjaga imej korporat serta identitinya dan keperluan ini amat ketara sekali bagi DBKL sebagai kuasa yang mentadbirkan ibu negara. Dengan adanya pinggan-mangkuknya sendiri, DBKL tidak akan bergantung kepada pinggan-mangkuk caterer yang belum tentu kesesuaiannya untuk digunakan dalam majlis-majlis tertentu.

- (b) Bilangan pinggan-mangkuk tersebut adalah untuk kemampuan menjamu seramai 300 orang dengan jumlah kepingan sebanyak lebih kurang 9,900 unit. Ini termasuklah berbagai pinggan, mangkuk, cawan, teko, gelas, shaker, sudu dan garfu. Bilangan pinggan-mangkuk ini adalah agak banyak jumlahnya kerana adakalanya masakan Melayu dihidangkan dan corak hidangan begini memerlukan pinggan dan mangkuk yang berasingan bagi setiap lauk. Ke semua pinggan-mangkuk ini disimpan di DBKL.
- (c) Pembelian pinggan-mangkuk tersebut telah dimasukkan dan diluluskan di dalam Belanjawan DBKL tahun 1990 berjumlah RM650,000.00. Pembelian dibuat daripada peruntukan DBKL sendiri.

LADA HITAM/KOKO DAN GETAH—KAWALAN HARGA

31. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan harga

lada hitam, koko dan getah kini telah merosot harganya ke paras yang paling rendah sekali sehingga ramai para pekebun kecil di luar bandar seluruh Malaysia telah sanggup meninggalkan kebun mereka dan bekerja di bandar, adakah kerajaan mengawal harga tanaman tersebut seperti harga gula, tepung gandum, padi dan beras yang kini agak stabil dan semakin menaik harga pasarannya.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik): Lada hitam, koko dan getah dipasarkan sebagai bahan-bahan komoditi dan harga pasarannya adalah tertakluk kepada keadaan penawaran dan permintaan dunia. Campur tangan kerajaan untuk mengawal harga barangan-barangan ini di pasaran tempatan sebagaimana yang dilakukan bagi harga gula, tepung gandum, padi dan beras yang merupakan barangan keperluan pengguna perlulah berbeza dan tidak boleh disamakan kerana ia boleh menjadikan Malaysia sebagai pengeluar yang tidak kompetitif di pasaran antarabangsa. Memandangkan penawaran dan permintaan dunia bagi bahan-bahan komoditi adalah di luar kawalan kerajaan, Malaysia tiada pilihan melainkan mengutamakan peningkatan kecekapan dan pengurangan kos di kalangan pengusaha-pengusaha agar lebih kompetitif untuk bersaing di pasaran dunia. Di samping itu kerajaan terus giat mempelbagaikan kegunaan dan pasaran bagi bahan-bahan keluaran sektor ini dan melalui berbagai forum antarabangsa berusaha mengwujudkan keadaan yang lebih selesa bagi bahan-bahan komoditi yang berkenaan. Kerajaan yakin tanpa usaha-usaha yang berterusan ini Malaysia akan menghadapi keadaan yang lebih tertekan.

**USUL MENANGGUHKAN
MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN
MESYUARAT 18**

**KEBAKARAN DI MAHKAMAH
TINGGI, KUALA LUMPUR**

3.38 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):
Tuan Speaker, saya memohon izin untuk mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu yang berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Usul saya itu berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli Parlimen Jelutong di bawah Perintah Tetap Dewan Rakyat No. 18 untuk menangguhkan Dewan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu, yang berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu kebakaran yang merebak di bangunan Mahkamah Tinggi di Jalan Raja, Kuala Lumpur pada waktu pagi hari Rabu dan di dalam proses tersebut telah memusnahkan beribu-ribu fail dan ianya satu perkara tertentu yang berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan kerana sebab-sebab berikut:

Pertama, ini bukanlah kali pertama kebakaran ini menimpa ke atas bangunan-bangunan mahkamah di dalam negara memusnahkan fail-fail yang penting dan tidak ketinggalan dokumen-dokumen yang berjuta-juta ringgit musnah dijilat api disebabkan oleh kerugian yang berlaku. Kebelakangan ini bangunan-bangunan mahkamah telah menjadi sasaran kebakaran. Kebakaran telah berlaku di mahkamah-mahkamah di Rawang, Ipoh dan di Pulau Pinang.

Kedua, kebakaran yang berulang, berturut-turut di bangunan-bangunan mahkamah bukanlah atas sebab litar pintas elektrik. Punca kebakaran yang berlaku di bangunan-bangunan mahkamah di Rawang, Ipoh dan Pulau Pinang masih belum ditentukan lagi oleh pihak Polis. Ternyata penyiasatan oleh pihak Polis di dalam kebakaran-kebakaran ini telah tidak membawa hasil atas sebab ketidakcekapan pihak polis di dalam negara. Oleh itu adalah menjadi bertambah susah untuk berharap kepada pihak Polis di dalam negara ini bagi perlindungan dan keselamatan.

Ketiga, bangunan Mahkamah Tinggi yang menempatkan enam Mahkamah-mahkamah Jenayah membicara kes-kes utama di Kuala Lumpur dan empat mahkamah-mahkamah Sesyen bermakna lebih banyak kes-kes ketinggalan bertambah.

Keempat, ia akan menjadi susah dan juga mustahil untuk membuat semula beribu-ribu fail yang telah musnah di dalam kebakaran tersebut; kemusnahan eksibit-eksibit yang penting di dalam kes-kes separuh bicara akan pasti membawa ketidakadilan.

Kelima, kebakaran pada awal tahun ini di Terminal Satu Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang telah disebabkan oleh kecuaiannya pihak berkuasa lapangan terbang dan kebakaran yang berlaku kebelakangan ini di menara kawalan lapangan terbang tersebut yang kemungkinan perbuatan khianat, nyata mendemonstrasikan kelonggaran keselamatan di kawasan yang penting dan di tempat yang mustahak di dalam negara dan mereka yang bertugas di tempat-tempat tersebut adalah jelas tidak cekap dan membawa kepada keadaan yang membahayakan nyawa warganegara dalam negara.

Keenam, negara ini tidak mampu untuk menanggung kerugian berjuta-juta ringgit atas sebab kebakaran yang boleh dielakkan melalui peruntukan kaedah-kaedah pencegahan kebakaran dan pemadaman kebakaran yang mencukupi.

Ketujuh, pelabur-pelabur baru dalam negara akan berfikir dua kali sebelum melabur di Malaysia jika sekiranya terdapat banyak kejadian-kejadian kebakaran di tempat-tempat yang penting termasuk lapangan terbang dan mahkamah-mahkamah undang-undang yang mana ianya pengawal dokumen-dokumen yang penting berhubung dengan perbicaraan yang melibatkan berjuta-juta ringgit dan tidak ketinggalan melibatkan kes-kes yang membawa hukuman mati mandatori.

Tuan Speaker, imej negara telah terjejas di kalangan antarabangsa berikutan dari rangkaian kebakaran-kebakaran yang berlaku pada tahun ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Jelutong pada hari ini jam 10.25 pagi.

Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu; syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan syarat yang ketiga, ialah ia berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini ialah perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Tetapi saya tidak bersetuju perkara ini perlu disegerakan. Memanglah tidak dinafikan kejadian yang berlaku itu adalah satu tragedi yang besar. Tetapi apa-apa tindakan yang bersabit dengannya boleh diambil pada bila-bila masa sahajapun. Lagipun perkara untuk mengelakkan melapetaka seperti ini terus berlaku terpaksa mengambil masa mengkaji dalam segala aspek dan tidaklah dapat diselesaikan dalam masa satu jam perbahasan seperti yang diuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat ini.

Selain dari itu, saya difahamkan Kerajaan telah dan sedang mengambil segala daya usaha untuk memperbaiki keadaan supaya kemalangan dan tragedi seumpama ini dapat dielakkan dan dikurangkan dari berlaku pada masa-masa yang akan datang. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AKTA NIAGA HADAPAN 1992

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Bursa-bursa Niaga Hadapan dan untuk mengawasi perdagangan dalam Kontrak-kontrak Niaga Hadapan dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau untuk yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1993
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN
1993**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1993 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1993 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (*Hari Kesembilan*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B.33 [Jadual]—

Maksud P.28, P.31, P.32 dan P.57 [Anggaran Pembangunan, 1993]—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Padang Terap, sila sambung.

3.46 ptg.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar [Padang Terap]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pada petang kelmarin, Tuan Pengerusi, saya menyebut tentang PUNB (Perbadanan Usahawan Nasional Berhad). Sebagaimana yang kita sedia maklum PUNB telah ditubuhkan sebagai sebuah perbadanan yang bertujuan membanyakkan lagi usahawan-usahawan bumiputera untuk mencapai satu daripada matlamat-matlamat di dalam Wawasan 2020. Iaitu pewujudan masyarakat usahawan dan perdagangan bumiputera. Oleh itu

Tuan Pengerusi, PUNB mestilah mengadakan strategi-strategi yang boleh merealisasikan matlamat ini dan yang penting Tuan Pengerusi, ialah strategi-strategi ini mestilah mengambil faktor jangkamasa ataupun dengan izin time frame, sebagai parameter yang penting.

Mengapa saya kata begini, Tuan Pengerusi? Kita hanya ada 28 tahun untuk mewujudkan satu masyarakat bumiputera yang bergantung kepada asas ekonomi usahawan dan perdagangan iaitu asas ekonomi perindustrian. Pada tahun 2020 akan wujud lebih kurang 20 juta bumiputera yang mana kalau ditafsirkan ataupun ditranslatekan, dengan izin Tuan Pengerusi, kepada angka ialah 15 juta bumiputera pada tahun 2020 mestilah mengasaskan penghidupan mereka kepada sistem ekonomi perindustrian. Sistem ekonomi perindustrian adalah diterajui dan dijalankan melalui syarikat-syarikat perniagaan, firma-firma pengeluaran dan syarikat-syarikat perkhidmatan. Jadi, di sini apakah prestasi PUNB selama ditubuhkan telah menunjuk jalan ke arah ini. Daripada laporan yang saya dapat PUNB hanya baru meluluskan dua syarikat sahaja setakat ini dan saya difahamkan sepuluh lagi syarikat akan dilulus pada tahun ini, iaitu dua belas.

Ini Tuan Pengerusi, adalah satu angka yang cukup tidak menggalakkan. Kerana kalau kita hendak mencapai apa yang saya kata tadi - objektif-objektif yang saya kata tadi - PUNB sekurang-kurangnya mestilah mewujudkan dan memupukkan seratus syarikat dan firma bumiputera yang sederhana dan yang besar.

Walaupun pada masa ini ada 6,000 syarikat bumiputera di negara ini, tetapi kebanyakan syarikat-syarikat ini adalah

syarikat kecil yang modal berbayar di bawah RM25,000.

Jadi, Tuan Pengerusi, biarlah saya menekan dan menegaskan di sini bahawa jikalau PUNB hendak menjadi satu perbadanan yang berkesan yang mana tanggungjawab dan beban untuk menjadi sebagai satu daripada matlamat Wawasan 2020, biarlah realiti ini disedari oleh Kementerian Kewangan. Realiti yang saya sebut tadi, iaitu realiti yang mengambil jangka masa (time frame) sebagai parameter yang terpenting dalam hal ini. Kalau PUNB menghendaki segala kemudahan-kemudahan untuk mencapai apa yang saya kata tadi, saya harap pihak kementerian tidak keberatan untuk memberinya. Banyaklah modul-modul dan cara-cara untuk mencapai apa yang saya kata tadi, mungkin dalam Sitem Payung yang sedang diadakan pada masa ini, Sistem Integrated dan lain-lain sistem lagi dapat dicapai pengwujudan 100 syarikat bumiputera yang bertaraf sederhana dan besar ini.

Tuan Pengerusi, cuma yang saya hendak tekankan lagi di sini ialah setengah orang melihat PUNB di dalam kacamata yang sama dengan melihat PNB. PNB adalah satu organisasi yang berlainan matlamatnya, yang berlainan corak perjalanannya. PNB adalah satu syarikat yang menunggu, yang menanti keseluruhan rakyat melabur, tetapi PUNB adalah satu syarikat yang merupakan satu badan yang mesti mempunyai daya kreativiti yang tinggi, daya inovasi yang tinggi. Di sinilah saya minta supaya pihak pengurusan dan juga pihak Lembaga Pengarah PUNB yang telah dilantik agar ianya tidak membuat kesilapan menjalankan dan menguruskan PUNB serupa dengan PNB. Di sini yang penting

kerana dua matlamat itu adalah matlamat yang berlainan.

Satu lagi mengenai dengan PUNB, Tuan Pengerusi, saya hendak menekankan soal satu bidang yang mana potensi bumiputera dipupuk dan diwujudkan satu bidang aktiviti ekonomi, iaitu bidang apa yang saya ingin panggilkan sebagai 'intellectual business'. Kebanyakan bumiputera yang balik dari luar negeri dan yang dilatih di institusi-institusi pengajian tinggi dalam negeri, keluar dengan bermodalkan pengetahuan teknologi baru, iaitu bermodalkan intelek sahaja. Mereka tidak mempunyai modal dari segi kewangan dan lain-lain bentuk modal selain daripada kewangan.

Saya mencadangkan di sini supaya PUNB melihat ke arah potensi mengeksploitasikan modal intelek ini, iaitu PUNB jangan hanya melihat kepada kemungkinan mewujudkan syarikat pengeluaran (manufacturing firm) ataupun syarikat perdagangan, malah PUNB mesti juga melihat tentang pengwujudan syarikat-syarikat yang menggunakan modal intelek seperti consultancy firm yang mana banyak anak-anak bumiputera boleh melakukannya. Misalannya, consultancy mengenai dengan social science. Di dalam perbelanjaan kerajaan, kalau kita lihat perbelanjaan di dalam Rancangan Malaysia Keenam banyak bidang-bidang perbelanjaan pembangunan yang mana komponen pengkajian ekonomi, pengkajian sosiologi, pengkajian antropologi yang dikehendaki adalah banyak. Pada pengetahuan saya, setakat ini hanya ada satu sahaja syarikat bumiputera yang didaftarkan di Treasury yang mampu melakukan kerja ini. Mengapa tidak boleh kita wujudkan lebih banyak syarikat ini kerana potensi

pengembangan syarikat-syarikat ataupun 'intellectual firm' ini adalah banyak kerana pasaran 'intellectual business' ini melangkaui perenggan ataupun batasan negara kita. Kalau kita lihat potensi di dalam bidang ini adalah besar, khususnya di Tenggara Asia di mana Cambodia, Vietnam, Laos dan kemungkinan Myanmar apabila Myanmar diterima balik ke dalam masyarakat antarabangsa nanti. Kemungkinan syarikat seperti ini menjadi consultants kepada usaha-usaha pembangunan luar bandar, kerana di dalam usaha pembangunan luar bandar banyak consultancy mengenai dengan soal-soal social science yang saya sebut tadi dikehendaki, sepertimana yang berlaku di negara kita 10—20 tahun yang lalu yang mana kebanyakan kajian-kajian mengenai dengan ekonomi dan sosiologi dijalankan oleh syarikat-syarikat consultant firm dari luar negeri yang menelan belanja beratus-ratus juta ringgit. Saya harap pihak PUNB mengambil cadangan saya ini sebagai satu kemungkinan untuk mewujudkan syarikat-syarikat sederhana dan besar bumiputera pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 150 iaitu Butiran 03000 Perkhidmatan dan Kawalan Kewangan dan juga di dalam Program Pengurusan Kontrak dan Bekalan. Saya hendak membuat komen mengenai dengan Arahan Treasury yang mana Arahan Treasury mengatakan bahawa tiap-tiap satu tender yang diberi itu tidak semestinya mengikut harga yang paling murah. Arahan ini telah dieksploitasikan 'beyond', dengan izin, apa yang dikehendaki, apa yang dimaksudkan oleh Treasury. Kalau kita lihat

kebanyakan tender-tender yang dibuat, walaupun harga yang terendah itu dapat dilakukan dengan menggunakan clause ini, kebanyakan tender diberi kepada yang nombor 10, 11 atau nombor 7. Jadi, kepada saya ini adalah satu 'abused of the power given to the agencies and departments', dengan izin, oleh Treasury. Saya harap Treasury lebih spesifik di dalam hal ini yang mana walaupun kerajaan tidak mengikat diri kepada the lowest tenderer, tetapi biarlah pemilihannya dibuat secara lebih rasional kerana jikalau satu-satu tender itu tidak terlalu kurang daripada harga kawalan yang diestimatekan oleh mana-mana agensi, ianya patut ditimbang dan diberi.

Saya bangkitkan perkara ini kerana saya telah mendapat banyak komplek sebagai Pengerusi Public Account Committee, iaitu tender-tender yang diberi di dalam kategori 'D' dan 'C', banyak yang diberi kepada yang nombor 10 dan 11 mengikut 'the whims and fancies' ataupun 'arbitrary consideration', dengan izin, oleh Ketua-ketua Jabatan. Selalunya jikalau dibuat kajian, orang-orang yang diberi itu adalah orang-orang yang berkaitan, rakan-rakan yang sepermainan golf, rakan-rakan seperjuangan di dalam hal-hal lain. Jadi, saya harap untuk mengatasi ataupun menghindari masalah 'the abused of power' ini, pihak Perbendaharaan mestilah memberi lebih banyak specification di dalam clause ini, iaitu kemungkinan mana-mana tenderer yang harganya di antara 10% sehingga harga kawalan itu diberi walaupun ia lebih rendah daripada harga kawalan yang dibuat oleh Jabatan.

Adalah janggal, Tuan Pengerusi, jikalau harga kawalan RM100,000. Orang yang diberi tender adalah

RM150,000. Yang terendah sekali adalah RM\$98,000. Jadi, yang diberi adalah RM150,000. Ini bermakna bukan sahaja satu pembaziran kepada kerajaan tetapi, pada saya, satu langkah yang tidak adil yang mana satu-satu kontraktor yang boleh melakukan kerja dengan lebih rendah harganya dengan lebih menjimatkan wang kerajaan ditolak sebegitu sahaja tanpa dipanggil berunding dan juga diberi peluang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Dengan kata-kata itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong Belanjawan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Seputeh.

4.01 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada mukasurat 150, Maksud Bekalan 28 - Perbendaharaan; Butiran 030000—Program Perkhidmatan dan Kawalan Kewangan.

Tuan Pengerusi, surat-menyurat antara orang ramai dengan Jabatan-jabatan Kerajaan sering tidak mendapat layanan. Malah bukan sahaja lambat dijawab tetapi ada yang langsung tidak diberi jawapan, termasuk surat-surat yang dikirimkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Kelambatan ini juga menyebabkan beberapa kes tidak diberikan perhatian yang serius.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memang menjadi harapan para pekerja melindungi hak mereka, terutama caruman yang dimasukkan oleh majikan masing-masing. Encik Yap Thean Fook, No. Ahli KWSP: 330370 menghadapi masalah dengan majikan sejak tahun

1984 tetapi masih tidak diselesaikan oleh pihak KWSP. Ini adalah satu contoh KWSP melambat-lambatkan proses membantu seseorang pekerja yang tidak mempunyai tempat untuk mengadukan masalah mereka. Dalam tahun 1984, Encik Yap Thean Fook telah mengadukan kepada KWSP mengenai wang carumannya yang berjumlah \$48,705 yang masih tidak dimasukkan oleh majikannya - Sun Sun Ice-cream Factory Ltd., setelah beberapa kali pengurusan pihak KWSP memberitahu perkara tersebut "dalam tindakan mahkamah".

Pada 21hb Oktober, 1985, dalam surat KWSP kepada Encik Yap Thean Fook, Rujukan: (3) dlm. AA5/A5/330370/85/671681 yang ditandatangani oleh S. Sri Daran bagi pihak Pengurus Besar menjelaskan mengikut rekod di KWSP, majikan terbabit tidak benar membuat caruman kepada Encik Yap Thean Fook. Kemudiannya pada 18hb Mac, 1987, KWSP dalam suratnya kepada Encik Yap Thean Fook, Rujukan: (9) dlm. AA5/A5/330370/85/671681 yang ditandatangani oleh Phang Yek Ming bagi pihak Pengurus Besar memberitahu bahawa pihak mahkamah telah membenarkan tunggakan yang dibuatkan oleh majikan terhadap caruman Encik Yap Thean Fook.

Tuan Pengerusi, kes Encik Yap Thean Fook berlanjutan sehingga tahun 1992 dalam surat KWSP yang bertarikh 21hb April, 1992, Rujukan: (34) dlm. A5/330370/85/791681 (WP) yang ditandatangani oleh Junaidah binti Mat Jini bagi pihak Pengurus Eksekutif, menegaskan baki sebanyak \$48,705 daripada jumlah RM68,761 akan dikreditkan sebaik sahaja bayaran diselesaikan.

Pada 6hb Oktober, 1992, saya menerima jawapan daripada KWSP mengenai kes Encik Yap Thean Fook ini, Rujukan: (37) dlm. A5/330370/85/971681 (WP) yang ditandatangani oleh

S. Sri Daran bagi pihak Pengurus Eksekutif yang mempunyai isi yang sama, seperti yang diterima oleh Encik Yap Thean Fook juga.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya mahu tolong. Mahu tolong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Liew Ah Kim: Saya tidak beri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak beri. Teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Mahu tolong, tidak mahu?

Tuan Liew Ah Kim: Ini tidak ada kena-mengena dengan apa....

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak! Tidak ada kena-mengena, jangan cakap di sini, cakap di luar.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah melawak di sini.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, masa yang panjang perlu dilalui oleh Encik Yap Thean Fook bagi menyelesaikan kesnya adalah tidak adil kerana beliau tidak tahu berapa lama tempoh baginya untuk terus menunggu. Kalau kes tahun 1984 masih belum dapat diselesaikan oleh mahkamah sehingga tahun 1992, adakah Encik Yap Thean Fook terpaksa menunggu sehingga tahun 2020? (*Ketawa*) Saya suka menarik perhatian Dewan kepada satu kes di Seremban. Ketika saya menjadi Ahli ADUN di Negeri Sembilan, sekali pun kes ini tidak ada kena-mengena

dengan kes KWSPlah. Tetapi boleh dijadikan teladan yang baik dalam isu apabila Jabatan-jabatan Kerajaan melambat-lambatkan sesuatu kes.

Tuan Pengerusi, seorang lelaki berumur hampir 60 tahun dalam memohon warganegara di Seremban dalam tahun 1970-an. Beliau telah beberapa kali berurusan ke pejabat terbabit tetapi diberitahu "masih dalam proses dan perundangan."

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Point of orderkah?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Arau, yang berapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36(1).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): 36(1)?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini Kementerian Kewangan tidak terlibat dengan Imigresen ataupun hak warganegara.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Baik. Saya akan buat keputusan. Sekiranya, Yang Berhormat cuma hendak beri contoh secara ringkas....

Tuan Liew Ah Kim:...kepada pihak....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):.... saya rasa singkat, bolehlah. Boleh diizinkan tetapi jangan panjang sangat.

Tuan Liew Ah Kim: Misalannya. Contoh sahaja. Sebagai contoh. Yang Berhormat itu memang fahamlah apa yang saya katakan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Semua faham itu. (*Ketawa*).

Tuan Liew Ah Kim: Sehingga beberapa lama beliau menunggu, lelaki yang berkenaan sudah meninggal dunialah. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, lebih 6 bulan selepas lelaki berkenaan meninggal dunia, keluarga beliau menerima surat daripada Jabatan Pendaftaran Negara bahawa permohonan kerakyatannya diluluskan. (*Ketawa*) Apa ertinya lagi (*Ketawa*) Kerakyataan tersebut kepada lelaki berkenaan setelah beliau meninggal dunia? (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, diharapkan daripada kes yang disebutkan di atas tidak berlaku kepada Encik Yap. KWSP mestilah memberikan tempoh seberapa lama Encik Yap perlu menunggu kesnya diselesaikan oleh mahkamah. Apa yang berlaku ke atas Encik Yap adalah di antara beribu-ribu kes yang ada di dalam negara ini. Apabila majikan gagal membuat caruman untuk pekerja-pekerjanya, KWSP tidak seharusnya menggantungkan segala harapan pekerja kepada mahkamah semata-mata. Selain daripada tindakan mahkamah, sepatutnya KWSP juga perlu diberi kuasa memastikan setiap majikan tidak engkar daripada membuat caruman. KWSP juga wajar diberi kuasa menyerbu pejabat majikan-majikan yang dilaporkan gagal membuat caruman bagi menjamin kebajikan para pekerja terus dilindungi. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Larut.

4.11 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana

memberi peluang kepada saya untuk berucap pada hari ini. Maksud B.25 Perbendaharaan Butiran 0200 Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pelaburan.

Tuan Pengerusi, Butiran 020300 Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pelaburan yang berjumlah kira-kira RM3.908 bilion. Saya rasa pengurusan kewangan masih tidak memuaskan. Ini bermakna semua pihak mengetahui bahawa Perbendaharaan memberi hutang kepada syarikat-syarikat kerajaan seperti SEDC termasuk juga hutang kepada Kerajaan-kerajaan yang daif seperti Kerajaan Kelantan untuk kepentingan asasi mereka.

Di sini suka saya mendapat jawapan dari Kementerian, setakat manakah hutang-hutang lapuk yang dihapuskan. Setakat manakah hutang-hutang yang mana pihak Perbendaharaan masih mengharapakan sama ada mereka ini mempunyai kemampuan untuk membayarnya dan jumlah hutang yang masih diberi yang mana telah dikutip dan yang belum dikutip?

Nampaknya, Tuan Pengerusi, apabila dianalisa hutang-hutang tiap-tiap tahun dan Pengerusi PAC pun telah menyebut, maka terdapatlah bahawa amatlah ketara bahawa banyak perbadanan-perbadanan kerajaan dan anak-anak syarikat SEDC menerima kerugian begitu banyak sekali kerana tidak mempunyai pengalaman dan tidak memahami perindustrian yang mereka ditugaskan itu.

Tuan Pengerusi, di sini suka saya memohon daripada Kementerian Kewangan supaya membuat kajian dan analisa yang rapi supaya peruntukan itu diluluskan kepada mana-mana badan yang dibentuk dalam usaha kerajaan mengadakan perindustrian

bagi bumiputera dan lain-lain rakyat yang benar-benar mempunyai keupayaan terhadap perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, dalam usaha pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan ada kala terdapat bahawa bertentangan hebat dengan arahan dan saranan kerajaan supaya rakyat berdikari dan berindustri. Perbadanan-perbadanan yang didirikan oleh Kerajaan umpamanya seperti PERNAS, PETRONAS dan PROTON mempunyai anak-anak syarikat mereka yang mana kurang memberi perhatian kepada industri-industri kecil atau besar yang didirikan ataupun yang ditubuhkan oleh bumiputera.

Tuan Pengerusi, saya merancang supaya pelaburan-pelaburan yang diberi kepada perbadanan-perbadanan itu hendaklah dikaji semula. Kalaupun ianya perlu diberi, maka persediaan-persediaan dan keupayaan-keupayaan mereka berwajib hendaklah dikemaskinikan terlebih dahulu.

- (i) apakah tujuan pelaburan itu diberi;
- (ii) adakah pelaburan itu akan merugikan ataupun menguntungkan;
- (iii) adakah pelaburan tersebut menolong rakyat jelata khususnya bumiputera; dan
- (iv) adakah ianya juga melibatkan penindasan kepada industri-industri kecil yang diusahakan oleh bumiputera?

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Arau bangun.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tidak ada masa ini. (Ketawa).

Tuan Shahidan bin Kassim: Apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan ataupun Menteri Kewangan, sama ada SEDC yang ada sekarang ini sudah tidak perlu lagi oleh kerana kehadiran mereka kadang-kadang boleh menyebabkan mereka bertanding dengan bumiputera yang mana bumiputera sudah tentu tidak mampu dengan SEDC yang mendapat wang daripada Kerajaan dengan kadar interest yang rendah. Jadi, apakah Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya SEDC ini ditutupkan atau macam mana?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya suka mengulang di sini, dalam rangka pemikiran saya bukan menutupnya. Tetapi kalau Yang Berhormat dari Arau berangka pemikiran seperti itu, boleh berucap sekejap lagi. (Ketawa).

Tuan Pengerusi, adakah orang-orang yang akan mengurus, mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang sesuai dengan industri-industri yang dimaksudkan? Adakah mereka benar-benar mempunyai kaliber atau berwibawa ataupun industri-industri itu dibuka untuk memenuhi kakitangan-kakitangan JPA yang sudah pencen?

Tuan Pengerusi, umpamanya kita lihat PERNAS ditubuhkan oleh kerajaan sejak sekian lama dengan modal yang begitu besar bagi usaha melatih bumiputera berniaga, menjadi kontraktor-kontraktor kecil ataupun besar sedangkan PERNAS sendiri ada PERCONnya. PERNAS juga menyuruh bumiputera menjadi pengedar-pengedar barang-barang perniagaan - bukan pengedar dadah - dan ianya sendiri ada PERNASEdar. Ini adalah contoh-contoh yang nyata dan banyak lagi contoh-contoh yang akan dibawa oleh Ahli dari Arau ataupun Ahli dari Pasir Mas.

Tuan Pengerusi, begitu jugalah PETRONAS dan PROTON. Dalam usaha membangunkan development vendors, dengan izin, pembekal-pembekal bumiputera, PETRONAS dan PROTON juga ada anak-anak syarikat sendiri. Usaha-usaha mengadakan vendors development, dengan izin, ini mungkin tidak berjaya.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Arau bangun lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apakah Yang Berhormat sedar, UDA juga terlibat secara langsung di mana Yang Berhormat sebagai Pemangku Pengerusi, menubuhkan syarikat-syarikat bertanding dengan bumiputera? (*Ketawa*).

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya memang sedar tetapi sebagai Pemangku Pengerusi UDA, kita tidak melibatkan pertentangan hebat kepada soalan ini, bahkan saya sendiri telah menubuhkan Komiti Pembangunan Usahawan Bumiputera semalam. (*Tepuk*) (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, agensi-agensi dan anak-anak syarikat tadi terpaksa mengadu nasib dengan anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh PROTON, PERNAS ataupun PETRONAS kerana mereka mendapat kewangan yang banyak dari Kementerian Kewangan. Pengaduan nasib ini kadang-kadang lebih buruk daripada mengharapkan pendapat Ahli Pak Nujum - Nujum Pak Belalang, macam P. Ramlee bolehlah.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian saya rasa pelaburan-pelaburan yang dilaburkan oleh

Kerajaan Pusat tidak memberi banyak keuntungan bahkan kalau kita lihat report-report kemajuan ataupun kewangan pada akhir-akhir tahun, sebagai Timbalan Pengerusi PAC - Pengerusi duduk dekat saya - biasanya rugilah yang lebih banyak dari untung. Justeru itu, saya sarankan supaya perkara ini dikaji semula dengan secepat mungkin.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Arau bangun lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh saya bertanya kepada Pemangku Pengerusi UDA, apakah Yang Berhormat bersetuju walaupun syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah PERNAS dan UDA ini, PERNAS terutamanya, syarikat-syarikat ini sekarang telah berjaya dan mendapat keuntungan tetapi yang menimbulkan masalah, oleh kerana Yang Berhormat sebutkan tadi terlampau banyak bertanding dengan bumiputera-bumiputera yang lain.

Adakah ini disebabkan oleh Pengerusi PERNAS itu memegang terlampau banyak jawatan di dalam anak-anak syarikat yang menyebabkan jiwanya disamakan dengan jiwa PERNAS itu sendiri dan bukan jiwa anak-anak syarikat?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ini dalam siasatan saya dan akan dilaporkan kepada Timbalan Menteri Kewangan. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, perkara ini hendaklah dikaji semula dengan secepat mungkin sebelum sampai tahun 2020, kerana tiap-tiap orang yang bertanggungjawab akan disoal oleh Allah s.w.t. Sabda Rasullullah s.a.w

yang bermaksud—saya pergi sekolah Arab sebelum jadi lawyer (*Ketawa*) - “tiap-tiap kamu adalah pengembala. Tiap-tiap pengembala akan disoal (tiap-tiap yang bertanggungjawab itu akan disoal) iaitu berapa syarikatkah kamu menjadi pengerusi, di manakah kamu ambil duit itu, berapa kalikah kamu putar belit supaya Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan percaya dengan putar belit itu; semuanya akan disoal.

Akhir sekali, biarlah pelaburan-pelaburan yang dibuat itu dikendalikan oleh orang-orang yang benar-benar mempunyai tanggungjawab. Ada juga perbadanan-perbadanan apabila disoal oleh Pengerusi PAC, yang ada di sebelah saya, mengatakan dia mempunyai authority tetapi tanpa responsibility. Ada yang mengatakan dia mempunyai responsibility tanpa authority. Ini juga hendaklah dikemaskan oleh Kementerian. Bagi dia responsibility dan authority - senang hendak tangkap mereka. Tuan Pengerusi, responsibility dan authority ini biasanya ada, dengan izin, so long it is not *ultra vires*. Bukan “virus” Kementerian Kesihatan, ini vires dalam bahasa Latin. “*ultra vires*” means, dengan izin, in excess of power. Okay? (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya percaya perkara ini telah berlanjutan. Sebelum kita hanyut di atas perahu yang tanpa pengayuhnya, maka marilah kita sama-sama memikirkan supaya perkara ini dibetulkan semula untuk kepentingan rakyat semuanya, khasnya rakyat bumiputera. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas.

4.23 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya tidak

banyak hendak bercakap, cuma hendak merujuk satu perkara sahaja iaitu mukasurat 157, Butiran 010000 di bawah Bekalan B.30 - Kumpulan Wang Cadangan Untuk Negeri.

Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Kewangan tentang pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri terutamanya untuk negeri Kelantan dan Sabah. Saya ingin memaklumkan kepada pihak Kementerian Kewangan bahawa apakah Kementerian Kewangan sedar, dan saya ingin bertanya sama ada benarkah perkara ini, sebab mengikut apa yang saya dapat maklum balas, terutamanya ceramah-ceramah yang disampaikan oleh pemimpin-pemimpin PAS khususnya dan mungkin rakan-rakannya dalam 46 bahawasanya Kerajaan Persekutuan menganaktirikan ataupun dengan lain-lain perkataan melambat-lambatkan ataupun tidak melayani hak yang patut diperolehi untuk rakyat Kelantan.

Saya tahu bahawa selama ini Kerajaan Pusat tidak menganaktirikan. Tetapi sebagaimana yang mereka maklumkan kepada rakyat Kelantan melalui ceramah-ceramah, seolah-olah mengatakan Kerajaan Persekutuan ini, apabila disebut mengenai dengan pemberian dan bantuan kepada rakyat Bosnia, mereka mengatakan, Kerajaan Persekutuan boleh memberi perhatian kepada rakyat Bosnia tetapi bagaimana dengan anak kandung sendiri. Kononnya Kelantan dianaktirikan. Tetapi setahu saya, perkara ini tidak berlaku. Tetapi oleh kerana sikap yang begitu melampau, saya ingin minta pihak Kementerian Kewangan supaya mengkaji semula tentang pemberian. Walaupun ini tertakluk dari segi kehendak Perlembagaan, tetapi ianya harus dikaji semula dari segi bentuk pemberian supaya segala

pemberian itu dimanfaatkan untuk pembangunan rakyat.

Apakah Kerajaan Pusat sedar sekarang ini corak dan cara pembangunan yang dibawa oleh Kelantan sekarang ini, setelah menerima peruntukan mengikut kehendak Perlembagaan dari segi pemberian Kerajaan Pusat, semata-mata ditumpu kepada penyokong-penyokongnya. Saya boleh beri satu dua contoh dari segi pembangunan dalam kawasan saya. Tetapi kalau hendak dihuraikan ianya begitu panjang, tetapi mamadai kalau saya mengatakan sudah sampai masanya supaya dikaji semula dari segi pemberian ini supaya ianya benar-benar bermanfaat dan ada akauntabiliti.

Saya memandang berat perkara ini sebab kita tidak mahu pihak Kerajaan Kelantan sekarang ini menidakkan perkara yang benar, menidakkan perkara dari segi sikap terbuka dan sikap baik hati Kerajaan Pusat walaupun Kelantan ditadbir oleh Pembangkang. Tetapi mereka tidak menerima hakikat ini. Walaupun Menteri Besarnya kadangkadangkang membuat kenyataan yang agak "humbug" untuk menarik perhatian dan simpati rakyat seluruh Malaysia, tetapi dari segi ucapan para pemimpinnya, nyatakan sekali mereka tidak berterima kasih. Jauh sekali dari segi terima kasih tetapi yang pentingnya kita hendak mempersoalkan dari segi akauntabiliti terhadap pemberian tersebut. Malah banyak hasil-hasil negeri Kelantan sekarang ini yang patut diperolehi untuk pembangunan, terutamanya dari hasil balak - Tuhan sahaja yang maha mengetahui. Kalau kita bercakap nanti, mereka mengatakan kita hendak membesar-besarkan perkara yang kecil tetapi saya memberi perhatian, oleh kerana kerajaan ini Kerajaan Islam, kerajaan yang kononnya mengamalkan sistem ekonomi Islam, sistem yang bersih

ataupun pemerintahan yang diredhai oleh Allah s.w.t. Tetapi kita tahukah bagaimana wang itu dipergunakan? Bagaimanakah wang yang diberi oleh Kerajaan Pusat digunakan dengan sebaik mungkin untuk pembangunan. Sebab itu saya ingin mencadangkan supaya hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Kelantan kepada Kerajaan Pusat, saya ingin tahu berapa banyakkah yang dipotong atau apakah kaedah mekanisme yang dibuat sekarang ini dari segi jumlah peratus yang dipotong untuk mendapat balik hutang daripada Kerajaan Kelantan ini, baik daripada agensi-agensi ataupun hutang-hutang pembangunan yang dipinjam sebelum ini.

Saya minta kalau boleh pemberian yang diuntukkan ini diambil kira supaya juga memotong hutang-hutang sehingga mereka yang mentadbir negeri Kelantan ini sedar. Kalau mereka tidak berterima kasih, tidak bertanggungjawab, maka wajarlah Kerajaan Pusat menunjukkan sikap yang tegas. Tetapi kalau mereka menunjukkan sikap yang berterima kasih, tidak memutar-belitkan kenyataan, tidak mengelirukan rakyat Kelantan, saya secara peribadi, menyokong penuh supaya Kelantan tidak dianaktirikan malah dipermudahkan segala kemudahan untuk pembangunan rakyat seluruhnya tanpa mengira warna dan corak parti politik. Tetapi kalau ianya dipolitikkan dan menidakkan apa yang diberi oleh Kerajaan Pusat, maka wajar Kerajaan Pusat dan Kementerian Kewangan bertindak tegas kepada Kerajaan Kelantan khususnya, termasuk Sabah sendiri.

Boleh dikatakan masalah Kelantan dan Sabah ini lebih kurang serupa, tiada bezanya. Sabah pula mengatakan seolah-oleh mereka ini hendak dianaktirikan langsung oleh Kerajaan Pusat. Timbul masalah hendak

mengkaji semula Perjanjian Point 20 di waktu Sabah menyertai Malaysia. Semua ini berpunca daripada soal pemberian rezeki. Mereka mengatakan bahawa Kerajaan Pusat tidak bertanggungjawab, membazir dan sebagainya malah peruntukan kepada negeri diperlambat-lambatkan. Malah pemberian pampasan akibat daripada projek Pergau yang timbul kontroversi satu ketika dahulu pun disalah maklumkan kepada rakyat. Mereka juga tidak berterima kasih, malah tidak memberitahu keadaan yang sebenarnya. Maka sebab itu saya ingin mencadangkan, kalau boleh, 50% pemberian kepada Kerajaan Negeri Kelantan setiap tahun dipotong untuk hutang sehingga mereka sedar dan mereka mengakui akan kebenaran dan tidak memutar-belit di atas pemberian tadi.

Saya berharap perkara ini diambil perhatian serius sebab saya bukan main-main, ini bukan cadangan main-main. Ini disebabkan saya mendengar ceramah-ceramah yang mereka sampaikan melalui kaset-kaset, ianya memang teruk, seolah-olah langsung Kerajaan Pusat tidak beri pada mereka sekarang ini. Kononnya hasil yang mereka dapat ini adalah atas usaha mereka sendiri dan Kerajaan Pusat melambat-lambatkan perkara ini.

Saya minta pihak Kementerian menjawab supaya jawapan ini diketahui oleh rakyat seluruhnya terutamanya rakyat Kelantan itu sendiri betapa baik hatinya Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan dari segi soal pembahagian untuk pembangunan ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 152, Pembelian Saham Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON). Saya hendak membangkit

masalah PROTON ini dari segi satu aspek sahaja, iaitu dari segi komponen tempatan. Saya difahamkan walaupun Kereta Proton sekarang ini, komponen tempatan sudahpun meningkat 70%, tetapi saya ada menerima rungutan lagi di mana ada lagi peluang-peluang komponen tempatan boleh dimasukkan dalam Kereta Proton Saga ini. Contohnya air-condition. Sekarang ini Proton menerima tiga jenis alat air-conditioning daripada tiga syarikat. Dan kita dapat tahu bahawa ada lagi satu syarikat yang....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Larut bangun.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Bolehkah Ahli dari Pasir Mas beritahu saya sama ada betul tuduhan Ahli dari Gua Musang mengatakan PROTON itu tukang pasang sahaja, bukan tukang industri?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang sebenarnya pandangan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang yang pada suatu ketika dahulu, PROTON ini dijadikan satu isu sebagai satu projek pembaziran kerana melibatkan jumlah peruntukan yang banyak. Tetapi akhirnya kerajaan dapat membuktikan bahawa PROTON adalah satu perusahaan industri berat yang berjaya. Sebab itu kalau kita dengar sekarang ini Yang Berhormat dari Gua Musang pun langsung tidak bercakap bab PROTON sekarang ini, sebab PROTON sudah berjaya. Jadi, bererti pandangan awal Yang Berhormat dari Gua Musang sudah meleset. Itu jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut.

Jadi, balik kepada soal PROTON tadi, saya difahamkan ada syarikat tempatan yang mengeluarkan air-condition untuk kereta yang dikatakan

setanding kualitinya dengan air-condition dikeluarkan oleh negara-negara maju. Malah air-condition ini digunakan oleh lain-lain kereta yang lebih mahal, yang lebih canggih daripada PROTON. Dan mereka tidak lagi diberi kesempatan untuk menyertai dan turut serta supaya air-condition yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan ini dipertimbangkan oleh pihak PROTON. Saya minta pihak Kementerian Kewangan menyasiat perkara ini supaya walaupun PROTON sekarang ini sudah mengguna 70% komponen tempatan, tetapi kita percaya satu hari nanti kereta Proton Saga mempunyai komponen 100% daripada tempatan-tidakkah begitu, Larut? Dan itulah hasrat dan matlamat kita. Jadi, kalau tidak, sudah barang tentu syarikat-syarikat tempatan yang sudahpun mencapai mutu yang begitu tinggi dari segi pengeluarannya, tentu akan rasa demoralised, akan keciwa jika kereta nasional kita sendiri tidak memberi perhatian di atas kualiti barang yang mereka keluarkan yang sewajarnya boleh dipertimbangkan untuk PROTON.

Tuan Pengerusi, itu sahaja perkara yang saya ingin bangkitkan, dan saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bayan Baru. Selepas Yang Berhormat berucap, Timbalan Menteri diminta jawab.

4.33 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Terima kasih. Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 28 - Perbendaharaan, Butiran 010000 - Pentadbiran, dan seterusnya 020000—Pengurusan dan Analisa Kewangan. Oleh kerana masanya suntuk, saya tak dapat hendak menyentuh perkara-perkara lain yang juga penting.

Tuan Pengerusi, antara objektif di bawah butiran 010800—Bahagian Pengawasan Syarikat Sektor Awam (Agensi Kerajaan). Antara objektifnya disebut, kawalan ke atas perbelanjaan wang Kerajaan untuk memastikan wang awam tidak disalahgunakan melalui penyelewengan dan pembaziran oleh agensi-agensi, badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan. Di antara aktivitinya ada disebut, aktiviti kawalan kewangan mentadbir peruntukan-peruntukan kawalan kewangan yang ditetapkan dalam Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan lain-lain peraturan kewangan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Memang amat jelas.

Jadi, pada hari ini saya hendak menyoal tentang accountability Perbendaharaan yang tidak mematuhi apa yang disebutkan tadi tentang objektif, aktiviti dan peraturan-peraturan yang saya sebutkan tadi.

Menteri Kewangan yang juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penyelewengan dan pihak Pengurusan Perbendaharaan yang saya kira telah pun lalai dalam menjalankan tanggungjawab. Disebabkan kelemahan pentadbiran Perbendaharaan dan tanggungjawab accountability Menteri Kewangan sendiri, maka banyaklah penyelewengan-penyelewengan berlaku. Sepertimana yang telah awal disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap dan Yang Berhormat dari Larut, saya bersetuju, banyak syarikat-syarikat kerajaan yang telah melakukan penyelewengan disebabkan tak ada kawalan-kawalan sepertimana yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi, antara perkara yang amat jelas - contohnya adalah banyak - tetapi saya hendak membawa satu kes yang begitu amat kontroversi

baru-baru ini yang telah pun terlibat, iaitu penyelewengan sebahagian daripada RM90 juta wang peruntukan oleh Perbendaharaan kepada sebuah agensi Kerajaan. Ini terang-terang adalah satu penyelewengan, tetapi hingga ke hari ini saya tidak tahu sama ada siasatan dijalankan ataupun ada cubaan menutup kes yang begitu besar. Kes ini tidak lain dan tidak bukan ialah agensi MARA.

Tuan Pengerusi, mengikut penjelasan yang telah diberi oleh Pengerusi MARA, Yang Berhormat dari Batu Berendam berhubung dengan pembelian 450 keahlian Kelab Golf Rahman Putra, seolah-olah macam tak ada apa, tetapi ini adalah satu bentuk penyelewengan yang besar. Pembelian 450 keahlian Kelab Golf Rahman Putra yang berjumlah RM228.125 juta daripada peruntukan RM90 juta yang saya sebutkan tadi. Dan kononnya pembelian ini telah dilulus oleh Majlis MARA, dipersetujui oleh wakil Perbendaharaan yang ada dalam Majlis MARA. Satu perkara yang aneh.

Tuan Pengerusi, sebenarnya peruntukan khas yang telah diberi oleh Perbendaharaan sebanyak RM90 juta dalam tahun 1991 adalah semata-mata untuk kegunaan pendidikan, biasiswa pinjaman pelajaran, dan juga pinjaman peniaga-peniaga. Tetapi aneh, sekarang wang ini tak dipulang balik kepada Perbendaharaan walaupun tak diguna, tetapi sebaliknya diambil, dibeli keahlian Kelab Golf. Sudah jauh menyeleweng daripada tujuan yang diperuntukkan kepada MARA. Apakah ini bukan satu bentuk penyelewengan yang terang-terang yang tak boleh dijawab. Saya hairan Menteri Kewangan, seorang yang konon mendakwa dirinya angkuh dengan kewibawaannya dan

integritinya, tak bercakap tentang perkara ini. Ini satu perkara yang aneh. Saya sedih dia tak ada hari ini. Patut dia ada untuk menjawab soal integriti dirinya. Mungkin Timbalan Menteri Kewangan boleh jawab soal berhubung dengan kewangan dan ekonomi. Tetapi soal kerana dia terlalu angkuh dengan kepimpinan, dan dia angkuh dengan integriti dan kredibiliti beliau, dan ini terang-terang menunjuk beliau sendiri bersubahat dengan satu kes penyelewengan yang besar. Banyak lagi, saya terpaksa beri satu contoh sebab tak ada masa. Tuan Pengerusi..

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap, ada yang bangun. Parit Sulong bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Tak ada masa, terima kasih.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: 36(6), dia menyakitkan hati dengan membuat tuduhan-tuduhan yang dikaitkan tanpa penjelasan. Apabila dia mengatakan..... (*Pembesar suara dimatikan*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nantilah. Yang Berhormat sudah bangkitkan, 36(6), ya?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu sangkaan jahat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya, dia menimbulkan sangkaan jahat kepada Menteri Kewangan walaupun....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah berucap, saya akan buat keputusan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat memang boleh membangkitkan sesuatu contoh.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya Tuan Pengerusi, ini....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi janganlah buat serangan peribadi.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, tetapi ini satu perkara yang saya cerita facts, jelas, bukan ada buat satu pandangan umum. Saya bercakap tentang penyelewengan dalam MARA.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong bangun lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Tidak, saya tidak beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, kalau dia menyatakan fact, cakaplah.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, suatu pembelian keahlian golf atau urusan yang amat diragui, walaupun alasan-alasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam selaku Pengerusi MARA tetapi tidak boleh diterima oleh orang awam.

Tuan Pengerusi, itu duit orang awam, duit Kerajaan, kalau duit Ahli

Yang Berhormat dari Batu Berendam—'mampuslah' apa hendak jadi pun. Ini duit Kerajaan, orang awam hari ini telah peka termasuk orang-orang UMNO. Saya bukan hendak mempolitikkan isu ini, orang UMNO pun tidak suka kalau wang awam disalahgunakan. Ini satu perbuatan menyalahguna wang awam. Kalau dahulu boleh pembohongan orang kampung, sekarang tidak boleh. Wang Kerajaan adalah wang awam, maka wang awam mesti tahu setiap sen yang digunakan iaitu cara betul, cara tatatertib, cara yang tidak membazir, cara yang tidak berlaku pelanggaran ke atas Arahan Perbendaharaan dan Acara Kewangan 1953. Itu penting. Ini terang-terang, tetapi tidak beri saya marah Menteri Kewangan - beliau daripada Parit Sulong.

Tuan Pengerusi, 450 keahlian yang dibeli daripada Kelab Golf Rahman Putra ini, RM62,500 seunit kononnya kompetitif. Kompetitif dengan harga-harga keahlian Kelab Golf di Lembah Kelang. Apakah ini boleh diterima pada akal?

Saya tidak main golf pun, apanya hendak dibeli ahli golf sampai RM62,500, mungkin RM20,000 atau RM15,000. Ada apa-apa barangkali 'udang disebalik batu' ini. RM62,500 satu unit keahlian. Kompetitif kononnya - Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam, dia tidak datang hari ini - kompetitif. Yang paling aneh lagi keahlian ini telah dibeli terus menerus daripada pengurusan ataupun pentadbir Kelab Golf Rahman Putra. Ia dibeli melalui siapa? Orang tengah, tidak ada orang tengah, dicreate, dijadikan orang tengah. Siapa itu orang tengah? Kononnya syarikat pemaju bumiputera.

• Sesuatu yang pelik ini. Kalau kita hendak deal, hendak urusanniaga tentulah kita cari tuan yang hendak jual dan kita hendak beli. Ini tidak - dia cari orang tengah, kononnya hendak sembunyikan orang tengah - bumiputera. Kita tidak tahu harga sebenarnya. Saya pun ingin tahu, harga yang sebenarnya yang dijual oleh Kelab Golf Rahman Putra sebagai secara terus—RM15,000 atau RM20,000, saya hendak tahu. Dan kenapa kita beli ataupun MARA Holdings Sdn. Bhd. beli pula dekat syarikat pemaju bumiputera sebanyak RM62,500. Satu keganjilan, satu perkara yang bertambah ragu, yang tidak boleh kita terima.

Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang tidak boleh disembunyi dan tidak boleh didiam. Pembelian dibuat dari sebuah syarikat pemaju padang golf bukan pentadbir Kelab Golf Rahman Putra. Kita hendak tahu, siapakah empunya syarikat pemaju bumiputera ini? Apakah hubungan syarikat pemaju ini dengan MARA. Dan kita hendak tahu juga nama-nama Ahli Lembaga Pengarah syarikat pemaju ini. Dia mesti ada apa-apa hubungan dan kaitan, sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut tadi. Kalau tidak ada 'gang', tidak ada kumpulan, dia tidak ada urusanniaga, dia mesti ada. Bukan saya kata, Ahli Yang Berhormat dari Larut tadi sendiri menjelaskan, semua ada 'gang', ada kumpulan, komplot, pakat berniaga, cari keuntungan, masuk poket, yang rugi adalah orang awam.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Yang rugi adalah orang awam, kerana itu adalah wang awam.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ahmad bin Nor: Duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak beri, teruskan.

Tuan Ahmad bin Nor: Itu adalah wang awam. Ahli Yang Berhormat dari parit 'so long' mesti mahu faham. Ini adalah kepentingan orang awam. Jangan dok main 'so long' - tidak sedar diri. Ini adalah kepentingan orang awam. Saya tidak boleh terima ini. Bukan kerana hendak mempolitik, pakat

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Tidak, saya tidak beri jalan, minta maaf.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia salah panggil nama kawasan saya, bukan 'so long'.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu sebutan sahaja.

Tuan Ahmad bin Nor: Itu tidak unparliamentary, 'so long'. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Mungkin pelat sedikit.

Tuan Ahmad bin Nor: Unparliamentary, saya minta maaf, saya tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Mungkin pelat sedikit.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, apa yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam selaku Pengerusi Majlis Amanah

Rakyat (MARA), dia kata 450 keahlian ini yang dibeli boleh dijual balik setiap unit dengan harga RM70,000 dan boleh mendapat keuntungan jangka pendek yang begitu besar iaitu sebanyak RM3.375 juta iaitu 12% keuntungan dalam masa 11 bulan daripada bulan Jun 1992 sehingga bulan April 1993. Ini sebenarnya, bukan alasannya. Tidak berasas langsung kita hendak menerima bahawa Majlis MARA bahawa boleh buat satu keputusan beli keahlian Kelab Golf supaya mendapat keuntungan yang begitu banyak.

Kalau inilah tujuannya, kenapa Majlis MARA tidak minta daripada Perdana Menteri beli syer Telekom, beli syer Tenaga Nasional, tentulah beratus-ratus juta boleh dibuat. Kenapa pilih hendak beli keahlian kelab golf. Pelek dan aneh, tidak masuk akal, sebab ini agensi Kerajaan. Mesti ada udang disebalik batu, mesti ada. Siapa - saya tidak tahu, saya minta Timbalan Menteri Kewangan, dengan secara ikhlas boleh memberikan jawapannya. Wang diperuntukkan oleh Perbendaharaan peruntukan khas RM90 juta untuk tujuan apa? Untuk tujuan pendidikan, untuk tujuan biasiswa, pinjaman pelajaran dan juga pinjaman peniaga-peniaga, itu tujuannya. Tidak ada tujuan lain.

Tidak dibelanja, pulang balik kepada Perbendaharaan. Itu memang arahan Perbendaharaan, amalan biasa, tidak belanja pulangkan balik. Bukan ambil duit ini, labur kerana hendak mencari keuntungan jangka pendek, kononnya ada RM3 juta lebih, kalau itu boleh dibuat, semua agensi boleh dibuat, inilah sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, dan Ahli Yang Berhormat daripada Larut memang saya sokong penuh. Ini semua - dan

di manakah kedudukan integrity, credibility, Menteri Kewangan. Inilah yang susah—dia juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Penyelewengan. Adakah selama dua tahun ini dia menjadi Menteri Kewangan, tidak ada langsung penyelewengan dalam Badan-badan Berkanun, agensi-agensi Kerajaan ataupun syarikat-syarikat Kerajaan—tidak ada langsung? Kalau dikatakan tidak ada, sedangkan buktinya ada, maka ia adalah orang bersubahat dengan mereka yang menyeleweng dan sepertimana kata Ahli Yang Berhormat dari Larut tadi ini, dia tidak jawab di dunia, dia mati besok di akhirat—dia mesti jawab.

Tuan Pengerusi, tidak boleh lari, janganlah hidup bersikap kepura-puraan.

Tuan Pengerusi, saya takut masa singkat - jadi, saya hendak mengemukakan beberapa soalan untuk dijawab oleh Kementerian Kewangan.

Soalan yang pertama, adakah Menteri Kewangan atau pihak Perbendaharaan memberi kelulusan secara rasmi kepada MARA untuk membenarkan MARA Holdings Sdn. Bhd. untuk membuat pembelian keahlian Kelab Golf Rahman Putraini? Walaupun apa yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam selaku Pengerusi MARA, itu memang kenyataan beliau, itu tidak boleh diambil kira. Saya hendak jawapan yang secara rasmi daripada Kementerian Kewangan.

Yang kedua, tidakkah pembelian keahlian Kelab Golf itu suatu penyelewengan yang terang-terang dibuat oleh MARA, bertentangan dengan tujuan peruntukan asal— RM90 juta itu, undang-undang serta Peraturan Kewangan yang sedia terpakai? Saya hendak tahu.

Tuan Pengerusi, seterusnya, yang ketiga, saya ingin tahu apakah tindakan Menteri Kewangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyelewengan, ke atas mereka yang terbukti menyeleweng dan menyalah-gunakan peruntukan Perbendaharaan yang saya maksudkan itu. Saya hendak tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulong.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, saya hendak gulong. Tuan Pengerusi, yang keempatnya, adakah Perdana Menteri juga bersetujuan.....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Adakah Perdana Menteri juga bersetuju dengan pembelian keahlian kelab oleh

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): (*Kepada Tuan Wee Choo Keong*): Dia tidak beri.

Tuan Ahmad bin Nor: MARA itu? Perdana Menteri ada menyebutkan bahawa, walaupun prosidurnya betul, dia kata mungkin cara pembeliannya tidak betul. Kita hendak tahu sekarang, apakah pendirian dan pandangan Perdana Menteri berhubung dengan pembelian keahlian kelab golf ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali dalam menggulung, saya ingin mencadangkan kepada pihak Perbendaharaan supaya pihak Perbendaharaan memperketatkan kawalan ke atas perbelanjaan. Bukan sahaja kita memperuntukkan atau kita hanya bagi dan bagi, tetapi kita mesti memperketatkan dan mengambil tindakan awalan sebelum berlaku perkara yang buruk, kemudian didedahkan oleh Auditor-General, barulah kita kelam-kabut hendak

periksa. Jadi, kita perlu satu tindakan awalan dan saya ingin cadangkan supaya pihak Perbendaharaan di bawah Menteri Kewangan menubuhkan satu unit pasukan khas bagi memeriksa dan mengambil tindakan ke atas semua agensi-agensi yang disyaki menyeleweng.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah cukup, minta duduk.

Tuan Ahmad bin Nor:.....sebelum keluar cerita Auditor-General dan cerita itu, dan ini - ini lambat, wang sudah dibelanja, seperti yang berlaku pada Dewan Bandaraya, yang mana bekas Datuk Bandar kita sudah beli 23 buah Volvo, baru hendak siasat - kelam-kabut, sudah beli pun. Sekarang kita mahu penyelewengan disekat sebelum ia berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta jawab.

4.54 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Seputeh, Larut, Pasir Mas dan Bayan Baru.

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan dan juga untuk saya menyangkal perkara-perkara yang agak tidak munasabah dan wajar yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap iaitu mengenai betapa pentingnya pihak

PUNB mempunyai satu time-frame, dengan izin, tentang usaha-usaha untuk membangunkan masyarakat peniaga dan pengusaha bumiputera. Yang Berhormat dari Padang Terap menggunakan maklumat bahawa kalau sekiranya kita mempunyai masa lebih kurang 28 tahun untuk masuk ke dalam tahun 2020, maka, adalah begitu kritikal sekali kalau sekiranya PUNB berjaya untuk melahirkan sama ada sekadar 10 ataupun 15 usahawan dalam masa setahun, ataupun 100 usahawan untuk satu tahun. Yang Berhormat dari Padang Terap telah membuat satu andaian bahawa jika sekiranya ada lebih kurang 20 juta masyarakat bumiputera, maka tidak kurang 15 juta di antara mereka yang terlibat secara langsung dalam sektor perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju dengan pandangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bahawa PUNB sewajarnya lebih cenderung ke arah pendekatan yang agak lebih praktikal, yang lebih creative dan tidak seperti apa yang telah ditugaskan oleh pihak Kerajaan terhadap PNB.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini, ingin saya sama-sama merakamkan harapan pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan bahawa pandangan-pandangan yang bernas dan yang peka daripada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap perlu diambil kira oleh pihak Lembaga Pengarah PUNB itu sendiri dengan sebegitu rupa supaya matlamat Kerajaan untuk membangunkan masyarakat peniaga dan pengusaha itu akhirnya tercapai, bukan sahaja dari segi kepelbagaian penyertaan mereka dalam industri yang berbagai-bagai, tetapi juga dari segi bilangan yang boleh kita banggakan dan seterusnya

dari segi saiz ataupun mutu pencapaian mereka sebagai masyarakat usahawan.

Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa matlamat ataupun agenda yang besar itu bukan sahaja sewajarnya dipikul oleh pihak PUNB, kita juga mempunyai berbagai-bagai agensi yang telah lama diwujudkan oleh pihak kerajaan, yang juga mempunyai pengkhususan untuk membangunkan masyarakat peniaga dan pengusaha. Adalah menjadi harapan kita supaya semua pihak yang ditugaskan dan diamanahkan untuk mencapai matlamat tersebut sama-sama berusaha untuk membangunkan masyarakat peniaga dan pengusaha bumiputera.

Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Padang Terap bahawa kita sama-sama boleh berbangga di atas pencapaian yang telah dibuat oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB) untuk mengumpulkan harta dan kekayaan, sama ada harta itu melalui pembelian daripada harta yang telahpun direka dan dicipta sama ada dalam negeri ataupun luar negara, ataupun melalui kejayaan yang telah dicapai melalui syarikat-syarikat Kerajaan. Maka sebahagian daripada harta itu dapat dikumpulkan dan dimiliki oleh masyarakat bumiputera melalui penyertaan secara bersama. Tetapi itu adalah tahap matlamat yang telah dapat dicapai oleh pihak Perbadanan Nasional Berhad tetapi PUNB pula adalah agak berbeza daripada PNB. Maka sewajarnya semua pihak yang berkenaan harus benar-benar memahami tentang perbezaan ini supaya tidak ada yang terkeliru sama ada dari kaca mata mereka yang bertanggungjawab secara langsung di peringkat Lembaga Pengarah, ataupun mereka yang ada di peringkat pengurusan PUNB dan juga PNB.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang kedua.....

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, oleh kerana saya tidak dapat bercakap tadi sebab Tuan Pengerusi, tidak beri, jadi saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu fasal PUNB. Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat, tetapi sejauh mana Yang Berhormat boleh menggunakan pengaruh ataupun kuasa, supaya PUNB ini berlainan sedikit daripada badan-badan yang lain. Saya beri contoh, semasa pelancaran PUNB yang lepas, kalau tidak silap enam atau tujuh bulan yang lalu, kita telah mempamerkan tiga atau empat orang usahawan. Saya menjangkakan bahawa kononnya mereka ini sudah berjaya, tetapi sebenarnya sehingga ke tarikh hari ini, mereka itu belum lagi diberi apa-apa jawapan sama ada permohonan mereka berjaya ataupun tidak, tetapi semasa mereka disuruh bercakap semasa pelancaran itu, menunjukkan seolah-olah mereka telahpun dipilih dan telahpun diberi pinjaman—ini saya telah dimaklumkan. Jadi, yang timbul masalah sekarang ini ialah kerana Lembaga Pengarah sukar hendak mengadakan mesyuarat dan sukar untuk membuat keputusan. Yang saya hairan di sini Yang Berhormat, Dato' Raja Aman sebagai Chief Executive di situ ialah seorang yang telah dapat menaikkan imej Perwira Habib Bank sampai ke tahap yang cukup membanggakan. Apakah yang menyebabkan beliau terhalang untuk melaksanakan kerja

di sana. Kalau ya, apakah Yang Berhormat bercadang supaya PUNB disamakan halacaranya ataupun pendekatannya sama seperti Perwira Habib Bank, untuk membolehkan PUNB ini dapat bergerak sebagaimana yang kita cita-citakan. Jadi, cadangan Ahli dari Padang Terap itu sebenarnya adalah cadangan baru. Yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat—ini adalah cadangan yang lama—iaitu apakah boleh PUNB mempercepatkan proses kepada mereka yang telah dipilih untuk menjadi usahawan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, adalah benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau bahawa sudah agak sebahagian besar dari tahun 1992 berlalu selepas pengwujudan PUNB pada bulan Mac tahun ini. Adalah benar juga bahawa sebahagian daripada mereka yang telahpun dinilai masih lagi menunggu tentang langkah-langkah di peringkat pelaksanaan.

Jadi, Tuan Pengerusi, sejauh mana PUNB dapat mengorak langkah di peringkat awal ini untuk menjayakan dan membuktikan bahawa ianya mempunyai kemampuan, pendekatan dan strategi yang sewajarnya untuk mencapai matlamat tersebut adalah sekarang di peringkat yang sesungguhnya teruji.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya merakamkan ucapan terima kasih di atas pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan juga dari Arau mengenai perkara-perkara yang relevan dan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan akan membawa pandangan-pandangan tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengambilkira sesungguhnya supaya PUNB itu dari segi pelaksanaan, dari segi strateginya,

sesungguhnya memenuhi harapan masyarakat, harapan negara dan khususnya masyarakat bumiputera itu sendiri.

Jadi, pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah begitu bernas untuk diambilkira oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai bidang intelek. Dalam kesempatan yang ada untuk saya mendengar pendekatan dari pihak pengurusan PUNB, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap adalah bidang yang sudahpun difikirkan secara mendalam bahawa pihak pengurusan memang sedia maklum bahawa dalam bidang intelek adalah satu bidang yang terbuka luas. Belum ada lagi mana-mana pihak yang mempunyai monopoli dalam bidang yang berkenaan bahkan ia mempunyai potensi yang begitu luas dan kalau kita lihat keperluan pembangunan tenaga manusia untuk negara kita ini memang banyak lagi yang perlu diisikan.

Bahkan kebelakangan ini berlaku satu kebangkitan di peringkat dunia itu sendiri bahawa perlu kepada penekanan dalam bidang pendidikan, kemahiran dan latihan kerana kalau kita lihat bahawa bahan-bahan sumber-sumber lain anugerah Tuhan seperti minyak, kesuburan tanah dan sebagainya ataupun bilangan penduduk dalam sesebuah negara, bahkan jumlah modal yang ada dalam sesebuah negara melalui simpanan mereka bukanlah merupakan faktor-faktor yang penting untuk menyebabkan sesebuah bangsa dan negara untuk menempa kemajuan, tamadun, kemakmuran termasuk abad ke 21 ini kerana itu semua boleh

disaingi dengan kemampuan tenaga pemikiran dan juga brain power, dengan izin, yang ada dalam sesebuah bangsa dan masyarakat.

Jadi, Tuan Pengerusi, pada hari ini cerdik pandai dunia sudahpun memberi penekanan terhadap betapa pentingnya brain power itu sendiri. Maka kita perlu menekankan kepada pembangunan tenaga manusia melalui penguasaan ilmu pengetahuan, latihan dan juga menguasai kemahiran.

Jadi, Tuan Pengerusi, cadangan Yang Berhormat dari Padang Terap begitu tepat sekali. Bukanlah saya menyambutnya sekadar satu alu-aluan tetapi memang sesungguhnya penekanan telahpun diberikan kerana kita harap bahawa dalam bidang ini masyarakat bumiputera bukan sahaja sama-sama dapat mengharungi arus dalam bidang intelek, dalam bidang kemahiran dan latihan tetapi juga merupakan golongan-golongan yang berjaya mengusahakan kegiatan-kegiatan yang memajukan latihan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Tuan Pengerusi, perkara keempat yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai arahan Perbendaharaan yang mengatakan bahawa tidak semestinya harga yang terendah digunakan sebagai garis panduan yang mutakhir sehinggalah ada Jabatan-jabatan Kerajaan yang diberikan bidang tugas untuk memutuskan tentang penawaran-penawaran sehingga ada yang memberikan kerja-kerja tersebut ataupun bekalan pada harga yang agak begitu tinggi dibandingkan dengan tawaran-tawaran yang lebih munasabah.

Tuan Pengerusi, dalam semua penawaran oleh pihak kerajaan sewajarnya ada harga tawaran ataupun

satu estimate yang dibuat oleh pihak kerajaan dan kerajaan memberi garis panduan bahawa kalau sekiranya tidak lebih dari 15% lebih mahal ataupun 15% lebih murah maka boleh dipertimbangkan harga-harga yang berkenaan. Walaupun begitu, Tuan Pengerusi, pihak Perbendaharaan juga menekankan tentang kesesuaian dari segi teknikal, kemudian diambil kira tentang track record, dengan izin, pihak-pihak yang bersaing dan kemudian itu kita juga mengambil kira tentang harga.

Untuk makluman Dewan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan bahawa kami di peringkat Kementerian Kewangan selepas mengambil kira tentang hal-hal teknikal dan juga track record dan sebagainya, biasanya kita akan memastikan bahawa kita dapat menyelamatkan wang rakyat, khazanah negara dan dengan tidak banyak cerewet dan banyak bicara bahawa kita memilih pada tahap harga yang paling rendah yang boleh kita terima berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang saya sebutkan sebentar tadi.

Jadi, Tuan Pengerusi, walaupun begitu saya menerima saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Padang Terap supaya pihak Perbendaharaan menilai semula tentang pelaksanaan arahan Perbendaharaan supaya tidak ada pihak yang boleh menyalahgunakannya sebegitu rupa sehinggakan wang rakyat dan khazanah negara dibazirkan melalui amalan-amalan yang negatif dan tidak sihat seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh. Saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh yang secara laboriousnya memberi chronology, dengan izin, kes-kes yang disebut terutama sekali mengenai kes Yap Teng Fook yang telah mendapat layanan yang agak berlarutan dari pihak KWSP.

Tuan Pengerusi, pada awalnya Ahli Yang Berhormat dari Seputeh mengatakan bahawa dalam hal surat-menyurat bahawa beliau tidak mendapat keyakinan layanan daripada pihak Jabatan-jabatan Kerajaan, tetapi apabila saya mendengar kronologi yang disebut oleh Yang Berhormat dari Seputeh, maka beliau menerima surat daripada pihak-pihak yang berkenaan menjelaskan kedudukan kes Yap Teng Fook itu, maka tidak benarlah untuk mengatakan bahawa tidak ada sambutan daripada KWSP dalam soal surat-menyurat. Tetapi sekadarkan ingin saya menambah di sini bahawa kadangkala untuk menyelesaikan masalah seperti Yap Teng Fook ini, ianya bukan sahaja memerlukan kepada tindakan daripada pihak KWSP itu sendiri, tetapi besar kemungkinan ianya telah dibawa ke peringkat judiciary, dengan izin, maka mungkin di situ perlukan kepada langkah-langkah peringkat demi peringkat, maka tidak hairanlah kalau sekiranya ianya berlarutan daripada tahun 1984 sampailah kepada 1992.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, kalau sekiranya ini merupakan satu contoh, maka kita akan mengambilnya sebagai contoh dan kalau sekiranya Yang Berhormat dari Seputeh minta

saya supaya membawa kes secara spesifik ini, iaitu Yap Teng Fook, maka saya akan membawa kes ini kepada pihak KWSP untuk gambaran yang terakhir tentang janji yang dibuat pada 6hb Oktober 1992 untuk dikreditkan satu jumlah RM48,705. Jadi, saya akan menyampaikan maklumat ini kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Larut telah bangun dengan niat yang mulia dan suci untuk merakamkan harapan kita semua supaya peruntukan kerajaan dalam bentuk pinjaman-pinjaman kepada agensi-agensi kerajaan tidak digunakan secara membazir dan saya menerima pandangan Yang Berhormat dari Larut supaya kita dapat mengelakkan daripada berlakunya bukan sahaja pembaziran, tetapi kerugian, bahkan duplikasi, dan juga ada kalanya di mana agensi-agensi yang berkenaan bertindak sebegitu rupa sehinggakan menjejaskan usahawan-usahawan yang sederhana dan kecilan di kalangan masyarakat bumiputera.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan di sini bahawa pihak Perbendaharaan telah membuat satu keputusan bahawa dalam apa pun perbelanjaan untuk agensi-agensi kerajaan, ianya perlukan kepada pengamatan daripada pihak Perbendaharaan. Dan jika sekiranya ianya juga memerlukan kepada pandangan daripada agensi-agensi pusat, bukan sahaja daripada Perbendaharaan, tetapi daripada Unit Perancang Ekonomi, maka pihak-pihak yang berkenaan diminta, bahkan disyaratkan supaya dapat dinilai dan dikaji oleh Unit Perancang Ekonomi selain daripada pihak Perbendaharaan. Dengan cara

demikian maka ianya dapat dikaji secara seimbang tentang kesesuaian projek-projek yang hendak dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan.

Oleh Kerana Yang Berhormat dari Larut menyebut PERNAS sebagai satu contoh yang agak spesifik, Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menyebut di Dewan ini bahawa pihak Kabinet baru-baru ini sudahpun membuat satu keputusan supaya PERNAS dikaji secara terperinci bahawa Kabinet memutuskan sudah tiba masanya pihak PERNAS dikaji secara terperinci oleh pihak kerajaan melalui perlantikan satu pasukan perunding untuk memastikan bahawa PERNAS benar-benar mempunyai wibawa, bukan sahaja untuk mencapai matlamat sebagai syarikat-syarikat yang berjaya dari segi commercial, tetapi juga PERNAS dapat menyelesaikan segala hutang-piutang yang besar yang masih lagi dibawa oleh pihak PERNAS.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Jadi, ini adalah contoh yang paling besar, yang paling terakhir di mana kerajaan sedar tentang tanggungjawabnya, maka memerlukan kepada pengamatan yang khusus. Untuk maklumat Yang Berhormat dari Larut, di Kementerian Kewangan wujud satu unit sejak lebih kurang lima enam tahun yang lalu, sampailah pada hari ini di mana syarikat-syarikat kerajaan yang merupakan bermasalah dikaji secara terperinci satu demi satu, sebagai contohnya seperti Sabah Gas Industry.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Kepong Bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya memang mengalu-alukan usaha untuk memperbaiki keadaan ke atas agensi-agensi kerajaan yang menghadapi kesusahan, tetapi dua hari yang lepas Yang Berhormat Menteri Kewangan ada mengumumkan bahawa semua agensi digalakkan untuk membuka pintu untuk diperiksa oleh orang awam supaya pertanggungjawaban dan accessibility itu berjalan. Adakah ini benar? Kalau benar, bagaimana pihak Kementerian selain daripada kita mewujudkan jawatankuasa khas, bagaimana pihak Kementerian Kewangan dapat melaksanakan hasrat yang baik ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, kalau kita lihat peruntukan yang ada dalam sistem Belanjawan negara kita ini, untuk memastikan bahawa wang rakyat digunakan dengan sebaik-baiknya, maka Yang Berhormat dari Kepong bersetuju dengan saya bahawa di antara peruntukan itu, ada seperti di Parlimen ini sendiri, bahkan saya ingin berhujah di sini bahawa dalam bidang untuk pengawasan, kalau kita mengambil contoh seperti MARA, maka kita mempunyai Majlis MARA itu sendiri. Bukan sahaja terhad kepada Arahan Perbendaharaan, bahkan sepatutnya wujud satu sistem dalam pentadbiran di peringkat kerajaan rata-rata ataupun di jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu. Dan.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya belum habis lagi, biar saya habiskan. Dan juga Yang Berhormat

Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kerajaan memikul sebahagian daripada tanggungjawab tersebut bukan sahaja sebagai Menteri Kewangan, tetapi juga sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan.

Kita juga mempunyai laporan-laporan yang dibuat oleh Auditor General dan akhirnya kita mempunyai Jawatankuasa yang tertinggi seperti Public Accounts Committee. Dan kalau sekiranya ada cadangan yang boleh dipraktikkan di mana pihak-pihak yang berkenaan boleh dibuka dengan lebih luas lagi untuk pengamatan masyarakat, maka mungkin boleh kita fikirkan berdasarkan kepada apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi.

Jadi Tuan Pengerusi, saya melihat perkara yang dibangkitkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat dari Kepong.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Kepong bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:...berdasarkan kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dilaporkan dalam suratkhbar itu dalam konteks yang saya sebutkan sebentar tadi bahawa setiap peringkat, tak kira di peringkat kerajaan sama ada sistem yang ada atau pun badan-badan yang diamanahkan sampailah kepada adanya Auditor General, adanya PAC dan akhirnya adanya Parlimen untuk kita membicarakan perkara-perkara seperti begini.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Satu sahaja, singkat sahaja saya rasa. Tuan Pengerusi, penjelasan sekali lagi dengan singkat. Memang saluran yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, (*Disampuk*) tak ada masalah Yang Berhormat melarut. Saluran yang disebutkan tadi tidak mencukupi untuk apa yang disebutkan sebagai accountability dan accessibility, tidak cukup.

Misalnya, bagi MARA di dalam Rancangan Malaysia Keenam diperuntukkan satu bilion ringgit untuk bidang perniagaan dan pelajaran, dan di dalam pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan kepada peminjam-peminjam dan mahasiswa-mahasiswi, lebih RM150 juta tidak dapat dibayar balik. Ini menunjukkan sistem yang ada sekarang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan untuk menyelesaikan masalah. Tidak cukup. Jadi apakah yang hendak kita buat untuk mengatasi kebuntuan masalah dan kesusahan kerenah yang begitu rumit.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, kita tidak menafikan, mungkin ada kerenah di sana-sini, tetapi Yang Berhormat dari Kepong juga sepatutnya sama-sama maklum apabila saya berkata bahawa jika sekiranya kita mentafsirkan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, maka ia memerlukan kepada kaedah yang sesuai dan wajar untuk digunakan supaya agensi kerajaan, Jabatan-jabatan kerajaan agak lebih terbuka lagi untuk diawasi oleh masyarakat dan

oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab di atas perjalanan mereka.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya sudah tersebut tentang hal MARA tadi, saya hendak merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru.....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Bintang bangun Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:...bahawa adalah tidak.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak minta jalan.

Tuan Wee Choo Keong: Minta penjelasan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sudah masuk MARA, ya.

Tuan Wee Choo Keong: No, no. Sebelum itu, mengenai soal agensi Kerajaan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebutkan agensi-agensi kerajaan perlu dikawal dan sebagainya. Tetapi mengikut keadaan sekarang, laporan tahunan agensi-agensi kerajaan ini tidak up-to-date. Boleh dikatakan majoritinya tidak up-to-date. Yang adanya lima tahun kebelakangan dan belum bentangkan laporan tahunannya di Parlimen. Yang ada tiga tahun, empat tahun, dan tiap-tiap tahun mereka datang ke sini minta wang dan kita berikan wang kepada mereka dan kita tidak tahu apakah itu dalam laporan Ketua Audit Negara. Yang itu yang kita hendak tahu. Apakah tindakan yang akan diambil ataupun telah diambil oleh Kementerian Kewangan di atas perkara ini supaya agensi-agensi

kerajaan mengup-to-datekan semua laporan tahunan mereka? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Bahawa tuduhan itu tidak benar. Hanya sedikit sahaja yang tidak up-to-date, dua tiga sahaja.

Tuan Wee Choo Keong: Kenapa dia jawab? Dia Menterikah? Bilakah dia dilantik menjadi seorang Menteri?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, saya bukan Menteri, kalau Menteri duduk sebelah sanalah! Bodoh! Tarik balik! Tarik balik. Saya Timbalan Pengerusi PAC—bertanggungjawab.

Tuan Wee Choo Keong: Tapi beliau tidak ada hak Tuan Pengerusi untuk menjawab. Janganlah beri bantuan kepada Menteri-menteri yang ada lebih layak untuk menjawab soalan ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut tadi memang tepat. (*Tepuk*)(*Ketawa*). Betul, tidak banyak yang lewat untuk menyampaikan laporan masing-masing kepada pihak Auditor-General dan mereka yang lewat are taken to task, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Saya nampak sangat Yang Berhormat dari Bayan Baru hendak meletakkan setiap daripada beban itu kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi saya sudah jelaskan sebentar tadi bahawa adalah tidak adil dan tidak sepatutnya begitu pendekatan, melainkan Yang Berhormat dari Bayan Baru ada sebab-sebab tersendiri untuk membuat pendekatan seperti demikian.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia hendak minta jalan.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tahu Timbalan Menteri Kewangan memang sukar hendak jawab hal-hal peribadi. Saya sudah sebut awal tadi, soal yang berhubung dengan kewangan, fakta kewangan, fakta ekonomi memang boleh jawab. Tetapi soal ini ada sedikit saya menyentuh soal peribadi dia, integrity dia, itu dan ini. Ini disebabkan selain daripada menjadi Menteri Kewangan, beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan - tadi ada disebut, dan beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Penyelewengan. Berapa lama hendak pejam mata? Sebab itu - saya bukan ada apa hal peribadi - ini yang saya tegaskan, dia pun seolah-olah bersubahat dalam semua bentuk penyelewengan dalam berbagai agensi. Bukan sahaja MARA— MARA itu satu kes yang baru, yang begitu kontroversi, isu itu begitu kontroversi—bukan MARA sahaja, banyak lagi, dia tidak ambil tindakan, bermakna kata dia bersubahat. Adakah saya salah?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ini terlanjur - terlanjur. Kalau dia hendak mendakwa sampaikan seseorang bersubahat, saya ingat tidak patut begitu. Tuan Pengerusi, saya tidak ada masa untuk menjelaskan di Dewan ini untuk menggambarkan "betapa berat mata memandang, lebih berat lagi bahu memikul".

Tuan Pengerusi, dalam langkah-langkah beliau sebagai seorang

Menteri Kewangan dan juga sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kerajaan, banyak perkara yang telah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa itu sendiri bagaimana untuk mengatasi masalah-masalah yang kita bangkitkan sebentar tadi.

Untuk menjawab Yang Berhormat dari Bayan Baru, sama ada Wakil Perbendaharaan membuat pendirian di peringkat MARA Holdings, Tuan Pengerusi, dengan takdir Allah S.W.T., Wakil Perbendaharaan di MARA Holdings sudahpun meninggal dunia dan apabila kita kaji balik fail-fail, maka sebelum beliau meninggal dunia ada ditulis surat oleh Allahyarham Anuar Jaafar bahawa beliau membuat pendirian atas nama Wakil Perbendaharaan menolak keputusan yang dibuat oleh MARA Holdings dan ini pun diminitkan di peringkat MARA Holdings. Jadi Tuan Pengerusi.....

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi menyebut tentang.....

Tuan Ahmad bin Nor: *(Menyampuk)(Sambil menunjukkan sebuah keratan akhbar).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, hendak bagi jalankah tidak?

Tuan Ahmad bin Nor: Tidak ada, saya berdiri di sini...*(Pembesar suara dimatikan).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Ahmad bin Nor: Wakil Perbendaharaan yang duduk dalam Majlis bersetuju.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya bercakap Yang Berhormat bertanya saya di peringkat MARA Holdings.

Tuan Ahmad bin Nor: *(Menyampuk)(Pembesar suara tidak dibuka).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat Bayan Baru.....

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, MARA Holdings dan Majlis MARA berbeza. Saya sekadar untuk.....di peringkat MARA Holdings, Allahyarham telah pun membuat surat, membuat pendirian dan telah pun diminitkan di peringkat MARA Holdings.

Tuan Pengerusi, saya berbalik kepada perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Larut mengenai sistem vendor itu, sama ada yang telah dibuat oleh PROTON. Tuan Pengerusi, ini adalah satu contoh di mana sistem vendor itu telah dapat dilaksanakan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai visi yang agak jauh apabila kita berjaya membuat motokar Proton Saga, sudah tiba pada peringkat di mana di peringkat komponennya dapat kita bangunkan pula usahawan bumiputera, sudah pun lebih kurang dekat-dekat dua puluh usahawan bumiputera yang dapat dibangunkan semata-mata berdasarkan kepada naungan yang diberikan oleh pihak proton dengan cara membuat dan membekalkan komponen-komponen yang diperlukan oleh motokar Proton Saga. Jadi Tuan Pengerusi, ini adalah

satu contoh yang boleh digandakan di sektor-sektor yang lain berdasarkan kepada syarikat-syarikat yang besar dalam bidang-bidang yang lain. Saya ingin merumuskan pandangan Yang Berhormat dari Larut yang mengatakan bahawa pada akhirnya setiap daripada kita akan disoal nanti pada Hari Kiamat sama ada kita masing-masing telah menjalankan tugas kita dengan amanahnya.

Tuan Pengerusi, saya percaya Yang Berhormat dari Bayan Baru pun bersetuju dengan saya, bukan Yang Berhormat Menteri Kewangan sahaja yang bertanggungjawab, bukan sistem pentadbiran sahaja yang mesti kita bangunkan supaya ia lebih cekap, tetapi juga ianya berpunca, berpangkal daripada sama ada kita semua sebagai kakitangan kerajaan, sebagai pemimpin mempunyai ethics dan pegangan nilai yang baik untuk memastikan bahawa kita terhindar daripada amalan-amalan yang negatif seperti begini. Jadi, ini adalah asas dan pokok kepada segala-galanya. Walau apapun yang boleh kita buat, maka ianya ada had dan batasannya. Maka kita perlu membangunkan satu masyarakat yang berdasarkan kepada ethics dan pegangan hidup yang mulia dan suci untuk kita bukan sahaja menjaga diri kita, bahkan untuk bersama-sama mengawasi keluarga dan masyarakat kita. Saya setuju sangat pandangan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.....

Tuan Wee Choo Keong: *(Bangun).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Bintang

minta jalan lagi. Yang Berhormat tak beri jalan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya bercakap tentang Allah taala jadi. Saya tak tahu sama ada dia.....*(Ketawa).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendaklah beri jalankah atau tidak?

Tuan Ahmad bin Nor: *(Menyampuk) (Pembesar suara dimatikan).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar ya!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: MARA saya sudah jawab. Yang paling pokok, saya sudah jawab, Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad bin Nor: *(Menyampuk) (Pembesar suara dimatikan).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Dan akhirnya, biar saya.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak mahu beri, yang akhirlah! *(Ketawa).*

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Yang Berhormat dari Bayan Baru.....

Tuan Ahmad bin Nor: *(Menyampuk).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia sudah kata "akhir" ya!

Tuan Ahmad bin Nor: *(Menyampuk) (Pembesar suara dimatikan).*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya minta duduk ya!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, kita pun dimaklumkan bahawa BPR sudah masuk menyiasat, maka kita serahkan kepada BPR untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Bintang, dia tak beri jalan lagi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sudah hendak habis.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tak beri. Duduk ya!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, akhirnya ialah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang minta saya supaya menjelaskan kepada Dewan ini sama ada benar ataupun tidak bahawa Kerajaan Persekutuan menganaktirikan Kerajaan Negeri Kelantan. Saya diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa perkara ini disebut di sana-sini di negeri Kelantan, sampaikan di majlis-majlis masjid pun disebut perkara-perkara yang tidak benar seperti begini. Saya ingin maklumkan bahawa untuk tahun 1993 ini, anggaran pemberian Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri: negeri Kelantan mempunyai peruntukan satu jumlah sebanyak RM105,870,095. Ini adalah peruntukan berdasarkan kepada:

- (i) bilangan penduduk;
- (ii) penyelenggaraan jalan raya;
- (iii) pertambahan hasil;

- (iv) bayaran perkhidmatan;
- (v) pemberian daripada Kumpulan Wang Simpanan Negeri; dan seterusnya pemberian khas, dan berbagai-bagai lagi.

Kalau hendak dibandingkan negeri Kelantan sebanyak RM105 juta tadi, saya hendak bandingkan negeri Kedah yang mendapat satu jumlah RM104,497,000. Jadi, kalau kita ambillah Kedah sebagai satu perbandingan dari segi tahap pembangunan dan sebagainya, maka layanannya begitu adil sekali dan ianya berpunca daripada sumber-sumber yang telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Sama ada ianya berdasarkan kepada bilangan penduduk, tahap pembangunan, keperluan untuk membaiki/ menyelenggara jalan raya dan sebagainya. Apabila Kerajaan Pusat memikirkan bahawa perlu masanya untuk kita mengkaji semula tentang kadar-kadar tersebut, maka Kerajaan Pusat memilih cara-cara yang dapat dinikmati oleh semua negeri. Kalau Kerajaan Pusat sesungguhnya hendak menganaktirikan negeri Kelantan ataupun Sabah, Kerajaan Pusat dengan mudahnya boleh memilih cara-cara yang boleh membeza-bezakan manfaat dan faedahnya, bahkan boleh menidakkan Kerajaan Kelantan itu sendiri.

Jadi, Tuan Pengerusi, kebelakangan ini telah pun dibawa oleh pihak Perbendaharaan satu perubahan kepada kadar mengikut bilangan penduduk dan kenaikan kadar ini dinikmati oleh semua negeri dan akan dimajukan pula di peringkat Majlis Kewangan Negara tidak berapa lama lagi, satu perubahan kadar untuk mengambil kira tahap sosio-ekonomi sesebuah negeri. Lagi sekali ianya

tidak memilih negeri. Apabila dipersetujui nanti oleh Majlis Kewangan Negara, maka ianya akan diterima oleh semua negeri. Begitu juga peruntukan tambahan melalui Majlis-majlis Tempatan yang dinikmati oleh negeri Kelantan, bahkan dalam kes Pergau sekalipun, walaupun pada mula-mulanya pihak Kelantan dengan tergesa-gesa membuat langkah yang agak begitu kebudak-budakan, tetapi akhirnya apabila kita lihat layanan Kerajaan Pusat terhadap Pergau dengan Kenyir, maka ianya lebih kurang sama. Ini berdasarkan kepada amalan-amalan yang lalu.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, sama ada Timbalan Menteri berkenaan bersetuju dengan saya bahawa kalau kita jadi ulama atau bukan ulama, kita tak boleh bohong? (*Ketawa*).

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, ulama nasihatkan anak-anak supaya jangan bohong. Tetapi kalau ulama berbohong, lebih besar dosanya. (*Tepuk*) Bukan sahaja ulama tak boleh berbohong, tetapi oleh kerana dia tak tepat dari segi apa yang dia kata dengan apa yang dia buat, ini lebih berat dosa yang terpaksa ditanggung.

Tuan Pengerusi, jadi saya haraplah supaya pihak yang berkenaan, terutama sekali 'ulama' supaya bercakap dengan benar bahawa Kerajaan Pusat tidak menganaktirikan Kerajaan Negeri Kelantan. Bukan sahaja kita berdasarkan kepada perasaan, tetapi tanggungjawab supaya adil, tak kira mana-mana pihak, supaya tidak ada pihak yang bukan sahaja dianaktirikan, tetapi dizalimi. Kita sedar dalam mentadbirkan negara kita ini bahawa di antara matlamat ialah bukan sahaja dari segi kemakmuran yang dapat dikecapi, tetapi kemak-

muran itu dalam keadaan suasana yang adil dan damai, bukan sahaja di antara kaum, bahkan di antara wilayah dan negeri.

Tuan Pengerusi, apabila Yang Berhormat dari Pasir Mas mencadangkan supaya diambil tindakan yang sewajarnya supaya pihak Kelantan menyedari tentang kesilapannya, saya ingin menyebut di sini bahawa Perbendaharaan sedang pun mengkaji perkara ini pada masa-masa yang akan datang, jika sekiranya ada pinjaman-pinjaman yang akan dibuat, maka akan dikenakan syarat supaya pembayaran balik kalau tidak menepati masanya, maka ianya akan dibayar melalui geran sesebuah negeri. Jadi, jikalau sesebuah negeri itu tertunggak dalam pembayaran hutang-hutangnya, maka ianya akan dipungut balik dengan cara mengambil balik geran-geran negeri yang berkenaan. Ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, kita tak boleh buat berdasarkan kepada pinjaman-pinjaman yang lalu. Tetapi kepada pinjaman-pinjaman yang akan datang, ini akan dikenakan sebagai syarat.

Seterusnya ingin saya sebutkan di sini, Tuan Pengerusi, ada pihak-pihak yang berkenaan dan kita sedang meneliti di mana geran-geran yang diberikan adalah khusus untuk kegunaan yang tertentu. Jika sekiranya ada pihak yang salahguna tentang peruntukan tersebut, maka kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Jadi, jika sekiranya Yang Berhormat dari Pasir Mas ada contoh di mana peruntukan yang tertentu, seperti menyelenggara jalan raya digunakan untuk syarahan di sana-sini—bukan kerana hendak menzalimi mana-mana pihak—kita tidak benarkan perkara ini berlaku dan kita hendak perbetulkan. Maka, ini adalah langkah-langkah

untuk mengawasi pemberian digunakan seperti yang dihasratkan daripada awal-awal lagi.

Jadi, Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ingin menyebut tentang Proton. Sebagai contoh, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menyentuh mengenai local component, khususnya alat air-conditioning. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Proton sudahpun pada tahap 70% tetapi amalan di peringkat dunia pada hari ini, sekadar untuk makluman kita bersama, bahawa dalam hal komponen ini, sourcing, dengan izin, tidak semestinya datang daripada sumber tempatan. Bahawa 'sourcing component' mungkin datang daripada merata dunia, tetapi ianya masih lagi merupakan Proton Saga.

Jadi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Pasir Mas mungkin akan berdepan dengan kemungkinan ini kerana kita telah melihat di negara-negara lain, satu-satu barang itu walaupun jenamanya merupakan jenama Amerika Syarikat tetapi, sebahagian daripadanya datang daripada Belgium, sebahagian daripada Korea, yang lain daripada Singapura dan ada juga 'chips'nya datang daripada Malaysia, akhirnya menjadi satu barang gunaan yang mempunyai jenama di Amerika Syarikat. Kita merupakan sebahagian daripada dunia dan besar kemungkinan Malaysia akan menikmati arus yang saya sebutkan sebentar tadi.

Jadi, Tuan Pengerusi, di atas segala pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bagi pihak Kementerian Kewangan, merakamkan ucapan terima kasih. (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa

wang sejumlah \$267,861,000 untuk Maksud B. 28; \$329,819,040 untuk Maksud B. 29; \$1,117,500,000 untuk Maksud B. 30; \$192,715,000 untuk Maksud B. 31; \$133,775,700 untuk Maksud B. 32; dan \$29,620,000 untuk Maksud B. 33 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$267,861,000 untuk Maksud B. 28; \$329,819,040 untuk Maksud B. 29; \$1,117,500,000 untuk Maksud B. 30; \$192,715,000 untuk Maksud B. 31; \$133,775,700 untuk Maksud B. 32; dan \$29,620,000 untuk Maksud B. 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$74,726,030 untuk Maksud P. 28; \$79,196,000 untuk Maksud P. 31; \$5,000,000 untuk Maksud P. 32 dan \$500,000,000 yang disebutkan untuk Maksud P. 57 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1993 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$74,726,030 untuk Maksud P. 28; \$79,196,000 untuk Maksud P. 31; \$5,000,000 untuk Maksud P. 32; dan \$500,000,000 untuk Maksud P. 57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1993.

Maksud B. 34 (Jadual)—

Maksud P. 34 (Anggaran Pembangunan, 1993)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan 34 dan

Kepala Pembangunan 34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas sekarang. Sebelum itu, saya ingin menjelaskan sedikit iaitu kita ketinggalan satu hari dalam perbincangan mengikut Jadual. Jadi, saya mohon maaf, kalau boleh, kita selesaikan Kementerian Kesihatan pada hari ini. Saya hanya dapat membenarkan dua Ahli mengambil bahagian—seorang daripada Kerajaan dan seorang daripada Pembangkang. Parit Sulong.

5.43 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di dalam membincangkan peruntukan untuk Kementerian Kesihatan di bawah Kepala B. 34 ini, saya ingin merujuk kepada Butiran 100000 mengenai Dasar-dasar Baru.

Dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Program/Aktiviti 101000 mengenai Mempertingkatkan Perkhidmatan 'Hotel' di Hospital. Jadi, dalam konteks ini saya ingin bertanya apakah yang dimaksudkan dengan 'hotel' di hospital ini yang menerima peruntukan lebih kurang \$2 juta. Kalau yang dimaksudkan adalah tempat penginapan untuk waris-waris ataupun saudara-mara pesakit yang datang dari jauh untuk tinggal di hospital-hospital supaya dapat menemani pesakit-pesakit yang berkenaan, saya alu-alukan perkara ini oleh kerana ini akan memberi convenience, dengan izin, atau kemudahan kepada orang-orang yang datang daripada jauh, khususnya adalah mereka yang berpendapatan rendah.

Saya bangkitkan perkara ini oleh kerana selalunya timbul satu masalah apabila seorang pesakit yang datang daripada luar, umpamanya yang mendapatkan perkhidmatan khusus,

perkhidmatan pakar di Hospital Besar Kuala Lumpur ataupun di Hospital Universiti. Apabila pesakit itu terpaksa diiringi oleh pewaris-pewarisnya, mereka mendapati amat sukar sekali untuk tinggal bersama di hospital berkenaan. Jadi, perkara ini sekiranya peruntukan untuk mempertingkatkan perkhidmatan 'hotel' di hospital ini adalah seperti apa yang saya maksudkan, maka perkara ini juga saya harap akan dipertimbangkan sekiranya dikenakan bayaran-bayaran ke atas mereka yang menggunakan kemudahan 'hotel' ini. Bayaran itu harus dipertimbangkan dengan cara yang amat reasonable sekali.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 100000 iaitu mengenai pencegahan penyakit. Juga di bawah Program/Aktiviti 100500 Memperluaskan dan Mempertingkatkan Program Pendidikan, Pencegahan, Kawalan, Rawatan serta Penyelidikan AID/STD (Sex Transmitted Disease)—penyakit yang berkembang dengan sendirinya; Sex Transmitted Disease—penyakit yang berkaitan dengan seks. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

Jadi di sini, masalah ini diperuntukkan dengan lebih kurang \$24,293,800. Ini adalah satu jumlah yang besar. Walaupun ini jumlah yang besar, saya rasa adalah relevan dengan perkembangan dan juga dengan bahaya yang ditimbulkan oleh penyakit AIDS. Cuma saya ingin bertanya, dalam konteks ini, berapa agresifkah dan sejauh manakah program-program yang dikhususkan untuk kumpulan sasaran? Saya dapat tahu dan kita telah pun banyak mendengar daripada media-massa dan radio, masalah sasaran yang diberikan adalah kepada masalah kanak-kanak, masalah belia dan juga masalah penganggur. Kepada

masalah kanak-kanak, kita tahu tumpuannya adalah di sekolah-sekolah. Bagaimanakah kalau mereka itu kumpulan belia, kumpulan yang paling dan amat terlibat di dalam menghadapi risiko yang tinggi terhadap penyakit ini? Apakah langkah-langkah yang dilakukan untuk mengatasi dan juga mengurangkan kadar jangkitan penyakit ini di kalangan penagih-penagih dadah, di kalangan orang yang menggunakan intravenous needles, dengan menggunakan cucukan jarum secara bergilir-gilir tanpa kesedaran (consciousness) terhadap penyakit? Adakah cukup dengan mengadakan keratan-keratan filem yang hanya dua minit, tidak sampai satu minit pun di TV? Soalan saya, adakah ini berkesan? Tidakkah pihak Kementerian mencari jalan lain untuk mewujudkan kerjasama supaya mereka dapat menjalankan satu program yang secara direct, tidak lagi merupakan secondary? "Secondary" maknanya menggunakan iklan, menggunakan poster dan sebagainya, direct bertemu dengan sasaran-sasaran itu.

Saya menegaskan, Tuan Pengerusi, oleh kerana masalah penyakit AIDS ini, kalau kita mengikuti perkembangan yang terakhir, AIDS ini telah banyak mempunyai kategorinya. Ada Kategori-kategori A, B dan C. AIDS yang dikategorikan untuk Asia Tenggara adalah AIDS yang Kategori B. Itu harus diperdalami. Saya tidak mahu membincangkan mengenai masalah kaitan perubatannya. Tetapi sebagaimana saya telah tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, AIDS ini mempunyai multi-dimensions, membawa dimensi yang berbagai-bagai bukan sahaja dari segi mengubati orang yang sakit dan bukan sahaja mencegah orang yang belum

dikenakan sakit. Bagaimana pula hendak merawat mentaliti orang yang telah dijangkiti oleh penyakit AIDS itu? Bagaimana pula kita hendak juga merawat keluarga yang salah seorang daripada anggota keluarga itu adalah dijangkiti oleh penyakit AIDS? Umpamanya, bagaimanakah kita mengatasi mental atau psikologi sesebuah keluarga apabila seorang suami atau isterinya dijangkiti oleh penyakit AIDS? Bagaimanakah persiapan-persiapan kita untuk menghadapi anak-anak yatim piatu yang akan mungkin dipiatukan oleh penyakit AIDS—the orphans, dengan izin, oleh kerana perkara ini telah menjadi dimensi perbincangan dunia. Apabila kita mahu mewujudkan masyarakat sejahtera, kita bukan sahaja harus menumpukan kepada mencari ubat dan juga mencegah orang yang sakit. Perkara-perkara yang berkaitan dengannya juga harus diberi perspektif oleh Kementerian Kesihatan.

Dalam konteks ini juga, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya di dalam usaha mencegah dan menyelidik penyakit, adakah pihak Kementerian Kesihatan hari ini telah bertindak dengan sensitif, dengan pekanya terhadap kemungkinan penipisan lapisan ozon (the thinning of the ozone layer)?

Di kawasan kita ini sendiri sebagaimana yang digembargemburkan oleh environmentalists di seluruh dunia bahawa penipisan ozon ini akan membawa dua kesan. Yang pertamanya adalah pertambahan ultra violet. Yang keduanya adalah pertambahan infra-red. Ultra violet inilah yang berkait rapat dengan kesihatan manusia. Oleh kerana pertambahan cahaya sinaran ultra violet ini akan menyebabkan penyakit

kanser yang amat bahaya. Bagaimanakah persiapan kita? Adakah kita akan menanti supaya the thinning ozone layer itu datang ke sini ataupun kita dari sekarang akan membuat penyelidikan dan perancangan ini? Oleh kerana sebagaimana kita tahu penyakit kanser bukan sahaja dipuncakan oleh rokok sebagaimana yang sedang dikempenkan di sekitar Bangunan Parlimen. Penyakit barah ini juga berpunca salah satunya yang paling penting adalah dari ultra violet ray yang semakin banyak di dalam ruang udara.

Jadi, saya berharap Kementerian Kesihatan akan mengambil satu tindakan yang pro-aktif terhadap masalah the thinning of the ozone layer ataupun penipisan lapisan ozon ini. Oleh kerana ultra violet yang berlebihan akan menimbulkan penyakit barah sama ada barah kulit atau barah lain pada tubuh manusia.

Jadi, dengan itu Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nilam Puri.

5.51 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020300 Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit. Memang perkara ini sekarang menjadi satu perkara yang utama di Malaysia dan peruntukan lebih RM15 juta untuk mengatasi terutama sekali penyakit yang begitu ketara menimpa manusia sekarang iaitu masalah penyakit AIDS yang disebut oleh saudara saya daripada Parit Sulong tadi.

Cuma saya ingin memberi beberapa teguran iaitu cara berkempen untuk menghindarkan AIDS itu, kami daripada PAS amat kesal iaitu pihak Kementerian Kesihatan yang diketuai sendiri oleh Timbalan Menteri, yang bercadang untuk mengedarkan 10,000 kondom dan dimulakan di Pasar Seni baru-baru ini. Bagi kita kalaulah kondom itu boleh menyelesaikan masalah AIDS, sudah lama ia selesai di Amerika dan di England.

Sedangkan di Amerika Syarikat, diperingatkan di dalam televisyen, radio bahkan di sekolah-sekolah dan di universiti diletakkan kondom. Tetapi penyakit AIDS di negara mereka terus bertambah. Masalah yang paling penting dan yang paling perlu kita ingat di sini ialah jangan kita lupa bahawa penyakit itu kadang-kalanya kita hendaklah fikir dari sudut bala daripada Allah S.W.T. Sedangkan kalau kita mengedarkan kondom, sedangkan ada di antara yang mereka dapat kondom itu tidak pernah pun tengok kondom. Kalau dengan kondom itu buat menarik perhatian mereka untuk melakukan zina dan sedangkan mereka yang mendapat kondom itu seolah-olah menggalakkan zina, kalau satu pasangan melakukan zina, betapa dosa yang akan kita pikul kalau ianya datang daripada penggalakan kita.

Ingat kisah kaum Nabi Lut Alaihissalam apabila kumpulan homoseksual yang menyerbu rumah Nabi Lut sebab mereka teringin kepada malaikat yang datang menyerupai lelaki. Nabi Lut menyatakan "Ini dia anak gadisku, ambillah, kahwinlah". Tetapi mereka yang datang ke rumah Nabi Lut itu tetap inginkan malaikat yang menyerupai manusia. Akhirnya, mereka itu melakukan persetubuhan haram dan mengamalkan persetubuhan haram. Allah memberi malapetaka

yang amat dahsyat kepada kaum Nabi Lut yang dipercayai oleh semua agama terutama agama samawi, Yahudi, Kristian dan Islam, dipercayai kisah Nabi Lut ini.

Tetapi sekarang ini Kementerian Kesihatan mengedarkan kondom termasuklah kepada orang-orang yang belum berkahwin, orang-orang Islam dan orang bukan Islam. Kita bimbang dengan dapat kondom ini, mereka yang tidak tahu menggunakannya akan menggunakannya. Tambahan pula dipamerkan gambar-gambar bagaimana cara menggunakan kondom.

Biar kami dituduh fanatik di dalam soal ini, dituduh picik atau dituduh tidak bertamadun tetapi soal kita mengizinkan orang berzina, adalah satu perkara yang perlu ditentang kerana ia di sisi Islam adalah satu perkara yang amat besar. Kita boleh mencari jalan yang lain, misalnya menggunakan pendidikan atau televisyen menyiarkan keburukan perzinaan sebagai satu perbuatan yang paling haram di sudut Islam. Hukumnya begitu berat, kalau yang belum berkahwin disebat dengan 100 rotan. Kalau yang telah berkahwin hukumnya begitu berat. Kenapa tidak ditekankan soal agama? Sedangkan kalau penyelesaian mengikut akal manusia, Amerika orang yang bijak sudah tentu mereka boleh menyelesaikan masalah mereka. Tetapi kita lihat penyakit AIDS bertambah bahkan ahli-ahli fikir Amerika sendiri mengatakan di antara punca penyakit AIDS ini ialah mereka melanggar perintah Tuhan dan sebab itulah di Amerika sendiri ada gerakan yang diketuai—namanya saya ingat Bill Roche kalau tidak silap saya—beliau sendiri yang mempelopori untuk mengembalikan ajaran Kristian supaya ajaran Nabi Isa Alaihissalam, ajaran

sebenarnya itu, kembali berpengaruh di Amerika untuk memerangi penyakit sosial yang sedang berlaku.

Kita di sini, agama Islam sebagai agama rasmi, agama Kristian dan Buddha, agama anutan ramai. Kenapa kita tidak menggunakan dengan bersungguh-sungguh melalui aliran agama ini untuk memerangi gejala maksiat ataupun mengelakkan bala daripada Allah S.W.T.?

Kami daripada PAS akan menentang habis-habisan pemberian kondom ini walaupun dianggap kolot atau picik. Kami akan tentang di luar dan di dalam Parlimen sebab kalau untuk suami-isteri, itu soal lain. Tetapi kalau digunakan secara berleluasa, kalau Kementerian Kesihatan bertanggungjawab orang melakukan perzinaan, maka itu adalah satu petanda dan amaran yang diberi oleh Allah S.W.T. Kalau kita menggalakkan perzinaan, kita bimbang malapetaka yang lebih dahsyat akan berlaku di negeri kita. Kita boleh berikhtiar di sudut pemikiran manusia. Lihat apa sahaja sekarang ini—kebakaran. Semasa dahulu Sekolah Taufiqiah terbakar, orang perli. Kemudian airport terbakar, mahkamah terbakar, balai polis terbakar mungkin minggu depan bomba pula terbakar. Ini semua di samping kita berikhtiar, kita juga kena kembali kepada ajaran agama itu sendiri.

Seterusnya, saya ingin juga menyentuh Butiran 030400 iaitu Pembedahan Am berkenaan dengan aduan daripada sebahagian orang-orang Islam di negeri Perak yang dihantar surat ini kepada Timbalan Menteri iaitu yang bertajuk Penghinaan dan Pembunuhan Secara Senyap Ke Atas Umat Islam—Pengendalian Kes Pemandulan di Hospital Besar Telok Intan, Perak Darul Ridzuan.

Surat ini berbunyi meminta pihak Dato' menyasat perkara di atas iaitu beberapa kejadian kebelakangan ini, yang dianggap satu perbuatan yang disengajakan ataupun satu perancangan jahat terhadap penambahan penduduk umat Islam khususnya di daerah Hilir Perak, Batang Padang di negeri Perak. Di bahagian wad bersalin dan juga bahagian pembedahan kes bersalin, Hospital Daerah Telok Intan terdapat dua orang doktor yang menjalankan kegiatan mengikat tali rahim ibu-ibu selepas bersalin terutama yang beragama Islam dengan cara memujuk mereka ke arah paksaan dengan berbagai-bagai andaian yang tidak boleh diterima dan tidak mendapat persetujuan suami mereka sekiranya mereka mempunyai ramai anak. Nama-nama doktor tersebut saya tidak perlu sebutkan di sini dan saya agak ada di dalam pengetahuan Timbalan Menteri.

Kejadian memujuk dan mengherdik ibu-ibu Islam selepas bersalin untuk ke arah pemandulan ini dengan andaian-andaian yang karut sehingga ibu-ibu Islam itu akhirnya menerima pujukan itu. Memujuk dengan kata-kata yang karut kepada pesakit-pesakit dan ibu-ibu Islam. Berlaku kes percubaan memandul dibuat tanpa kerelaan sama ada dari pihak suami ataupun isteri yang bersalin itu sendiri. Pemandulan ini dilakukan dengan kuasa doktor tersebut barangkali tanpa mendapat pengesahan daripada Pengarah Kesihatan ataupun pihak yang bertanggungjawab menjaga kesihatan di negeri Perak.

Baru-baru ini berlaku satu kes bersalin dari keturunan India dan bukan Islam. Ibu-ibu dengan kerelaan sendiri ingin dimandulkan, tetapi doktor tersebut tidak mahu

memandulkan beliau. Apakah ada doktor ini melakukan diskriminasi agama? Itu sahaja. Kejadian memujuk dan mengherdik ibu-ibu Islam serta suami mereka untuk dimandulkan sudah berlaku hampir setahun dan doktor tersebut telah berjaya memandulkan ibu-ibu Islam berpuluh-puluh orang bahkan ada pandangan yang mengatakan sampai lebih daripada 100 orang. Berlaku juga berpuluh-puluh kali ungkapan kata-kata yang menghina yang dikeluarkan oleh doktor tersebut terhadap ibu-ibu Islam. Ada perkataan yang dia sebut "Lu sudah ada lima anak, cukuplah. Apa guna ramai lagi" dan banyak lagi perkataan-perkataan yang lain. Orang-orang yang berkenaan amat sensitif terhadap kejadian yang sedang berlaku ini dan tanggapan pihak kami supaya pihak Kementerian Kesihatan dapat mengambil tindakan dengan segera untuk menyasat doktor tersebut. Kalau ini benar dan telah berjalan langsung selama satu tahun, sudah tentulah ianya menunjukkan tidak berkesan atau tidak cekapnya pentadbiran kesihatan negeri Perak dan kita harap Dato' Timbalan Menteri dapat menjelaskan keadaan ini dengan sebaik mungkin. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jawab, Timbalan Menteri.

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tidak ada masa. Timbalan Menteri kena habiskan jawapannya.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, saya harap saya diberi peluang dengan sebab masa yang diperuntukan untuk perbincangan adalah paling pendek.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tahu, tetapi kita tidak sempat.....

Tuan Tan Kok Wai:.....saya percaya dan yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri pun bersetuju dengan saya sebab ini adalah satu subjek yang penting. Kalau masa yang diperuntukkan begitu pendek, apa gunanya kempen anti merokok, kempen penggalakan cara hidup sihat dan poster-posternya dipamerkan di sekitar bangunan Parlimen. Tiada gunanya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya telah buat ruling, bukan kerana saya suka, tetapi kerana masa sudah suntuk.

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta masa 10 minit sahaja, boleh?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak boleh beri, Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab semoga selesai pada hari ini juga. Saya minta seboleh-bolehnyalah, sebab kita sudah ketinggalan, minta maaf.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Yang Berhormat dari Nilam Puri yang telah membangkitkan hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, berkenaan dengan hotel di hospital. Ingin saya terangkan di sini bahawa di dalam hospital ada dua perkhidmatan, iaitu:

- (i) Medical services; dan
- (ii) Hotel services, dengan izin.

Hotel services tidak bermaksud untuk waris pesakit-pesakit yang datang untuk menemani pesakit-pesakit tersebut. Ia bermaksud untuk memperbaiki sedikit sebanyak yang mungkin "hotel", iaitu tempat tidur dan juga tempat mereka berisytirahat. Sebab saya dapati setengah-setengah hospital yang lama mempunyai keadaan tempat tidur dan wad-wad terutama yang berkaitan dengan "perhotelan" tidak begitu baik. Oleh kerana itulah, maka kali ini kita meminta satu peruntukan khas untuk memperbaiki kedudukan hotel tersebut. Jika sekiranya ada salah faham ini, kita berharap Yang Berhormat dari Parit Sulong dapat memahaminya apabila saya cuba menerangkannya.

Berkenaan dengan adik beradik yang datang itu kita cuba seboleh-bolehnya membantu mereka untuk mendapatkan sedikit sebanyak bantuan untuk mereka tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan hospital tersebut. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini hanya dikendalikan, mengikut fahaman saya, oleh beberapa yayasan negeri-negeri supaya mereka dapat hidup semungkin selesa. Tetapi kita cuba menggunakan satu sistem baru, di tempat yang memerlukan ibu bapa bersama-sama dengan pesakit seperti di Institut Paediatrics yang berdekatan dengan Hospital Besar yang mana kita membenarkan ibu bapa menemani anak-anak mereka dalam wad dan dalam wad tersebut kita sediakan dua katil, satu katil untuk anak yang sakit dan satu katil untuk ibu ataupun bapa.

Dari masa ke semasa kita berharap perkhidmatan ini dapat diperbaiki dan insya-Allah, jika kita lihat daripada program-program yang baru dilaksanakan oleh kerajaan

khususnya Kementerian Kesihatan iaitu dua institut baru yang menunjukkan berkemungkinan timbulnya centres of excellence terutama dari segi "perhotelan" iaitu daripada segi tempat tinggal dan juga daripada perkhidmatan perubatan. IJN adalah satu contoh yang mungkin menjadi contoh-contoh lain bagi masa depan untuk kita mengadakan sistem yang sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, dengan peruntukan-peruntukan yang ada, kita akan cuba menggunakan peruntukan ini sebaik mungkin untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan yang mungkin dapat kita perbaiki.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dan sekali gus.....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Bintang minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri merujuk kepada medical centre seperti Subang Medical Centre di Subang Jaya. Sama ada beliau sedar atau tidak di medical centre ini tujuan mereka adalah untuk profit orientated, dengan izin, dan bukannya untuk medical treatment. Pada masa sekarang di dalam Subang Medical Centre ini banyak "Patient Care Committee" yang sepatutnya mesti ada doktor di dalam committee ini. Tetapi pada masa sekarang semua doktor menarik diri daripada "Patient Care Committee" di Subang Medical Centre. Ini bermakna standard of patient care di Subang Jaya telah jatuh pada masa sekarang oleh kerana patient to doctor ratio pun telah jatuh juga.

Sama ada kementerian telah membuat peraturan yang baru untuk mengawalselia medical centre yang dilaksanakan oleh swasta untuk tujuan profit. Pada masa sekarang sudah banyak medical centre ini ditubuhkan seperti di Pulau Pinang, Pahang dan di seluruh negara. Sama ada kita ada satu peraturan untuk mengawal. Telah ada satu kes yang dilaporkan dalam *Malay Mail* di mana kes emergency iaitu accident yang telah pergi ke Subang Medical Centre tetapi mereka tolak, mereka tidak terima. Sama ada perlu diadakan satu peraturan supaya semua medical centre dalam negara kita mesti menerima apa-apa accident sama ada di jalan raya atau di mana-mana juga, dan bukannya ability to pay. Medical centre ini adalah bertanggungjawab untuk memberi treatment kepada accident cases. Terima kasih.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang menimbulkan isu yang berlainan sedikit. Ini adalah berkaitan dengan private medical centres tetapi kita bercakap berkenaan dengan government hospitals. Kalau sekiranya ada masa, saya akan sentuh perkara ini kemudian nanti. Tetapi kita cuba memperbaiki sebaik mungkin services dalam hospital setakat ini selepas mendapat laporan daripada rakyat. Oleh kerana kita perihatin dari segi laporan-laporan ini, maka kita cuba memperbaiki "hotel services" dalam hospital, termasuklah makanan, furnishing, lighting, customers oriented services dan sebagainya sebaik mungkin dan contoh yang baik yang kita ada ini ada dua sekarang iaitu Paediatrics Institute dan juga IJN yang telah pun banyak mengambil kira pembaikan ataupun improvements yang telah pun kita cuba adakah.

Jika sekiranya Yang Berhormat dari Parit Sulong dapat melawat IJN dan Institut Paediatrics ini, mungkin dapat membezakan sistem lama dengan sistem baru, insya-Allah. Oleh kerana itulah maka dari masa ke semasa kita akan menimbulkan Centres of Excellence yang lain. Jika kita lihat peruntukan-peruntukan yang lain, ada peruntukan-peruntukan yang cuba menimbulkan Centres of Excellent yang berkaitan dengan the super speciality yang berkaitan dengan penyakit-penyakit yang timbul akhir-akhir ini.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Bintang bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:
Oleh kerana.....

Tuan Wee Choo Keong: Yang Berhormat, short question, satu yang pendek sekali.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:
Izinkan saya bercakap.

Tuan Wee Choo Keong: Satu soalan sahaja. Minta satu soalan. Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kita, katanya kita ada centre of excellence untuk medical treatment. Sama ada beliau sedar atau tidak di Johor Bharu ada ramai warganegara Singapura datang ke Johor Bharu menerima outpatient and inpatient treatment, oleh kerana medical treatment charges di Singapura lebih tinggi daripada Malaysia, dan mereka menggunakan peluang ini datang ke Malaysia mendapatkan treatment. Sama ada beliau sedar dan

bolehkah beliau beritahu Dewan yang mulia ini, dalam setahun berapa orang warganegara Singapura datang ke Johor Bharu dapat treatment di hospital kita di Singapura dan apakah charge yang kita mengenakan kepada mereka, dan sama ada kita mesti buat satu keputusan sama ada kita hendak beri peluang kepada mereka menggunakan hospital kita ataupun merferkan mereka kepada private medical centre, seperti kalau kita Malaysia pergi ke Singapura, kita mesti pergi ke private medical centre? terima kasih.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Sekali lagi Yang Berhormat dari Bukit Bintang agak terkeluar sedikit daripada soal pokok hari ini. Walau bagaimanapun, saya akan cuba jawab kemudian jika ada masa. Walau bagaimanapun, isu ini telah saya jawab dalam masa Soalan Jawab Mulut dalam Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang lepas berkenaan rakyat asing, bukan rakyat Singapura sahaja.

Tuan Pengerusi, izinkan saya teruskan berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga sekali gus dari Nilam Puri. Pertama berkenaan dengan pembasmian STD termasuk AIDS, jika sekiranya Yang Berhormat sedar setakat ini kita cuba setakat mana yang boleh untuk menjalankan kempen-kempen yang tertentu mengikut fasa-fasa tertentu. Peringkat awal kita cubakan kempen yang pertama iaitu melalui KAP iaitu, dengan izin, Knowledge, Attitude and Practice. Daripada peringkat awal dari segi "knowledge" kita dapati daripada feedback, 99% daripada rakyat Malaysia sedar tentang penyakit ini. Ini menunjukkan kejayaan program

ini disalurkan kepada rakyat melalui "awareness campaign", itu peringkat pertama.

Kita sekarang bergerak kepada peringkat kedua, iaitu "change of attitude". Inilah kita mempunyai masalah yang besar, iaitu bagaimana kita hendak mengubah sikap dan juga attitude rakyat tentang sikap mereka terhadap penyakit ini. Kita tahu, tak perlulah saya mendalami cara penyakit ini berjangkit, iaitu melalui darah, melalui persetubuhan ataupun sexual intercourse dan ketiga melalui ibu ke anak., tidak ada cara-cara lain. Jadi, oleh kerana itu, kita terpaksa menunjukan kempen kita terhadap tiga cara penularan penyakit tersebut ataupun transmission penyakit-penyakit ini. Jadi, oleh kerana itulah maka kita telah diberi peruntukan yang agak besar untuk tahun 1993 untuk kita menjalankan kempen yang lebih agresif, dan menumpukan kempen itu terhadap kumpulan sasaran, terutamanya antara 15 ke 40 tahun, iaitu kumpulan yang terbanyak sekali terkena penyakit ini. Oleh kerana itulah, maka kita terpaksa menggunakan kumpulan-kumpulan yang termasuk dalam Kumpulan NGOs (Non-Governmental Organisations) membantu kita untuk menjalankan kempen ini supaya menggunakan pendekatan pendidikan, pendekatan medical dan pendekatan-pendekatan lain yang mungkin kadang-kadang Kementerian Kesihatan sendiri tak boleh menjalaninya. Oleh kerana itulah, maka saya ingin membetulkan tanggapan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengatakan bahawa Kementerian Kesihatan telah pun menyebarkan kondom sebanyak 10,000. Saya ingin menyatakan di sini sebagai

on record, Kementerian Kesihatan tidak menyebarkan, tetapi yang menjalankan program itu ialah Pink Triangle, salah satu daripada NGOs yang telahpun menjadi salah satu daripada activist dalam kumpulan untuk kempen terhadap kaum muda.

Jadi, saya ingin menyatakan di sini bahawa perkataan 'kondom' ini menjadi salah satu perkataan yang agak disalahfahamkan. Kita mesti ingat bahawa salah satu daripada cara yang mungkin terbanyak akan mengakibatkan pertambahannya kes-kes baru dalam tahun-tahun depan, apatah lagi tahun 1995 ke 1998 kita anggar bahawa bilangannya akan bertambah lebih kurang 35,000 orang. Oleh kerana itulah kita terpaksa lebih agresif terhadap kempen ini. Dan Kementerian Kesihatan memang penyokong program-program tertentu tentang beberapa pendekatan. Salah satu daripada cara yang mungkin akan merubah fenomena penyakit ini di Malaysia ialah di mana mulai daripada tahun-tahun akan datang, bila trendnya sudahpun jelas, kebanyakan daripada kes-kes baru akan berunsur kepada kes-kes yang berkaitan dengan sexually transmitted activities. Jadi, kumpulan yang banyak hari ini ialah Kumpulan IVDU, iaitu kumpulan yang menggunakan jarum dalam mendapatkan the shoot-up, dengan izin, ataupun penggunaan dadah. Oleh kerana ada sub-culture dalam kumpulan ini, iaitu sub-culture jika sekiranya mereka berkongsi jarum, maka jarum itu tidak perlu dibersihkan. Jadi, kadang-kadang kes-kes baru banyak timbul dari kumpulan ini. Jadi, kita terpaksa menggunakan NGO untuk mendekati Kumpulan-kumpulan IVDU ini supaya mengambil langkah-

langkah yang perlu bersama-sama dengan kumpulan lain supaya tidak menggunakan jarum secara berkongsi. Ini adalah satu peningkatan yang sukar.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin penjelasan. Oleh kerana di sini banyak penekanan diberikan kepada peranan NGO ataupun Pertubuhan Bukan Kerajaan, di dalam membantu Kerajaan mencegah dan memulih kumpulan sasar penyakit AIDS saya ingin tahu adakah ini mendatangkan kesan, dan apakah legal implication yang akan timbul kalau orang-orang ini, Kumpulan NGOs ini bertindak yang mungkin selaras dengan tindakan yang harus dijalankan oleh badan-badan pencegahan yang mempunyai authority atau kuasa pencegahan daripada Kerajaan yang memerlukan back-up undang-undang dan sebagainya. Adakah kumpulan ini akan diberi sampingan perlindungan undang-undang ataupun authority oleh pihak kerajaan. Kalau tidak, adakah perkara ini akan menjadi berkesan?

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan sehingga hari ini, berapa banyakkah penyebaran AIDS ini berpunca daripada orang-orang yang menemui pelacur? Kalau puncanya daripada orang yang melawati pelacur, oleh kerana AIDS ini adalah salah satunya menerusi persetujuan, bagaimanakah kita hendak mencegah

pelacur-pelacur yang dijangkiti penyakit AIDS. Adakah semata-mata kita membuat kenyataan akhbar menasihatkan mereka untuk datang menerima kawalan, ataupun kita harus memerangi mereka? Adakah Kementerian Kesihatan mahu mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri umpamanya supaya Penal Code itu diubah dan digubal satu undang-undang di mana pelacuran harus diharamkan dalam konteks mencegah penyakit AIDS? Saya minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini NGOs sedang bekerjasama dengan IVDU tidak mempunyai legal protection. Walau bagaimanapun, mereka menjalankan pekerjaan ini secara sukarela dan mereka menasihati kalau boleh pihak-pihak ini tidak menggunakan jarum secara berkongsi dan membawa balik mereka ke jalan yang baik melalui kaunseling. Setakat ini beberapa kes ada kejayaannya di mana kaunseling yang digunakan itu adalah kaunseling yang agak profesional. Mereka ini perlu dilatih secara mendalam. Kadang-kadang kalau mereka silap dikaunsel, mereka akan memberontak dan mungkin menjadi isu baru, isu yang mungkin akan mengakibatkan keburukan kepada kaunselors ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nilam Puri Bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nampak dalam kempen memerangi AIDS sekarang ini terutama untuk orang Islam, kaedah

pendekatan agama agak kurang, misalnya kita jangan malu letakkan ayat-ayat al-Quran di Kuala Lumpur, “Zina—janganlah mendekati”, ataupun “Zina hukumnya sebat 100 rotan”. Kalau orang Islam dikempen melalui agama, kita agak ianya lebih berkesan. Tetapi kempen melalui kondom, yang saya dapat risalah ini, saya tengok terjemahannya, “gunakanlah kondom dalam semua perhubungan jenis, sama ada melalui kemaluan perempuan atau melalui belakang atau melalui oral”.

Jadi, ini kalau anak-anak muda baca ini, yang tidak pernah buat pun, sekarang dia berani buat. Dan misalnya ditangkap baru-baru ini penuntut-penuntut sekolah di Sentul, pelajar Tingkatan 4, Tingkatan 5 memang bawa kondom ke sekolah, bila ditanya oleh guru mereka: “Kenapa kamu bawa kondom ke sekolah”? “Sebab, diberitahu dalam kempen-kempen iaitu kondom untuk mengelakkan beranak”. Jadi, dia tidak takut lagi zina. Kenapa kita tidak bawa dari segi pendekatan Islam, supaya umat Islam terutama sekali takutkan perbuatan zina dan balasan daripada Allah. Dengan itu kempen itu lebih berkesan daripada kondom dan sebagainya.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Pengerusi, saya belum lagi sampai ketahap menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, khas berkenaan dengan pendekatan agama, berilah masa untuk saya menjawabnya, jika diizinkan.

Jadi, oleh kerana itu saya terpaksa balik kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parit Sulong. Memang di Malaysia, pelacuran tidak diharamkan. Jadi, tidak ada gunanya

kita katakan bahawa kita mengharamkan pelacuran, sebabnya pelacuran sudah pun haram. Tetapi kita dapat maklumat bahawa, ‘this is the oldest trade in the world’. Dan sukar sekali kita hendak meminta supaya orang ini jangan pergi ke pelacur. Melainkan kita mengajar mereka, pelacuran adalah salah, adalah tidak baik dan apatah lagi kalau sekiranya mereka menjalankan perbuatan tersebut dengan orang-orang yang mempunyai HIV.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin berpolemik sedikit dengan Timbalan Menteri di sini. Saya tahu, pelacuran perkara yang haram. Soalan saya, bagaimanakah kita hendak mencegah pelacuran? Memang perkara itu haram, tidak boleh dinafikan, dalam konteks Islam sekali pun. Yang saya ingin soalkan, dalam konteks mencegah AIDS, ada atau tidak pihak Kementerian Kesihatan akan mengemukakan satu cadangan supaya diwujudkan satu rangka undang-undang di mana perusahaan pelacuran, pelacuran ‘is not only the oldest trade, it is also the most lucrative trade’. Jadi, dalam konteks ini, bagaimanakah kita hendak mencegah taukeh-taukeh, ibu-ibu ayam, yang berkeliaran, yang kita tahu. Oleh kerana orang inilah salah satunya daripada contributing factors kepada merebaknya AIDS. Jadi, takkan kita hendak cakap sahaja pelacuran satu oldest trade, without doing anything.

Saya telah baca Penal Code pun tidak ada peruntukan hendak

mencegah pelacuran. Jadi, tidakkah boleh difikirkan, put together all the best minds in the country, supaya Malaysia ini menjadi satu contoh di dalam tindakan yang proactive dalam mencegah AIDS, itu yang saya hendak? Saya hendak dengar daripada Timbalan Menteri.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Terima kasih. Itu idea yang baik, saya ingat kita boleh ambil ini sebagai salah satu dari pandangan untuk kita bertindak tetapi setakat ini pun kita telahpun bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk menjalankan beberapa raids ke kawasan-kawasan tersebut untuk menentukan bahawa pusat-pusat pelacuran ini tidak wujud, tetapi seperti yang kita maklum, satu pendekatan yang lebih agresif perlu diadakan, dan insya-Allah kita akan berbincang dengan pihak-pihak tertentu untuk menghadapi masalah pelacuran yang tentu sekali menjadi salah satu punca atau sebab merebaknya penyakit ini.

Tuan Pengersui, oleh kerana itu saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat sendiri, kalau boleh, ada mempunyai pandangan-pandangan yang baik, bolehlah kita menggunakan pandangan-pandangan ini untuk kita gunakan sebagai pendekatan untuk mencegah penyakit ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menentukan bahawa salah anggap berkenaan dengan kondom ini diperbetulkan. Bahawa kita menggunakan kondom ini kepada pihak-pihak yang mempunyai HIV sahaja, dan memberi amaran kepada orang ramai bahawa penggunaan kondom tidak 100% boleh menentukan selamat. Hanya pihak-pihak yang mempunyai HIV dan antara perhubungan yang sah. Ada

isteri dan suami yang mempunyai HIV dan kita menggalakkan ini supaya mereka menggunakan kondom untuk tidak menjangkitkan penyakit itu kepada orang lain. Kita tidak sekali-kali mengkempen di seluruh Malaysia mengatakan bahawa kondom adalah untuk menghindar kehamilan—tidak. Kita bercakap dari konteks HIV.

Jadi, sekiranya kita disalahfahamkan, diharap bahawa perkara ini dapat.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Minta jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nilam Puri minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Minta jalan Dato' sekali lagi.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Baiklah, izinkanlah saya teruskan Yang Berhormat, masa tidak cukup. Kalau sekiranya saya diizinkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Memang disalahgunakan sekarang.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Baik, yang penting di sini ialah pendekatan kita dahulu. Yang disalahgunakan bukan salah kita lagi. We have tried our best so far now.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Saya ingin bertanya Dato'.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Apakah Dato' Timbalan Menteri beri kondom pada malam itu semua yang diberi kondom itu orang yang ada HIV. Kenapa gunakan Malek Nor, bintang filem? Adakah bintang filem itu semuanya jahat? Jadi, gambaran masyarakat sekarang ini yang distribute kondom ialah bintang filem. kemudian yang diberi di Pasar Seni itu adakah semua mereka pengidap penyakit HIV?,

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Pengerusi, baiklah, mungkin pendekatan itu tidak sesuai dengan selera Yang Berhormat. Tetapi walau bagaimanapun, kita dapati bahawa pendekatan sedemikian is a direct, open approach yang mungkin mendapat tentangan. Tetapi, saya ingin menegaskan, tujuan kita ialah untuk memberi educational, messages kepada orang ramai yang belum terkena, kerana kita menentukan AIDS boleh dielak, tetapi tidak boleh diubati. Ini yang kita tujukan kepada orang-orang muda, AIDS is preventable, it is not curable. Oleh kerana itulah, mungkin melalui pemberian kondom oleh pihak Pink Triangle disalahfaham. Tetapi jika sekiranya disalahfaham, kita akan perbetulkan approachnya sahaja, tetapi falsafahnya betul. Tetapi, approachnya mungkin salah sedikit.

Jadi, saya berharap jangan salah faham sebab Kerajaan sendiri pun sensitif terhadap hal ini. Sebab, ada bukti yang menunjukkan bahawa jika sekiranya kondom seperti yang digunakan di negeri Barat, sudah ada penurunan, new cases of HIV. Ini yang terjelas, tetapi kita tidak mahu menjalankan program ala Amerika Syarikat ataupun ala negeri Barat, tetapi kita cuba menimbulkan satu nilai dari segi, seperti yang telah dikatakan, yang berkaitan dengan nilai Malaysia dan sifat-sifat keagamaan kita. Kita sedar, Malaysia adalah multi-racial, multi-cultural and multi-religious. Oleh kerana itu, saya telah memperingatkan banyak kali kepada orang-orang yang menjalankan kempen ini supaya menjagai hal ini.

Jadi, kalau sekiranya falsafahnya salah, itu kita boleh akui. Tetapi, falsafahnya betul, mungkin approachnya salah. Mungkin, mungkin, saya tidak kata salah, tetapi kalau

sekiranya salah, kita akan bawa balik ke jalan yang lebih elok. tetapi, yang penting, kita juga mementingkan ajaran agama, saya telah pun berkali-kali meminta kaum-kaum, the heads of the religious bodies, kumpulan-kumpulan agama di seluruh Malaysia datang untuk menolong membantu kita ataupun kita boleh membantu kumpulan-kumpulan agama termasuk ulama-ulama agama, termasuk ulama-ulama daripada PAS, jika ada, untuk membantu kita, what is the best approach yang kita gunakan. Jika kita mengkritik tanpa melakukan sesuatu, anak kita yang akan menjadi mangsa.

Oleh kerana itulah, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat untuk mengingatkan bahawa menimbulkan masalah ini.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun).

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:
Saya minta maaf.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Saya menawarkan diri sekarang.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:
Kalau menawarkan diri.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Beri saya berceramah di Pusat Seni, tolong kira permit, saya hendak berceramah di Pasar Seni, bagaimana hendak menghindarkan AIDS.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:
Tetapi, kita tidak mahu isu ini dipolitikkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Tidak!.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:
No politics.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Tidak!.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, duduklah.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Isu ini bukan isu politik.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: kalau saya sebut UMNO/PAS, microphone is switched off.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Isu ini bukan isu politik lagi, ini isu penyakit yang tidak ada ubat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan politik, tidak.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Oleh kerana itulah maka kita tidak mahu benda ini dijadikan isu politik dan kita berharap ulama-ulama datang. Dengan izin, this is the time for the ulama to come forward to help us. Inilah masanya para ulama datang untuk membantu daripada agama Islam baik, daripada Kristian baik, agama Hindu baik, daripada Buddha baik. Saya telah berjumpa tetapi tidak ada program untuk outreach setakat ini lagi. Insy-Allah, kalau sekiranya hendak merelakan diri.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang ini baik punya, Persatuan Ulama Malaysia menawarkan secara rasmi untuk membantu. Ustaz Ahmad Awang dan rakan-rakannya, kenapa sampai sekarang mereka tidak diberitahu?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tidak, I made all these calls so many times, dan saya telah membuat panggilan ini beberapa kali, tetapi tidak datang. Saya tidak mahu ini dijadikan isu politik. Isu politik tidak boleh dimasukkan dalam perkara ini. Kementerian Kesihatan memandang berat terhadap hal ini dan oleh kerana itulah, maka kita berharap ulama-ulama yang ingin datang untuk berkempen, maka mereka datang berkempen dengan ikhlas dan tanpa menggunakan political issues, no political slanting.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagikah?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Banyak lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kalau hendak sambung, boleh sambung Isnin hadapan.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Boleh. Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Isnin jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.